

LAPORAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL

IPN_{as} 2018



JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL





JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)

Putrajaya, 2019

Hak cipta / *Copyright* Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN),
2019

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada PERPADUAN terlebih dahulu.


All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the PERPADUAN.



KANDUNGAN

	Prakata YAB Perdana Menteri	1
	Prakata YB Menteri	2
	Prakata Ketua Pengarah	3
	Penghargaan	4
	Glosari	7
	Teras Utama	9
	Ringkasan Eksekutif	13
1	Pendahuluan	23
	Latar belakang	23
	Objektif Kajian	23
	Perpaduan Kunci Masa Depan Negara	24
2	Indeks Antarabangsa dan Nasional Berkaitan Perpaduan	28
	Indeks Antarabangsa Berkaitan Perpaduan	29
	Global Peace Index (GPI)	29
	Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion	30
	Indeks Nasional Berkaitan Perpaduan	31
	Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)	31
	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI)	32
	Indeks Belia Malaysia (IBM)	33
	Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK)	34
3	Keperluan dan Asas Pembangunan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)	37
4	Metodologi IPNas	42
	Kajian Tinjauan	42
	Kaedah Pengumpulan Data	43
	Batasan Kajian	44
	Konstruk Kajian	45
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk	49
	Penganalisan Data	50
5	Demografi Responden	53
6	Nilai Skor Konstruk IPNas	62
	Perpaduan (Diidamkan)	63
	Detik Perpaduan (Perbezaan Semantik)	63
	Detik Perpaduan (Situasi Hipotetikal)	76
	Kesepaduan (Dicapai)	80
	Kesepaduan Nasional	80
	Kesepaduan Sosial	80
	Etos Bangsa	97
	Penyatupaduan (Diusahakan)	100
	Tahap Keetnikan	100
	Batas Etnik	103
	Hubungan Sosial Rentas Etnik	109
	Tadbir Urus dan Pembangunan	113
7	Model Struktur IPNas	119
	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kesepaduan Nasional	119
	Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2018	121
	Bagaimana IPNas Mempengaruhi Polisi Malaysia	122
	Analisis Pemetaan <i>Importance-Performance</i>	123
8	Cadangan Pelan Tindakan IPNas	127
9	Rumusan	131
	Rujukan	132

PRAKATA YAB PERDANA MENTERI



“

Malaysia adalah sebuah Negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa dan yang mempunyai sistem kepercayaan, budaya, bahasa dan adat resam masing-masing yang diwarisi sejak turun-temurun. Keplbagaian ini merupakan satu keunikan yang sepatutnya dirai dan menjadi kebanggaan. Keharmonian dalam kemajmukan ini menjadikan Malaysia Negara yang sering dicontohi masyarakat antarabangsa. Namun, sebagai Negara dengan rakyat berbilang kaum dan budaya, masyarakat kita kadangkala berdepan isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman dan keharmonian. Adalah menjadi komitmen Kerajaan untuk memelihara dan mengutamakan kesejahteraan rakyat agar usaha ke arah perpaduan nasional diteruskan demi menjamin kestabilan Negara.

Menyedari kepentingan bahawa Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk mengukur dan memantau tahap kesepaduan sosial dan perpaduan nasional di Negara ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah membangunkan satu Indeks Perpaduan Nasional menerusi pelaksanaan Kajian Pembangunan Indeks Perpaduan Nasional tahun 2018 (IPNas 2018). IPNas 2018 juga merangkumkan konsep Etos Bangsa yang diperkenalkan pada 1992 sebagai asas mencapai kesepaduan nasional seperti situasi aman, makmur dan sejahtera Negara kita pada hari ini. Walaubagaimanapun, defisit sosial seperti isu perkauman dan provokasi terhadap sensitiviti pihak lain perlu diurus dan ditangani dengan bijak agar keharmonian Negara sentiasa terpelihara. Semoga laporan IPNas 2018 berkenaan keadaan masyarakat pelbagai etnik Negara ini akan membantu semua pihak memantau dan merangka tadbir urus yang lebih berkesan.

”

YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Perdana Menteri Malaysia
Putrajaya

PRAKATA YB MENTERI



“

Kajian ini adalah usaha komprehensif untuk membangunkan satu indeks yang akan menjadi petunjuk kepada kesepaduan sosial dan perpaduan nasional di Malaysia. Indeks Perpaduan Nasional atau singkatannya IPNas ini akan berfungsi sebagai satu instrumen yang akan memantau tahap perpaduan dan keharmonian di Malaysia. Adalah diharapkan IPNas 2018 akan dapat dijadikan sebagai panduan dan input penting kepada semua pihak dalam merangka inisiatif, strategi dan program yang lebih berkesan dalam meningkatkan tahap kesepaduan sosial dan perpaduan nasional di Malaysia selaras dengan hasrat Kerajaan iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

”

YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial)
Putrajaya

PRAKATA KETUA PENGARAH



“

Nilai Indeks Perpaduan Nasional Tahun 2018 (IPNas) adalah berdasarkan nilai varian keseluruhan yang terkumpul dalam konstruk Kesepaduan Sosial yang disebabkan oleh pengaruh faktor Tahap Keetnikan, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Etos Bangsa. Secara keseluruhannya, nilai IPNas 2018 adalah 0.567. Nilai indeks ini adalah tinggi berdasarkan skala di antara 0 hingga 1 yang dinyatakan oleh Cohen (1988) sebagai petunjuk yang sesuai bagi kajian tingkah laku manusia. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan yang diperolehi melalui IPNas adalah kuat dan kukuh walaupun defisit sosial masih berterusan dan muncul sekali sekala. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak kementerian, agensi dan jabatan, pasukan perunding Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia serta semua yang terlibat dalam memastikan kejayaan penghasilan IPNas 2018.

”

YBHG. DATUK BAHARIN BIN IDRIS

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri

Putrajaya



PENGHARGAAN

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Kementerian, agensi serta jabatan yang terlibat dalam membangunkan Indeks Perpaduan Nasional 2018 (IPNas 2018). Penghargaan ini ditujukan kepada semua yang terlibat antaranya:

- Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
- Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Kewangan Malaysia
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Kementerian Dalam Negeri
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
- Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Polis Diraja Malaysia
- Majlis Keselamatan Negara
- Biro Tatanegara

Serta kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penghasilan IPNas 2018. Semoga IPNas 2018 ini menjadi rujukan kepada semua pihak dalam merencanakan dan membangunkan program pembangunan masyarakat serta dalam membangunkan polisi yang berkaitan.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)
Aras 9, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya
Telefon: +(6) 03-8883 7000
Faks: +(6) 03-8888 8575
Web: <https://www.perpaduan.gov.my>

Pasukan Perunding

Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Prof. Dr. Mansor Mohd Noor
Prof. Madya Dr Kartini Aboo Talib@Khalid
Prof Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak
Prof. Madya Dr. Chang Peng Kee
Prof. Madya Dr. Kassim Thukiman
Prof. Madya Dr. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman
Prof. Madya Dr. Jeniri Amir
Prof. Madya Dr. Mohd Ibrani Shahrinin Adam Assim
Prof Madya Dr. Suraiya Ishak
Dr. Chan Suet Kay
Dr. Mohd Mahadee Ismail
Dr. Adil Johan
Dr. Azlina Abdullah
Dr. Zatul Himmah Adnan
Dr. Chin Yee Mun
Ahmad Zul Hakimi Hassim
Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan
Noorrulhawa Abu Bakar
Phoon Li Juan @ Roovasini

Susun Atur Teks dan Reka Bentuk

Jasni Ahmad
Ahmad Zul Hakimi Hassim

Urusetia

Bahagian Penyelarasan Kajian dan Maklumat,
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Jabatan Perdana Menteri)

GLOSARI

01

Perpaduan
(Unity)

● Bahasa (DBP)*

Kesatuan

● Sosiologi (KITA)**

Kesatuan masyarakat yang diidamkan sebagai menjadi matlamat akhir sebuah negara yang berbilang etnik

02

Kesepaduan
(Cohesion)

● Bahasa (DBP)*

Keadaan bersepadu, perihal bersepadu menjadi kesatuan yang utuh

● Sosiologi (KITA)**

Keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat berbilang etnik

03

Penyatupaduan
(Reconciliation)

● Bahasa (DBP)*

Perbuatan atau proses menyatupadukan

● Sosiologi (KITA)**

Usaha berterusan menyatupadukan individu, keluarga dan komuniti pada semua lapisan masyarakat

04

Tawar-menawar
(Bargaining)

● Bahasa (DBP)*

Tawar-menawar

● Sosiologi (KITA)**

Melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak mengenai sesuatu perkara yang memerlukan kesepakatan

05

Perundingan
(Negotiation)

● Bahasa (DBP)*

Perundingan

● Sosiologi (KITA)**

Proses bertukar fikiran dan pendapat ke arah mencari penyelesaian sesuatu perkara yang dipertikaikan

06

Mediasi
(Mediation)

● Bahasa (DBP)*

Pengantaraan, menjadi pengantara

● Sosiologi (KITA)**

Proses ke arah menyelesaikan kebuntuan antara dua pihak yang berbalah melalui pengantara (pihak ketiga)

07

Tapak Integrasi

● Bahasa (DBP)*

Tapak = asas, platform, Integrasi = gabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dan lain-lain) menjadi satu kesatuan (yang utuh): Usaha dilakukan untuk mewujudkan ~ kaum ke arah satu masyarakat beridentiti Malaysia

● Sosiologi (KITA)**

Kesatuan masyarakat yang diidamkan sebagai menjadi matlamat akhir sebuah negara yang berbilang etnik

08

Etos Bangsa

● Bahasa (DBP)*

Etos = sifat ciri sesuatu bangsa, budaya, era, dan lain-lain:
Bangsa = jenis manusia daripada satu asal keturunan; atau kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan

● Sosiologi (KITA)**

Usaha membangunkan bangsa berdasarkan latar individu, keluarga dan komuniti berbagai serta berbeza sejarah, etnik, bahasa, agama, budaya dan latar geografi melebihi kesepakatan ciri asas negara atau bangsa

09

Defisit Dalam Kesepaduan Sosial

● Bahasa (DBP)*

Defisit = kurangan

● Sosiologi (KITA)**

Perkara-perkara yang perlu dirungkai dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kesepaduan sosial

* Definisi Bahasa dirujuk daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu (prpm.dbp.gov.my)

** Definisi Sosiologi berdasarkan konsep ilmu sosiologi yang dibincangkan oleh Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) UKM

GLOSARI

10 Struktur Sosial	<p>● Bahasa (DBP)* Sistem sosial</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Hubungan yang dibina dan terjalin dalam sesebuah masyarakat yang berfungsi untuk menggerakkan dinamika masyarakat</p>
11 Sejarah	<p>● Bahasa (DBP)* Peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, tambo: cerita yang disangka dongeng itu menjadi fakta ~ sesudah dijumpai bukti-bukti yang mengesahkannya</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Himpunan peristiwa dan pengalaman lalu yang saling berkait melibatkan individu, keluarga, komuniti dalam masyarakat</p>
12 Biografi	<p>● Bahasa (DBP)* Riwayat atau kisah hidup seseorang</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Fenomena struktur sosial dan proses sejarah yang mencorakkan pengalaman individu, keluarga, komuniti dalam masyarakat dan sebaliknya, boleh pula mencorakkan struktur sosial dan proses sejarah</p>
13 Perbezaan Semantik	<p>● Bahasa (DBP)* Kebezaan makna</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Pilihan pelbagai yang disediakan dalam julat yang bergerak dari positif ke negatif</p>
14 Situasi Hipotetikal	<p>● Bahasa (DBP)* Situasi bersifat hipotesis</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Konsep abstrak yang pada hakikatnya tidak dapat dilihat tetapi dianggap wujud</p>
15 Konstruk	<p>● Bahasa (DBP)* Gagasan</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Konsep yang dioperasionalkan supaya boleh diukur</p>
16 Model Struktur	<p>● Bahasa (DBP)* Tiada definisi</p>	<p>● Sosiologi (KITA)** Kombinasi konstruk-konstruk yang membentuk suatu model kajian bagi menjelaskan hubungan berkenaan</p>

* Definisi Bahasa dirujuk daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu (prpm.dbp.gov.my)

** Definisi Sosiologi berdasarkan konsep ilmu sosiologi yang dibincangkan oleh Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) UKM

TERAS UTAMA INDEKS PERPADUAN NASIONAL 2018

IPNAS

01 PERPADUAN

dilandamkan

Detik Perpaduan (DP)

Detik Perbezaan (DB)

Etnisiti

Agama

Kelas Sosial

Pendidikan

Bahasa

Jurang Generasi

Gender

Politik Federalisme

Ruang, Bandar-Desa

MEDIA

02 KESEPADUAN

dicapai

Kesepaduan Nasional

Etos Bangsa (EB)

Kesepaduan Sosial (KS)

Defisit Sosial (DS)

9+1

03 PENYATUPADUAN

diusahakan

Etnik

Hubungan Rentas Etnik (HSRE)

Tahap (TK) Keetnikan

Batas Etnik (BE)

Tawar-menawar Perundingan Mediasi

Tadbir Urus & Pembangunan (TUP)







Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

OBJEKTIF BAGI PROJEK INDEKS

Objektif utama projek ini ialah membangunkan Indeks Perpaduan Nasional yang menggambarkan keadaan negara bangsa masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Indeks Perpaduan Nasional atau nama ringkasnya IPNas adalah sebuah model komprehensif pengukuran di peringkat nasional dengan menggunakan kaedah empirikal dan sistematik bagi memahami dan menjelaskan kedinamikan masyarakat di Malaysia.

ASAS IPNas

Indeks ini dibina berdasarkan tiga konsep generik sosiologikal, iaitu struktur, sejarah, dan biografi.


Jalinan struktur sosial dan sejarah menghasilkan biografi individu, keluarga dan komuniti dalam masyarakat pelbagai etnik.

Setiap individu hidup dalam struktur sosial dan mengalami latar belakang sejarah tersendiri yang akan membentuk dan mentakrif biografi masing-masing. Struktur sosial ini mengandungi tiga elemen teras, iaitu masyarakat, negara, dan pasaran, yang akan mempengaruhi individu, institusi, dan masyarakat secara langsung dan tidak langsung. Tambahan pula, elemen sejarah akan tersulam erat dalam struktur sosial yang saling menghubungkait setiap elemen secara timbal balik.

Umumnya, biografi adalah sumber utama dalam pembentukan pelbagai jenis indeks. Terdapat dua kategori indeks yang biasa dipaparkan. Pertama, indeks situasi yang fokus kepada perkara yang spesifik, dan kedua, indeks struktural yang mengambil keseluruhan entiti sosial untuk dikaji.

Kepelbagaian etnik masyarakat di Malaysia lebih tepat dikaji secara mendalam dan meluas dengan menggunakan tiga konsep teras, iaitu perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan. Aplikasi tiga konsep ini akan mempertingkatkan lagi kefahaman terhadap masyarakat Malaysia.

Perpaduan adalah matlamat yang masih diidamkan. Usaha ke arah perpaduan dicapai melalui pelbagai siri tapak integrasi yang mendukung kesepaduan dan dipandu oleh prinsip tawar-menawar, perundingan, dan mediasi. Usaha ini membolehkan cabaran defisit sosial diurus melalui program intervensi yang bersesuaian menjurus ke arah penyatupaduan.



PEMBANGUNAN IPNas

Kajian peringkat nasional telah dilaksanakan bagi mendapatkan data primer sebagai pasak IPNas. Kaedah pensampelan diperoleh daripada kawasan kejrangan di setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia.

Sejumlah 5,275 responden telah melengkapkan soal selidik atas talian menggunakan aplikasi *SurveyMonkey* yang ditadbir sendiri oleh pegawai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan enumerator yang dilantik.

Instrumen IPNas terdiri daripada tujuh konstruk analitikal seperti berikut:

1. Tahap Keetnikan
2. Batas Etnik
3. Hubungan Sosial Rentas Etnik
4. Tadbir Urus dan Pembangunan
5. Etos Bangsa
6. Kesepaduan Sosial
7. Detik Perpaduan

Secara teknikal, kesemua konstruk telah mencapai tahap kesahan konvergen dan diskriminan serta kebolehpercayaan Alpha Cronbach. Data dianalisis menggunakan *Partial-Least Square Structural Equation Modelling* (PLS-SEM) bagi membina model indeks ini.

Kesemua konstruk digabungkan ke dalam model hipotesis struktural bagi membina hubungan antara sebab-akibat bagi menilai perubahan konteks kesepaduan sosial yang dipengaruhi oleh beberapa faktor yang telah dipilih tadi.

Tambahan lagi, Analisis Pemetaan *Importance-Performance* telah digunakan bagi mengenal pasti tahap kemustahakan dan pencapaian setiap konstruk Kesepaduan Sosial sebagai formula untuk membina kerangka dasar dan program intervensi yang digalurkan dalam cadangan Pelan Tindakan.

5,275 responden terlibat dalam kajian IPNas




PERPADUAN

Beberapa detik perpaduan telah dikaji bagi menjelaskan perpaduan sebagai suatu proses berterusan dibina ke dalam set soalan menggunakan perbezaan semantik dalam empat komponen, iaitu ekonomi, politik, pendidikan, dan sosial. Hasil dapatan menunjukkan:

- Lebih 80% responden bersetuju bahawa pembangunan ekonomi telah dicapai.
- Hampir 80% responden mengambil berat masa depan pendidikan generasi baru di Malaysia.
- Lebih 70% responden percaya bahawa warganegara Malaysia adalah celik politik dan akan menggunakan undi melalui pilihan raya untuk perubahan.
- Lebih 90% responden bersetuju bahawa mereka meraikan detik perpaduan dan menghargai kebersamaan tanpa mengira kumpulan etnik dan perbezaan melalui pelbagai tapak integrasi, iaitu, majlis perkahwinan jalanan, isu kesihatan, festival dan karnival, makanan dan restoran, dan ketika situasi krisis.

Detik Perpaduan juga telah dinilai dengan menggunakan teknik situasi hipotetikal. Keputusan kajian mendapati melebihi 95% responden telah membuat pilihan kepada tingkah laku kepelbagaian dalam politik, organisasi, jaringan ekonomi, pendidikan, dan konteks sosial.




KESEPADUAN NASIONAL

Fenomena moden ini diukur dalam dua bentuk iaitu kesepaduan sosial dan etos bangsa.

Kesepaduan Sosial

Konsep ini diperkenalkan oleh Jenson (1998) dan Bernard (1999) dan ianya mengandungi beberapa elemen, iaitu, Rasa Kepunyaan, Keterangkuman, Partisipasi, Dihargai, Legitimasi, dan Kesamarataan. Kesemua komponen ini adalah asas yang digunakan oleh Scanlon-Monash untuk memetakan tahap Kesepaduan Sosial dalam masyarakat di Australia (2007-2018). Hasil pemetaan IPNas memaparkan responden bersetuju kepada komponen ini iaitu:

- Rasa kekitaan (90.1%)
- Penyertaan (87.0%)
- Kesamarataan (82.0%)
- Pengiktirafan (80.4%)
- Legitimasi (77.3%)
- Keterangkuman (76.0%)




Kesepaduan Sosial

Etos Bangsa

Etos Bangsa buat pertama kalinya diperkenalkan oleh Perdana Menteri keempat, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan pada 1992 yang mengandungi tujuh komponen utama. Kenyataan ini telah diangkat sebagai konstruk Etos Bangsa.

Hasil penemuan IPNas bagi Etos Bangsa menunjukkan tahap penerimaan setiap komponen dipapar seperti berikut:

- Rasa kekitaan bersama (91.9%);
- Rasa keterikatan emosi negara yang tinggi (91.8%);
- Ingin berkongsi masa depan yang baik (87.5%);
- Perkongsian nilai 84.8%;
- Kesetiaan (83.4%);
- Komitmen (82.2%); dan
- Perkongsian sejarah (81.8%).



Etos Bangsa

PENYATUPADUAN

Proses penyatupaduan melalui aktiviti Tadbir Urus dan Pembangunan adalah penting bagi memantau dan mengurus kecairan hubungan pelbagai etnik seperti mana yang digambarkan oleh petunjuk Tahap Keetnikan, Batas Etnik, dan Hubungan Sosial Rentas Etnik.

Hasil penemuan bagi Tahap Keetnikan menunjukkan 90.6% responden telah memberi keutamaan kepada identiti etnik masing-masing, namun 86.4% lebih memilih kepada elemen keharmonian dan kestabilan negara manakala 75.8% menekankan pemodenan. Responden memberi keutamaan kepada keetnikan mereka tetapi tidak menafikan keharmonian dan kestabilan negara.

Umumnya, 64.5% responden bersetuju dalam pilihan tingkah laku mereka mengenai keuntungan dari norma sejagat berbanding perkiraan etnik yang melibatkan dimensi material, tuntutan sosial, status sosial, dan tindakan gantian dalam konstruk Batas Etnik.

Dalam Hubungan Sosial Rentas Etnik, hasil kajian memaparkan lebih 80% responden bersetuju bahawa tahap hubungan sosial rentas etnik adalah baik dalam aspek individu dan komuniti. Namun begitu, data menunjukkan hampir 60% responden hanya terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan secara sukarela.

Kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam mengurus masyarakat pelbagai etnik melalui Tadbir Urus dan Pembangunan secara efektif. Berdasarkan dapatan IPNas, responden bersetuju bahawa kerajaan secara relatif telah berjaya:

- Mengurus perkhidmatan awam (73.8%)
- Mengurus masyarakat (69.9%)
- Mengurus politik (66.9%)
- Membasmi jenayah dan rasuah (65.2%)
- Menyediakan kemudahan awam (63.9%)
- Membangunkan ekonomi (55.7%)

Secara keseluruhan, IPNas menyerlahkan bahawa Tadbir urus dan Pembangunan adalah asas penting bagi mengukuhkan kesepaduan sosial secara langsung mahupun secara tidak langsung.

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas) 2018

Kewujudan indeks ini adalah usaha julung kali untuk memahami dan menjelaskan kepada diri kita sendiri mengenai masyarakat kita yang dinamik berdasarkan analisis PLS-SEM dan Analisis Pemetaan *Importance-Performance*.

Dapatan analisis PLS-SEM menunjukkan bahawa kesepaduan nasional adalah syarat awal untuk mencapai perpaduan di Malaysia. Kesepaduan nasional yang diperolehi ialah 0.567. Dalam kata lain, tahap perpaduan yang ditunjukkan oleh IPNas adalah kuat dan kukuh walaupun defisit sosial masih berterusan dan muncul sekali sekala.

Penilaian ini adalah berpandukan pengukuran Cohen (1988) bagi kajian sains tingkah laku yang digambarkan dalam jadual pengukuran di bawah.

Jadual 1.1: Skala Pengukuran Cohen

Nilai	Ukuran
0.26-1.00	Tinggi
0.13-0.25	Sederhana
0.02-0.12	Rendah

Sebagai tambahan, Analisis Pemetaan *Importance-Performance* menunjukkan bahawa pihak kerajaan harus memberi fokus kepada tiga faktor utama untuk menyemai perpaduan iaitu menerusi Etos Bangsa, Hubungan Sosial Rentas Etnik, dan Tadbir Urus dan Pembangunan.

Etos Bangsa harus disemai di setiap lapisan masyarakat dengan aktiviti memantau dan mengurus isu-isu yang mencabar dalam hubungan masyarakat pelbagai etnik secara berterusan. Manakala Hubungan Sosial Rentas Etnik di peringkat individu, keluarga, dan komuniti perlu dididik secara konsisten dan berterusan sebagai usaha melestarikan sebuah masyarakat yang mampan, stabil, berhemah, dan berdaya tahan.

Executive Summary

OBJECTIVE OF INDEX PROJECT

The main objective of this project is to develop a national unity index that portrays the nation-state of Malaysian multiethnic society.

Indeks Perpaduan Nasional (National Unity Index), or its Malay acronym IPNas, is a comprehensive model that provides a national level assessment using an empirical and systematic method to understand and explain the dynamics of Malaysian society.

THE FOUNDATION OF IPNAs

This index is built based upon three generic key sociological concepts, namely structure, history, and biography.

The infusion of social structure and history creates the biography of individual, family, and community in multiethnic society.

Each individual lives in a social structure and endures his or her own historical background that shapes and defines his or her biography. This social structure consists of three core elements, namely society, state, and market, that further influences individual, institution, and community, directly and indirectly. In addition, history is interwoven in social structure that connects each element that inversely influences each other.

Generally, biography is the main source of the construction of various type of index. There are two categories of indexes, first is situational index that has specific focus, and second is structural index that focuses on overall social entities.

The multiethnic society in Malaysia is best examined, in depth and breadth, based on three core concepts that aptly describe Malaysia, namely unity, cohesion and reconciliation.

Unity is still an objective to be achieved. Efforts towards it are largely realized through a series of integration platform guided by the principle of bargaining, negotiation and mediation. This effort will allow the challenges of social deficits to be managed through suitable intervention programs that leads to reconciliation.

CONSTRUCTING IPNAs

A national level survey is conducted to collect a primary data to anchor IPNAs. The sampling derives from neighborhood communities of each State and the Federal Territory of Malaysia.

A total of 5,275 respondents had completed the SurveyMonkey in person collected by officers of Department of National Unity and National Integration and appointed enumerators.

The instrument of IPNAs composes of seven analytical constructs which are the following: 1. Level of Ethnicity, 2. Ethnic Boundary, 3. Cross-cutting Social Ethnic Relations, 4. Governance and Development, 5. National Ethos, 6. Social Cohesion, and 7. Moment of Unity.

Technically, all constructs have achieved the convergent and discriminant validity, and reliability of Cronbach Alpha. Data analysis utilizes the Partial-Least Square Structural Equation Modelling (PLS-SEM) to build the model for the index.

The constructs are combined into a structural hypothesis model to form a causal relationship to assess changes in social cohesion context caused by the chosen aforementioned factors.

Furthermore, the Importance-Performance Map Analysis is applied to determine the level of importance and performance of each Social Cohesion construct as a formula for policy framework and intervention program outlined in the proposed Plan of Action.



UNITY

A few Moments of Unity are examined to describe unity as an ongoing process that has been constructed into a set of questionnaires using semantic differential options in four components such as economy, politics, education, and social. The findings reveal:

- More than 80% of respondents agree that we have achieved economic development.
- Almost 80% of respondents are concerned with future education for the new generation in Malaysia.
- More than 70% of respondents believe that Malaysians are politically literate and will use vote through election for change.
- More than 90% of respondents agree that they celebrate moment of unity and appreciate togetherness regardless of ethnic groups and differences through various social integration platforms such as street wedding ceremony, healthcare issues, festival and carnival, food and restaurants, and in crisis situation.

The Moment of Unity situation is also evaluated based on an hypothetical situational technique. The result shows more than 95% of respondents have chosen preferences to behavioral diversity in politics, organizations, economic networks, education, and social contexts.

NATIONAL COHESION

This modern phenomenon is assessed in two forms such as social cohesion and national ethos.

Social Cohesion

This term is coined by Jenson (1998) and Bernard (1999), which consists of a few components including Self-Belonging, Inclusivity, Participation, Recognition, Legitimization, and Equality. These components are the basis used in the Scanlon-Monash Index of Mapping Social Cohesion established by the Scanlon Foundation, Australia (2007-2018). The result of IPNAs highlighted that respondents agree on these elements ranging from a relatively low 75.8% in Inclusivity to a high 90% in Self-belonging:

- Self-belonging (90.1%)
- Participation (87.0%)
- Equality (82.0%)
- Recognition (80.4%)
- Legitimization (77.3%)
- Inclusivity (76.0%)

National Ethos

National Ethos was first introduced by the fourth Prime Minister of Malaysia, Tun Mahathir Mohamad, in his speech on January 31st 1992, which consists of seven components. This statement was adopted as construct of the National Ethos.

The findings of IPNAs for National Ethos indicate each component level of agreement is presented below:

- Self-belonging and collectivism (91.9%)
- Social bonding and patriotism (91.8%)
- Shared future (87.5%)
- Shared values (84.8%)
- Loyalty and devotion (83.4%)
- Commitment (82.2%)
- Shared historical knowledge (81.8%)

RECONCILIATION

The reconciliation process through Governance and Development activities is vital to monitor and manage the fluidity of multiethnic relationship as indicated in Level of Ethnicity, Ethnic Boundary, and Cross-cutting Social Ethnic Relations

The result for the Level of Ethnicity displays more than 90.6% of respondents give significance to their own ethnic identity but 86.4% give preference to harmony and stability of the nation and 75.8% emphasize modernization. Malaysians give significance to their own ethnicity but not over harmony and stability of the nation.

In general, 64.5% of respondents are rational in their behavioral preferences towards the gains from universal norms over ethnic calculation when it comes to the dimensions of material need, personal obligation, social status, and action preferences in the Ethnic Boundary construct.

In Cross-cutting Social Ethnic Relations, the result exhibits more than 80% of respondents agree that the level of relationships across ethnic groups have improved. However, data also near than 60% of the respondents are involved in community-based activities voluntarily.

Government has played an active role in managing multiethnic society through effective governance and development. Based on IPNas, respondents agree that the government has relatively succeeded in:

- managing public service (73.8%)*
- managing society (69.9%)*
- managing politics (66.9%)*
- overcoming crime and corruption (65.2%)*
- providing public facilities (63.9%)*
- developing growth in economy (55.7%)*

Overall, IPNas reveals that Governance and Development is fundamental for social cohesion both directly and indirectly.

NATIONAL UNITY INDEX (IPNas)

The presence index is a watershed in our effort to know and to explain to ourselves the dynamic of our own diverse society based on PLS-SEM and Importance-Performance Map Analysis.

The results from PLS-SEM analyses indicate that National Cohesion is a precondition to achieve unity in Malaysia. This is indicated by the index that the level of National Cohesion is 0.567. In other words, the unity level demonstrated by IPNas is strong and cohesive despite prevailing social deficits that emerge occasionally.

This National Cohesion value obtained is regarded as high based on Cohen's (1988) guideline table as shown below:

Table 1.1: Cohen's Measurement Scale

Value	Remark
0.26-1.00	High
0.13-0.25	Medium
0.02-0.12	Low

In addition, the results of Importance-Performance Map Analysis show that the government has to continue focusing on the following three important factors to increase unity which are National Ethos, Cross-cutting Social Ethnic Relations, and Governance and Development.

National Ethos must be strengthened in all layers of society while continue to monitor and manage challenging issues pertaining to multiethnicity. Moreover, Cross-cutting Social Ethnic Relations at the individual, family and, especially, at the community levels have to be fostered consistently and continuously to maintain a sustainable, stable, civilized, and resilient society.





Pendahuluan



Pendahuluan

LATAR BELAKANG

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) ini dihasratkan mengambil kira petunjuk-petunjuk yang berkait rapat dengan perpaduan melalui gabungan dan pengukuran pelbagai komponen perpaduan dan konstruk bersesuaian. Kajian ini dijalankan di peringkat nasional.

Langkah ini bagi membolehkan Malaysia mempunyai satu pengukuran saintifik berkenaan tahap perpaduan nasional dalam negara. Pembinaan indeks yang dimaksudkan ini juga telah mengambil kira amalan yang dilaksanakan di dalam negara dan di negara-negara lain.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah dinyatakan aspirasi untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang harmoni, progresif dan bersatu padu. Hasrat ini menyentuh kepentingan persefahaman, hormat menghormati dan menerima kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat berbilang kaum. Pembangunan IPNas juga merupakan antara inisiatif kerajaan yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal, RMKe-11 yang menekankan usaha ke arah perpaduan.

Penekanan turut diberikan kepada nilai perkongsian identiti kebangsaan berasaskan kepada komitmen yang sama untuk membina negara maju dan makmur.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian adalah untuk membangunkan satu indeks yang mampu mengukur tahap kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

1. Menilai indeks berkaitan kesejahteraan kaum, keselamatan, perkembangan ekonomi, pendidikan, semangat patriotisme serta lain-lain indeks yang bersesuaian untuk dijalin gabungan dalam indeks yang akan dibangunkan di Malaysia dan di peringkat global.
2. Menilai petunjuk khusus untuk disesuaikan dalam indeks yang akan dibangunkan.
3. Melaksanakan ujian berstatistik untuk menentukan sukatan pemberat bagi setiap petunjuk dan indeks yang telah dikenal pasti.
4. Mengukur kekuatan kesepaduan sosial di Malaysia mengikut zon kajian.
5. Menggunakan hasil daripada analisis kajian untuk memberikan cadangan kepada kerajaan bagi meningkatkan tahap perpaduan dan kesepaduan sosial rakyat di Malaysia.
6. Pemindahan pengetahuan dan kepakaran kepada pelanggan (*stakeholders*) terutamanya dari segi kaedah analisis dan pengiraan Indeks Perpaduan Nasional.

PERPADUAN KUNCI MASA DEPAN NEGARA

Setiap pemimpin dan rakyat Malaysia sepanjang 2018 dan sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), sentiasa berbincang dengan penuh bersemangat mengenai persoalan ekonomi (harga minyak petrol, GST, SST dan harga barang makanan), politik (tentang agenda reformasi, lompat parti, tuduhan rasuah) dan sosial (soal perumahan, kos hidup, pendidikan dan nasib rakyat B40).

Pada 2019, wacana dan perdebatan mengenai hal-hal tersebut masih berterusan dalam semua saluran media massa, khususnya, media sosial. Berita benar dan palsu terus tersebar luas, cuma rakyat tidak mampu memastikan yang mana benar dan palsu. Ini mengakibatkan kemelut minda dan persepsi mengenai hal-hal penting negara bertambah kusut.

Dengan turunnya kadar kemiskinan di Malaysia daripada 49.3 peratus pada 1970 kepada kira-kira 0.4 peratus pada 2016 (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2018) dan kejayaan penstrukturan semula masyarakat dari segi peningkatan hak milik modal bumiputera yang kini hampir 30 peratus, rakyat Malaysia telah menikmati peningkatan kualiti hidup yang membawa tiga impak besar.

Kunci Kejayaan Malaysia bagi
menghindari konflik dan
keganasan ialah

PERPADUAN




Pertama, rakyat merasa hidup lebih selesa dan menjadikan mobiliti sosial, iaitu meningkatkan taraf kehidupan dan gaya hidup, sebagai sasaran utama kehidupan mereka sebagai individu, keluarga dan komuniti. Wahana utama untuk mencapai mobiliti sosial berkenaan adalah pendidikan. Maka ibu bapa melabur besar dalam pendidikan, seperti memastikan anak-anak mengikuti tuisyen berbayar.

Kedua, rakyat merasa lebih yakin dan berani untuk menyuarakan pandangan dan kritikan mengenai pelbagai hal melalui beberapa platform media massa, terutamanya dalam media sosial. Perkembangan keterbukaan dalam wacana nasional bermula pada 1998 ketika gerakan Reformasi dilancarkan ke seluruh negara dan kemuncaknya pada PRU-12, pada 2008, berlanjutan sehingga PRU-14, 2018.

Ketiga, walaupun beberapa kesukaran timbul daripada perbezaan antara komuniti etnik di Malaysia, namun peningkatan kesepaduan sosial tetap dirasakan oleh rakyat. Masyarakat Malaysia ternyata terus stabil, harmoni, aman dan selesa. Malah Malaysia dijadikan contoh dan pujian negara-negara lain di dunia.

Bukti yang paling jelas yang pernah mendapat perhatian dunia adalah perubahan besar politik pada PRU-14, dengan peralihan kerajaan lama yang telah memerintah lebih 60 tahun. PRU-14 juga adalah satu-satunya pilihan raya di dunia pada 2018 yang bebas daripada sebarang keganasan dan pertumpahan darah. Proses pilihan raya berjalan dengan lancar dan aman.

Di negara lain yang mengadakan pilihan raya masing-masing pada 2018 berhadapan dengan konflik keganasan dan pertumpahan darah. Keadaan ini berlaku di Bangladesh, Brazil, Cameroon, Filipina, Pakistan, Sierra Leone, Republik Congo, Lubnan, Libya, Mauritania, Nigeria, Guinea, Venezuela dan Zimbabwe.



Masyarakat merasa hidup lebih selesa dan menjadikan mobiliti sosial sebagai sasaran utama kehidupan



Masyarakat merasa lebih yakin dan berani untuk menyuarakan pandangan dan kritikan melalui platform media massa



Masyarakat ternyata terus stabil, harmoni, aman dan selesa



3 Impak Kepada PERPADUAN NEGARA

Apakah sebenarnya anak kunci kepada kejayaan Malaysia menghindari keganasan dan konflik berdarah pada PRU-14? Jawapannya ialah perpaduan.

Timbul soalan susulan, apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan dan bagaimana Malaysia melestarikan perpaduan semenjak berlakunya peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969, iaitu hampir 50 tahun?

Perpaduan bermaksud kesatuan masyarakat yang diidamkan sebagai matlamat akhir negara Malaysia yang berbilang etnik. Malah matlamat ini masih merupakan suatu idealisme kerana belum dicapai sepenuhnya. Isu perbezaan antara etnik terus berlaku memungkinkan salah faham yang membawa kepada ketegangan dan pergaduhan. Dari waktu ke waktu tercetusnya detik-detik perbezaan seperti peristiwa Kulil Sri Maha Mariamman, Seafield (USJ 25) sehingga menguguskan negara.

Namun detik-detik perpaduan terus juga muncul dengan kerap dari waktu ke waktu yang menunjukkan bahawa rakyat Malaysia boleh melupakan seketika perbezaan antara mereka. Apabila pasukan bola sepak Malaysia menang mengalahkan pasukan Thailand dalam perlawanan separuh akhir merebut Piala AFF Suzuki 2018, seluruh Malaysia bersatu terdengar bergegar sorak kegembiraan. Detik perpaduan ini lebih kita rasakan keintimannya apabila datangnya Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Gawai dan Kaamatan kerana ketika itu semua rakyat Malaysia merayakannya bersama-sama.

Maka Malaysia terus wujud dan meniti buih-buih perpaduan, antara detik-detik perbezaan dan detik-detik perpaduan, untuk lima dekad lalu. Keadaan ini memaparkan keadaan sebenarnya yang wujud di Malaysia, bukan suatu perpaduan unggul yang diidamkan tetapi KESEPADUAN sosial, iaitu keadaan aman, stabil, makmur, harmoni dan sejahtera berterusan dalam kalangan komuniti berbilang etnik.

Tersulam dalam kesepaduan ini adalah lompong-lompong perbezaan yang perlu diurus. Ertinya wujud dalam kesepaduan sosial itu semacam defisit sosial, atau perbezaan sosial yang terbaki. Defisit sosial masih terdapat dalam ruang-ruang berikut; Etnisiti, Agama, Kelas Sosial, Pendidikan, Bahasa, Generasi Tua Muda, Gender, Politik Federalisme, Ruang Bandar-Desa, dan Media. Semuanya ini perlu diselesaikan seboleh dan secepat mungkin dengan penuh keprihatinan oleh semua pihak.

Usaha mencari titik pertemuan, atau tapak integrasi, guna menyelesaikan rangkaian defisit sosial ini tidak mudah sama sekali, seperti menarik rambut dalam tepung. Kadang-kadang perlu usaha yang bertubi-tubi. Usaha ini diungkapkan sebagai langkah penyatupaduan. Ia dilaksanakan dengan melibatkan dua atau beberapa pihak berasaskan tiga prinsip berikut, iaitu tawar-menawar, perundingan dan pengantaraan (*bargaining, negotiation, mediation*). Inilah formula kejayaan Malaysia yang dijadikan contoh sedunia.

Menjelangnya 2019 dan ketika meniti perjalanan sepanjang tahun ini pasti pemerintah dan rakyat Malaysia akan berdepan dengan pelbagai cabaran. Ternyata selama 50 tahun lalu, ibu kepada semua cabaran, di Malaysia adalah mengekalkan dan melestarikan **PERPADUAN** dan **PENYATUPADUAN**. Usaha ini mesti diteruskan.

Sumber: Adaptasi dari artikel diterbitkan dalam akhbar Mingguan Malaysia bertarikh 30 Disember 2018.







Indeks Antarabangsa dan Nasional Berkaitan Perpaduan

INDEKS ANTARABANGSA BERKAITAN PERPADUAN

INDEKS ANTARABANGSA BERKAITAN PERPADUAN

Dua indeks antarabangsa yang mempunyai aspek berkaitan perpaduan diteliti dalam usaha membangunkan IPNas.

Indeks berkenaan ialah Global Peace Index (GPI) dan Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion.

Global Peace Index (GPI)

Global Peace Index (GPI) merupakan indeks antarabangsa yang dikeluarkan oleh Institute for Economics and Peace (IEP).

Fokus indeks ini terarah kepada memahami aspek keselamatan, ketenteraman dan konflik yang berlaku di dalam negara dan di peringkat antarabangsa berdasarkan penelitian terhadap 163 buah negara.

Tahap keamanan di Malaysia direkodkan mengukuh pada kedudukan ke-25 pada tahun 2018 (Jadual 2.1).

Kekuatan indeks ini ialah kemampuannya untuk menggunakan pengukuran yang stabil dan sama daripada semua negara yang dikaji. Manakala indeks ini terbatas kepada maklumat berbentuk peruntukan sebagai pelambangan tahap keamanan yang dikemukakan oleh negara-negara terlibat.



Jadual 2.1: Kedudukan Malaysia berdasarkan Global Peace Index (2015-2018)

Tahun Penilaian	Jumlah Negara	Kedudukan Malaysia	Nilai Indeks Malaysia
2015	162	28	1.561
2016	163	30	1.648
2017	163	29	1.637
2018	163	25	1.619


Petunjuk: Tahap Aman (1=Sangat Tinggi hingga 5=Sangat Rendah)
Sumber: <https://reliefweb.int/report/world/global-peace-index->

Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion

Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion merupakan suatu indeks yang dibangun untuk menunjukkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat di Australia sejak tahun 2007 sehingga 2018.

Kajian yang diusahakan selama 11 tahun ini menunjukkan secara purata kesemua domain kesepaduan sosial menunjukkan proses naik atau turun beberapa mata dari tahun ke tahun. Penemuan ini mempunyai kaitan rapat dengan asas penilaian indeks yang memfokus kepada isu peningkatan kemasukan imigran ke negara tersebut (Jadual 2.2).

Kekuatan indeks ini ialah ia dapat menunjukkan tahap kesepaduan sosial dari pelbagai aspek yang dapat disesuaikan dengan situasi tahun semasa. Indeks ini terbatas kepada kajian di Australia dalam konteks penerokaan terhadap imigran yang lama dan baharu.



Jadual 2.2: Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion 2007-2018

Domain	2007	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Belonging	100	96.6	95.0	95.0	96.6	91.0	92.6	93.4	93.5	92.0	92.0
Worth	100	97.2	96.7	96.7	96.5	93.8	96.8	97.2	95.9	94.7	94.4
Social Justice & Equity	100	112.4	91.9	91.9	94.4	98.0	93.7	90.6	91.7	87.5	92.4
Participation	100	105.3	98.0	98.0	106.6	90.8	93.6	99.7	98.8	104.2	100.6
Acceptance & Rejection, Legitimacy	100	94.4	81.5	81.5	78.6	68.8	70.9	81.6	66.6	64.1	69.3
Average	100	101.2	92.6	92.6	94.4	88.5	89.5	92.5	89.3	88.5	89.7

Sumber: <https://scanlonfoundation.org.au/mapping-social-cohesion/>

INDEKS NASIONAL BERKAITAN PERPADUAN

Di Malaysia, beberapa agensi kerajaan telah membina indeks bersifat situasi seperti ketegangan masyarakat, kesejahteraan rakyat, kesejahteraan keluarga, belia dan patriotisme. Indeks-indeks tersebut ialah Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM), Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI), Indeks Belia Malaysia (IBM) dan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK).

Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)

Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) dibentuk dan diselenggarakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN).

Pihak PERPADUAN telah sedekad mengumpul maklumat (2008-2018) bertujuan merekod statistik bilangan kes bersifat konflik sebagai petunjuk kewujudan keadaan tegang dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Penelitian terhadap indeks ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia telah mempunyai tahap kesepaduan sosial yang baik selama ini. Keadaan ini terus mengukuh sehingga keadaan masyarakat telah beranjak kepada ciri masyarakat madani. Keadaan inilah yang telah menjadikan negara Malaysia ini kekal aman dan harmoni (Jadual 2.3).

Indeks ini mempunyai kekuatan sebagai petunjuk amaran awal kepada kemungkinan berlakunya kekacauan di sesuatu kawasan. Namun begitu, batasan kajian ini ialah ia bergantung kepada kes-kes yang telah berlaku dan dilaporkan sahaja.

Jadual 2.3: Bilangan Kes/Sejuta Penduduk Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) (2008-2018)

Tahun Penilaian	Bilangan Kes/Sejuta Penduduk	Keadaan Negara
2008	28.0	kesepaduan sosial
2009	21.7	kesepaduan sosial
2010	22.5	kesepaduan sosial
2011	18.2	kesepaduan sosial
2012	19.9	kesepaduan sosial
2013	18.9	kesepaduan sosial
2014	14.1	masyarakat madani
2015	9.6	masyarakat madani
2016	9.2	masyarakat madani
2017	11.4	masyarakat madani
2018	11.6	masyarakat madani

Petunjuk: <15 (masyarakat madani), 15-30 (kesepaduan sosial), 31-45 (integrasi sosial), 46-60 (persengketaan sivil), >60 (konflik sivil). Sumber: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI)

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia telah dibangunkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berdasarkan dua dimensi penting, iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Penelitian ke atas indeks ini menunjukkan bahawa kesejahteraan ekonomi seperti pengangkutan, komunikasi dan persekitaran kerja menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, kesejahteraan sosial, iaitu keselamatan awam, penyertaan sosial dan keluarga menunjukkan penurunan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jadual 2.4: Komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Masyarakat (MyWI) (2010-2017)

Komponen	Nilai Indeks			
	2010	2015	2016	2017
KESEJAHTERAAN EKONOMI	117.7	129.7	130.3	131.9
Pengangkutan	118.8	134.2	135.3	138.4
Komunikasi	112.7	130.3	130.3	132.1
Pendidikan	121.3	129.6	127.9	127.8
Pendapatan dan Pengagihan	116.2	133.0	134.2	135.3
Persekitaran Kerja	119.5	121.3	123.8	126.2
KESEJAHTERAAN SOSIAL	114.2	117.4	118.6	119.7
Perumahan	127.7	136.7	137.4	142.1
Liburan	121.3	131.4	132.4	134.7
Keselamatan Awam	113.2	132.1	131.3	128.5
Tadbir Urus	118.8	122.7	124.2	127.0
Penyertaan Sosial	111.3	118.5	125.2	121.7
Kebudayaan	119.8	110.6	109.3	110.4
Kesihatan	105.6	108.0	107.8	110.0
Alam Sekitar	106.6	99.3	102.1	105.7
Keluarga	103.4	97.5	97.4	97.1

Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Indeks Belia Malaysia (IBM)

Indeks Belia Malaysia 2015 memaparkan nilai indeks 70.22 sebagai pencapaian sederhana berdasarkan 12 domain dan 58 indikator dalam mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia (Jadual 2.5). Indeks ini dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Indeks ini mempunyai kekuatan tersendiri kerana memfokus kepada pelbagai indikator yang dapat menunjukkan pencapaian belia. Namun, indeks ini terbatas kepada indikator terpilih terkhusus tanpa menentukan kesan pengaruh negatif atau positif yang sebenarnya dilambangkan oleh indikator-indikator tersebut.

Jadual 2.5: Indeks Belia Malaysia 2015

Domain/Indikator	Nilai Skor	Skala
Domain Bebas Tingkah Laku Devian	89.45	Sangat Memuaskan
Domain Waktu Senggang	81.02	Sangat Memuaskan
Domain Hubungan Sosial	78.18	Memuaskan
Domain Penggunaan Media	73.59	Sederhana
Domain Pembangunan Kendiri	72.60	Sederhana
Domain Pendidikan	71.22	Sederhana
Domain Keselamatan	70.82	Sederhana
Domain Identiti	69.14	Sederhana
Domain Kesihatan	68.42	Sederhana
Domain Potensi Diri	68.13	Sederhana
Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26	Kurang Memuaskan
Domain Sosialisasi Politik	45.82	Tidak Memuaskan

Sumber: Laporan Indeks Belia Malaysia 2015



Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK)

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia dihasilkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kali pertama pada tahun 2011. Dalam laporan IKK 2016 memperlihatkan skor pada nilai 7.33 sebagai berada pada tahap sederhana.

IKK 2016 telah ditambah satu domain pengukuran dan mengekalkan ketujuh-tujuh domain pengukuran pada tahun 2011.

Kekuatan indeks ini ialah ia mampu memberi gambaran yang baik mengenai tahap kesejahteraan sesebuah keluarga melalui domain terpilih.

Keterbatasan indeks ini ialah ia hanya memfokus dan bersumberkan kepada pandangan ibu atau bapa mengenai perkara-perkara yang berlegar khusus dalam hal kekeluargaan. Dapatan ini memperlihatkan hasrat dan keinginan ibu dan bapa dalam memastikan kesejahteraan keluarga mereka.

Jadual 2.6: Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016

Domain/Indikator	Nilai Skor	Skala
Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian	8.04	Tinggi
Domain Keselamatan Keluarga	7.96	Sederhana
Domain Hubungan Kekeluargaan	7.90	Sederhana
Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti	7.84	Sederhana
Domain Kesihatan Keluarga	7.18	Sederhana
Domain Ekonomi Keluarga	7.05	Sederhana
Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi	6.38	Sederhana
Domain Perumahan dan Persekitaran	6.24	Sederhana

Sumber: Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2016







Keperluan dan Asas Pembangunan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)



Keperluan Pembangunan IPNas

Penelitian terhadap indeks-indeks antarabangsa dan nasional yang dikemukakan menunjukkan bahawa kesemua indeks yang telah dibangunkan bersifat terkhusus dalam konteks tertentu. Malaysia perlu membina indeks berdasarkan satu model struktur yang menyeluruh untuk memahami kompleksiti hubungan etnik dan perpaduan di Malaysia.

Kajian pembangunan dan penghasilan IPNas ini adalah usaha komprehensif untuk membangunkan satu indeks yang akan menjadi petunjuk kepada perpaduan nasional dan juga menjadi rujukan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara.

Projek ini merangkumi data primer berasaskan pelbagai aspek perpaduan yang dijana melalui kajian di seluruh Malaysia.

Kajian ini dijalankan secara kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Sementara itu, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia telah dilantik sebagai perunding kajian ini.

IPNas akan berfungsi sebagai instrumen pemantauan bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara. Dapatan kajian IPNas perlu dijadikan panduan kepada agensi Kerajaan untuk memperkukuh dan menambah baik inisiatif dan program integrasi sosial dan perpaduan dalam usaha mengurangkan polarisasi dan ketidakadilan sosioekonomi merentasi kumpulan etnik dan wilayah.



Asas Pembangunan IPNas

Tiga Konsep Kunci: Struktur, Sejarah dan Biografi

Seorang ahli sosiologi Amerika, C Wright Mills dalam bukunya bertajuk *Sociological Imagination* (1959) mengemukakan tiga kata kunci penting dalam membicarakan kajian mengenai masyarakat, iaitu struktur, sejarah dan biografi. Ketiga-tiga elemen ini saling kait-mengait dan terikat kepada unit asas masyarakat dari peringkat individu, keluarga dan komuniti.

Perubahan tingkah laku manusia bergerak dalam suatu struktur sosial berdasarkan susur masa yang melahirkan sejarah di mana pada akhirnya struktur dan sejarah ini yang akan mentakrifkan biografi manusia.

Maka pembinaan indeks ini meliputi struktur sosial, sejarah dan biografi masyarakat Malaysia yang terikat dengan ilmu dan warisan kolonial dalam menentukan sifat masyarakat majmuk yang dibentuk.

Kerangka IPNas ini perlu dilihat dalam *social imagination* yang umum sifatnya dan boleh diaplikasi dalam semua masyarakat sedunia.

Maka *social imagination* dalam indeks ini menekankan aspek perubahan dan tingkah laku masyarakat yang pelbagai dalam mengukur tahap kesepaduan yang sedia ada sebagai usaha menuju ke arah perpaduan.





METODOLOGI IPNas



Metodologi IPNas

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN KONSTRUK

Kesemua konstruk IPNas 2018 mencapai kesahan dan kebolehpercayaan konstruk yang baik



KAJIAN TINJAUAN

Peringkat nasional ini meliputi seluruh Malaysia terdiri komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan bukan Kawasan Rukun Tetangga (bukan-KRT)

1

5

Penganalisan data dijalankan untuk menunjukkan nilai skor setiap konstruk IPNas berdasarkan nilai purata. Nilai indeks IPNas 2018 adalah beraskan nilai konstruk Kesepaduan Nasional yang disebabkan oleh pengaruh pelbagai konstruk yang dikaji.

6

PENGANALISISAN DATA

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Soal selidik disediakan melalui platform *SurveyMonkey*. Namun kutipan data dibuat secara bersemuka

2

4

KONSTRUK KAJIAN

Tujuh konstruk iaitu Tahap Keetnikan, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa, Kesepaduan Sosial dan Detik Perpaduan



3

BATASAN KAJIAN

IPNas 2018 bertujuan memperolehi suatu nilai indeks yang menunjukkan tahap pencapaian perpaduan masyarakat Malaysia. Tahun 2018 merupakan tahun asas penilaian tahap perpaduan masyarakat di negara ini bagi tahun-tahun seterusnya.

IPNas

Metodologi IPNas

KAJIAN TINJAUAN


Kajian tinjauan peringkat nasional ini meliputi seluruh Malaysia. Populasi kajian terdiri daripada ahli komuniti yang tinggal dalam sesebuah kawasan kejiranan. Dua kelompok ahli komuniti digunakan sebagai subjek kajian, iaitu ahli komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan ahli komuniti bukan Kawasan Rukun Tetangga (bukan KRT).

Ahli komuniti KRT merupakan kumpulan utama yang dikaji kerana matlamat KRT yang ditubuhkan sejak tahun 1975 untuk menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik yang tinggal dalam sesuatu kawasan ke arah mencapai cita-cita perpaduan negara. Berdasarkan rekod di laman web Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, sehingga akhir tahun 2017 terdapat sebanyak 7,947 KRT di seluruh Malaysia dan meningkat kepada 7,976 KRT dalam tahun 2018. Jumlah ahli KRT dianggarkan sebanyak 24 juta ahli (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, Bil 4, 28 Mac 2018).

Kajian nasional ini menggunakan kaedah persampelan rawak yang distratakan mengikut negeri dengan jumlah sebanyak 300 responden ahli KRT daripada setiap 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan di Malaysia. Berdasarkan kedudukan ini, sebanyak 4,800 responden terdiri daripada ahli KRT dianggarkan untuk dikumpul dari seluruh negara (300 responden x 16 kawasan (iaitu 13 negeri + tiga Wilayah Persekutuan)).

Ahli komuniti bukan KRT turut dimasukkan sebagai subjek kajian bertujuan mengimbangi *response bias* yang mungkin timbul daripada penilaian oleh kumpulan KRT. Sebanyak 100 responden yang tinggal dalam kawasan kejiranan bukan KRT dari 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan turut dilibatkan sebagai responden. Sebanyak 1,600 responden dijangka dapat dikumpulkan dari kumpulan ini.

Oleh itu, jumlah sampel kajian dari seluruh negara dianggarkan berjumlah 6,400 responden keseluruhannya. Namun kutipan data sebenar memperolehi sebanyak 5,275 responden.



KAEDAH PENGUMPULAN DATA


Proses kutipan data bermula dengan taklimat diberikan kepada semua Pengarah PERPADUAN Negeri dan Wilayah Persekutuan untuk menjelaskan tujuan dan matlamat pembangunan IPNas kerana mereka adalah pasukan pelaksana kutipan data bagi kumpulan KRT. Taklimat dan perbincangan prosedur panduan kutipan data turut diberikan kepada pegawai Perpaduan Daerah di negeri-negeri yang memerlukan penjelasan lanjut manakala negeri yang tidak memerlukan taklimat berkenaan dibekalkan dengan prosedur panduan yang sama.

Setiap PERPADUAN Negeri memilih 300 responden secara rawak berdasarkan rekod ahli KRT di negeri masing-masing. Pihak PERPADUAN negeri boleh mengubahsuai bilangan responden cabutan rawak berdasarkan kesesuaian dan realiti pecahan responden di negeri masing-masing.

Kutipan data dijalankan menggunakan borang soal selidik dalam talian yang dibina menggunakan aplikasi penjana soal selidik *SurveyMonkey*. Aplikasi *SurveyMonkey* ini mempunyai ketekalan reka bentuk dan perekodan data dan telah digunakan dengan meluas di seluruh dunia kerana kestabilan dan khidmat sokongan teknikal yang baik. Semua responden terpilih akan melalui salah satu daripada tiga strategi di bawah yang sesuai dengan kawasan KRT yang terlibat.

Walau bagaimanapun, responden boleh berhenti seketika di antara bahagian-bahagian soal selidik berkenaan untuk mengelakkan beban memori dalam menjawab soal selidik yang agak panjang. Responden boleh meneruskan semula menjawab soal selidik mengikut kesesuaian waktu mereka. Pemantauan platform *SurveyMonkey* dapat memastikan soal selidik telah dilengkapkan oleh responden.

- Soal selidik atas talian disediakan melalui platform *SurveyMonkey*
- Kutipan data adalah secara bersemuka



BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya mengukur pada tahap nasional sahaja. Data yang dikutip bertujuan untuk menentukan suatu tahap pencapaian perpaduan masyarakat Malaysia.

IPNas 2018 hanya akan menjadi tahun asas kepada pengukuran tahap perpaduan masyarakat bagi tahun-tahun seterusnya.

Kajian ini tidak bertujuan untuk membuat perbandingan di antara negeri atau ciri-ciri demografi tertentu. Hanya sedikit perbandingan antara etnik berdasarkan purata pencapaian bagi konstruk-konstruk kajian dibincangkan.


Pencerapan terhad kepada penelitian mengenai pengaruh etnik, tadbir urus dan pembangunan terhadap pencapaian kesepaduan nasional sebagai petunjuk kepada tahap perpaduan masyarakat. Tahap perpaduan ini akan mencerminkan nilai IPNas 2018.

Pencerapan kepada penelitian mengenai pengaruh etnik, tadbir urus dan pembangunan



KONSTRUK KAJIAN

- i. **Tahap Keetnikan** terdiri daripada tiga komponen, iaitu Keetnikan (7 item: TKE1-TKE7), Kemodenan (5 item: TKM8 - TKM12) dan Kestabilan (10 item: TKS13-TKS21). Rujuk muka surat 100.
- ii. **Batas Etnik** terdiri daripada empat komponen, iaitu Kepentingan Peribadi Berbentuk Material (4 item: BEM1, BEM2, BEM4, BEM10), Kepentingan Peribadi Berbentuk Status (4 item: BES3, BES5, BES6, BEM11), Kepentingan Peribadi Berbentuk Tuntutan Sosial (4 item: BETS7, BETS8, BETS9, BETS12) dan Tindakan Gantian (2 item: BEG13, BEG14). Rujuk muka surat 103.
- iii. **Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)** dibentuk dari tiga komponen, iaitu Hubungan Sosial Peringkat Individu, Komuniti dan Institusi. Komponen Individu mengandungi 8 item (HSI1 - HSI8), Komponen Komuniti 8 item (HSK1 - HSK9 - HSK16) dan Komponen Penyertaan Dalam Institusi mengandungi 13 item (HSPY1- HSPY13). Rujuk muka surat 109.
- iv. **Etos Bangsa** dibentuk daripada tujuh komponen, iaitu Perkongsian Sejarah (2 Item), Perkongsian Nilai (2 Item), Kekitaan Bersama (2 Item), Keterikatan Emosi Negara (2 Item), Perkongsian Masa Depan (4 Item), Kesetiaan (2 Item) dan Komitmen (2 item). Rujuk muka surat 97.




- v. **Kesepaduan Sosial** disusun berdasarkan enam komponen konsep yang dicadangkan oleh Jenson (1998) dan Bernard (1999). Keenam komponen ini dioperasionalkan oleh Mansor (2012) kepada komponen Kekitaan (4 item), Keterangkuman (4 Item), Penyertaan (4 Item), Pengiktirafan (4 Item), Legitimasi (4 Item) dan Kesamarataan (4 item). Rujuk muka surat 89.



Prof Dr Mansor Mohd Noor
Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA-UKM)


- vi. **Tadbir Urus dan Pembangunan** dibentuk menggunakan beberapa komponen, iaitu Ekonomi (4 Item), Politik (4 Item), Jenayah Dan Rasuah (4 Item), Perkhidmatan Awam (4 Item), Kemudahan Awam (4 Item) dan Pengurusan Masyarakat (4 item). Rujuk muka surat 113.
- vii. **Detik Perpaduan** dibina dalam dua bentuk pengukuran. Pengukuran berbentuk **situasi hipotetikal** adalah berasaskan empat komponen, iaitu Politik (5 Item), Ekonomi (5 Item), Pendidikan (5 Item) dan Sosial (6 item). Konstruk ini dibina berasaskan kaedah soalan acuan Batas Etnik untuk mengetahui pandangan responden berdasarkan situasi secara hipotetikal. Rujuk muka surat 76.

Detik Perpaduan dalam pengukuran **perbezaan semantik**. Skala pengukuran semantik adalah berdasarkan tujuh skala yang disusun dalam arah menurun, iaitu positif (7-5), neutral (4) dan negatif (3-1). Konstruk ini dibina menggunakan empat komponen iaitu Politik (4 Item), Ekonomi (7 Item), Pendidikan (3 Item) dan Sosial (22 item). Konstruk ini bertujuan mengukur detik perpaduan yang biasa berlaku dalam masyarakat mengikut situasi komponen yang dinyatakan. Rujuk muka surat 63.



KONSTRUK IPNas 2018 (PERINGKAT NASIONAL)

Dimensi:
Keetnikan
Kemodenan
Stabiliti



Dimensi:
Material
Status
Tuntutan Sosial
Tindakan Gantian

Dimensi:
Individu
Komuniti
Penyertaan Dalam Institusi

Dimensi:
Perkongsian Sejarah
Perkongsian Nilai
Perasaan Kekitaan
Bersama
Perkongsian Masa Depan
Kesetiaan
Komitmen
Keterikatan Emosi
Negara



Dimensi:
Kekitaan
Keterangkuman
Penyertaan
Pengiktirafan
Legitimasi
Kesamarataan

Dimensi:
Ekonomi
Politik
Jenayah & Rasuah
Perkhidmatan Awam
Kemudahan Awam
Pengurusan
Masyarakat



Dimensi:
Politik
Ekonomi
Pendidikan
Sosial

KERANGKA KAJIAN IPNas 2018 (PERINGKAT NASIONAL)



KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN KONSTRUK

Sebelum kesemua konstruk digunakan dalam model IPNas 2018, pengujian kesahan dan kebolehpercayaan telah dibuat ke atas kesemua konstruk terlibat. Pengujian kesahan konstruk melibatkan kesahan konvergen dan kesahan diskriminan. Kebolehpercayaan konstruk melibatkan penentuan kebolehpercayaan ketekalan dalaman konstruk.

Dalam pembinaan IPNas ini, kesahan dan kepercayaan konstruk diuji menggunakan kaedah penganalisan Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM). Perbincangan seterusnya adalah berdasarkan kaedah ini.

i. Kesahan Konvergen

Kesahan konvergen bertujuan menentukan item yang dimasukkan ke dalam sesuatu konstruk adalah sah menjadi item yang dapat mewakili pengukuran konsep konstruk berkenaan. Kesahan konvergen diukur berdasarkan tiga petunjuk: (1) nilai pemuatan faktor; (2) nilai kebolehpercayaan item; dan (3) nilai purata varians terekstrak (AVE).

Nilai pemuatan faktor adalah nilai sumbangan sesuatu item sebagai ahli sesuatu konstruk. Nilai pemuatan faktor yang baik untuk dicapai oleh setiap item ialah melebihi nilai ambang 0.708.

Nilai kebolehpercayaan item pula merujuk kepada varians sumbangan item berkenaan sebagai komponen sesuatu konstruk. Nilai kebolehpercayaan item diukur berdasarkan nilai kuasa dua nilai pemuatan faktor. Nilai kebolehpercayaan yang baik ialah melebihi 0.501.

Nilai AVE adalah hasil tambah nilai kebolehpercayaan item bagi semua item sesuatu konstruk dan dibahagikan dengan bilangan item konstruk berkenaan. Nilai AVE yang baik adalah melebihi 0.5.

ii. Kesahan Diskriminan

Kesahan diskriminan merujuk kepada keadaan di mana sesuatu konstruk adalah berbeza daripada konstruk lain dalam kerangka kajian yang dibentuk. Keadaan ini juga boleh berlaku kepada komponen di dalam sesuatu konstruk adalah berbeza dengan komponen lain di dalam konstruk berkenaan.

Pengujian kesahan diskriminan diukur berdasarkan tiga petunjuk: (1) *Cross-Loading*; (2) *Fornell Larcker Criterion*; dan (3) *Heterotrait-Monotrait Ratio* (HTMT).

Ujian *Cross-Loading* bertujuan menentukan bahawa item dalam sesuatu konstruk tidak dimuat masuk ke dalam konstruk yang lain. Item dalam konstruk yang sama akan mempunyai nilai pemuatan faktor yang lebih besar, biasanya 0.708 ke atas, berbanding item yang dimuat masuk ke dalam konstruk lain.

Ujian *Fornell-Larcker Criterion* akan menunjukkan bahawa sesuatu konstruk adalah berbeza daripada konstruk lain apabila nilai punca kuasa dua AVE ($\sqrt{\text{AVE}}$) sesuatu konstruk adalah lebih besar daripada nilai korelasi (r) konstruk berkenaan dengan konstruk lain.

Ujian *Heterotrait-Monotrait Ratio* menunjukkan sesuatu konstruk berbeza daripada konstruk lain apabila nilai korelasi antara konstruk yang diperolehi adalah lebih kecil daripada 0.85 atau 0.90. Jika nilai diperolehi adalah besar daripada nilai tersebut, maka kedua-dua konstruk yang berkorelasi itu membawa maksud mempunyai persamaan melebihi 85% atau 90%.

iii. Kebolehpercayaan Konstruk

Kebolehpercayaan konstruk diuji untuk memastikan bahawa sesuatu konstruk itu mempunyai keseimbangan, kestabilan, dan kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang baik.

Kebolehpercayaan konstruk ditentukan berdasarkan nilai Alfa Cronbach dan nilai kebolehpercayaan komposit. Nilai Alfa Cronbach dan nilai kebolehpercayaan komposit yang diperlukan ialah melebihi 0.7.

Kebiasaannya, nilai Alfa Cronbach sesuatu konstruk adalah lebih kecil berbanding nilai kebolehpercayaan komposit konstruk tersebut.

PENGANALISISAN DATA

Penganalisan data dijalankan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi.

Penganalisan deskriptif dilakukan untuk menjelaskan item konstruk dan perbandingan antara etnik bagi setiap item dan konstruk menggunakan bilangan dan peratus.

Model IPNas menganalisis hubungan sebab-akibat berdasarkan analisis Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM).

Kesemua konstruk digabungkan ke dalam satu model hipotesis kajian bersifat *causal relationship* untuk menentukan perubahan-perubahan yang disebabkan oleh konstruk Tahap Keetnik, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan dan Etos Bangsa dalam menjelaskan akibat kepada pencapaian Kesepaduan Sosial dan Detik Perpaduan. Setiap konstruk mempunyai asas konsep yang jelas apabila dihubungkan dengan konstruk lain.

Analisis Pemodelan Persamaan Struktur digunakan untuk menganggarkan model hipotesis kajian. Teknik pemodelan ini yang berasaskan *Regression Model* untuk menunjukkan peranan sebenar setiap konstruk apabila diuji secara serentak.

Penggunaan analisis Pemodelan Persamaan Struktur akan membolehkan satu nilai akhir indeks diperolehi berdasarkan nilai varian Pekali Penentuan (R^2). Kesepaduan Sosial yang akan menunjukkan Tahap Perpaduan di Malaysia yang berasaskan usaha penyatupaduan melalui asas etnik (Tahap Keetnik, Batas Etnik dan Hubungan Sosial Rentas Etnik) bersama usaha Tadbir Urus dan Pembangunan, yang turut didokong oleh keterbinaan Etos Bangsa. Detik Perpaduan merupakan simbolik kesan daripada pencapaian tahap perpaduan yang terjelma dalam detik-detik kehidupan masyarakat negara ini.

Penganggaran model adalah berdasarkan penilaian pengaruh keseluruhan, pengaruh langsung dan pengaruh tidak langsung peramal-peramal yang digunakan terhadap kesepaduan sosial.

Analisis *Importance-Performance Map Analysis* dilakukan untuk menentukan tahap prestasi konstruk Kesepaduan Sosial berbanding tahap kepentingan setiap peramal yang digunakan. Teknik ini akan membantu pencerapan yang lebih jelas untuk membantu pihak kerajaan merangka polisi dan proses intervensi melalui pelan tindakan yang bersesuaian.





Demografi Responden

15

Demografi Responden

Kajian peringkat nasional ini meliputi semua negeri di seluruh Malaysia. Sebanyak 5,275 responden terdiri daripada 4166 ahli Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan 1109 bukan ahli KRT telah memberikan maklum balas kepada soal selidik yang dibangunkan melalui pelantar dalam talian *SurveyMonkey*.

Kutipan data kajian dijalankan bermula dari bulan Ogos sehingga Oktober 2018. Peratus respon yang diperolehi adalah sebanyak 82.4% daripada jumlah keseluruhan responden yang dicadangkan, iaitu 6400 responden. Perincian perolehan data sebenar adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Perolehan Kutipan Data

Jumlah Responden Cadangan:	6400 (KRT: 4800; Bukan KRT: 1600)
Kawasan Kutipan Data:	13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan
Tempoh Kutipan Data:	Ogos hingga Oktober 2018
Jumlah Responden Diperolehi:	5275 (82.4%) (KRT: 4166, 86.8%; BKRT: 1109, 69.3%)

5,275

data responden diperolehi dari 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan

Sungguhpun dalam perancangan awal sebanyak 400 responden dikutip bagi setiap negeri dan tiga Wilayah Persekutuan, namun jumlah sebenar yang dapat dikumpul adalah seperti dilaporkan dalam Jadual 6.2.

Kajian ini menggunakan data keseluruhan sebagai asas analisis kerana penelitian IPNas bukannya mengikut negeri tetapi merupakan dapatan yang mewakili seluruh negara.

Perpaduan Negeri telah diamanahkan untuk membuat pengumpulan data dalam kalangan ahli KRT yang dipilih secara rawak meliputi kategori jiran muda, jiran wanita, jiran usia emas atau kategori lain yang dibentuk mengikut keperluan KRT di kawasan dan negeri masing-masing.

Bagi kawasan bukan KRT, pihak perunding sendiri yang menjalankan kutipan data secara rawak dari komuniti bukan terletak dalam kawasan KRT. Tujuan kutipan dari kawasan bukan KRT bukanlah untuk dibuat perbandingan semata-mata, sebaliknya sebagai mengimbangi dapatan yang diperolehi daripada KRT yang biasanya dianggap sebagai kumpulan terfokus dalam memberikan cerapan data yang dianggap *bias*.

Jadual 6.2: Pecahan Kutipan Data Mengikut Negeri

Negeri	KRT (n=4166)		BUKAN KRT (n=1109)		Jumlah (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melaka	396	9.5	108	9.7	504	9.6
Sarawak	279	6.7	204	18.4	483	9.2
Johor	298	7.2	135	12.2	433	8.2
Kedah	254	6.1	161	14.5	415	7.9
Kelantan	286	6.9	117	10.6	403	7.6
Perlis	346	8.3	10	0.9	356	6.7
Selangor	265	6.4	86	7.8	351	6.7
WP Kuala Lumpur	296	7.1	37	3.3	333	6.3
Negeri Sembilan	262	6.3	58	5.2	320	6.1
Terengganu	245	5.9	64	5.8	309	5.9
WP Labuan	280	6.7	0	0	280	5.3
Pahang	273	6.6	3	0.3	276	5.2
Penang	161	3.9	101	9.1	262	5.0
Sabah	236	5.7	25	2.3	261	4.9
Perak	196	4.7	0	0	196	3.7
WP Putrajaya	93	2.2	0	0	93	1.8

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah perempuan (61.9%) manakala selebihnya adalah lelaki (38.1%) (Jadual 6.3). Responden dalam kalangan ahli KRT mempunyai purata umur 40 tahun dengan majoriti berada dalam kategori umur 31 hingga 40 tahun. Responden bukan KRT mempunyai purata umur 25 tahun dengan majoriti berada dalam kategori umur 21-30 tahun (Jadual 6.4).

Jadual 6.3: Pecahan Kutipan Data Mengikut Jantina

Jantina	KRT (n=4166)		BUKAN KRT (n=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Lelaki	1593	38.2	415	37.4	2008	38.1
Perempuan	2573	61.8	693	62.5	3266	61.9
Tidak menyatakan	0	0	1	0.1	1	0.02

Jadual 6.4: Pecahan Kutipan Data Mengikut Umur

Umur	KRT (n=4166)		BUKAN KRT (n=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bawah 20 tahun	395	9.5	249	22.5	644	12.2
21 – 30 tahun	679	16.3	657	59.2	1336	25.3
31 – 40 tahun	1024	24.6	98	8.8	1122	21.3
41 – 50 tahun	928	22.3	74	6.7	1002	19.0
51 – 60 tahun	712	17.1	25	2.3	737	14.0
61 tahun ke atas	384	9.2	5	0.5	389	7.4
Tidak menyatakan	44	1.1	1	0.1	45	0.9
Purata Umur (Sis. Piawai)	40 tahun (14.4)		25 tahun (8.9)			

Seperti mana kebanyakan kajian lain, etnik Melayu mendominasi kajian ini sebanyak 63.5% diikuti oleh etnik Cina sebanyak 15.3% dan etnik India sebanyak 6.1% (Jadual 6.5). Dari segi agama, sebanyak 71.1% responden beragama Islam diikuti oleh Buddha (14.8%) dan Kristian (8.0%) (Jadual 6.6).

Jadual 6.5: Pecahan Kutipan Data Mengikut Etnik

Etnik	KRT (n=4166)		BUKAN KRT (n=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu	2624	63.0	726	65.5	3350	63.5
Cina	562	13.5	245	22.1	807	15.3
India	292	7.0	32	2.9	324	6.1
Bumiputera Sabah	424	10.2	30	2.7	454	8.6
Bumiputera Sarawak	168	4.0	63	5.7	231	4.4
Lain-lain	96	2.3	12	1.1	108	2.0
Tidak menyatakan	0	0	1	0.1	1	0.02

Jadual 6.6: Pecahan Kutipan Data Mengikut Agama

Agama	KRT (N=4166)		BUKAN KRT (N=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Islam	2989	71.7	762	68.7	3751	71.1
Buddha	576	13.8	205	18.5	781	14.8
Kristian	317	7.6	103	9.3	420	8.0
Hindu	250	6.0	29	2.6	279	5.3
Lain-lain	31	0.8	9	0.8	40	0.8
Tidak menyatakan	3	0.1	1	0.1	4	0.1

Majoriti responden mempunyai tahap pendidikan tertinggi peringkat Sekolah Menengah Atas (38.6%). Responden berpendidikan peringkat Institusi Pengajian Tinggi adalah sebanyak 25.8% manakala 21.8% responden mempunyai sijil/diploma.

Jadual 6.7: Pecahan Kutipan Data Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan Tertinggi	KRT (N=4166)		BUKAN KRT (N=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tidak Bersekolah	29	0.7	1	0.1	30	0.6
Kelas Dewasa/Pengajian Pondok	19	0.5	0	0	19	0.4
Sekolah Rendah	152	3.6	5	0.5	157	3.0
Sekolah Menengah Rendah (SRP/PMR)	491	11.8	9	0.8	500	9.5
Sekolah Menengah Atas (SPM/STPM)	1903	45.7	135	12.2	2038	38.6
Kolej/Politeknik (Sijil/Diploma)	1018	24.4	133	12.0	1151	21.8
Institusi Pengajian Tinggi (Diploma/Ijazah/Sarjana/PhD)	541	13.0	822	74.1	1363	25.8
Lain-lain	12	0.3	3	0.3	15	0.3
Tidak menyatakan	1	0.02	1	0.1	2	0.02

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini berada dalam kategori Teknikal/Guru/Kerani/ Jurujual/Peruncit, iaitu sebanyak 39.9% diikuti oleh kategori Petani/Kerja kampung/Buruh/Penjaja sebanyak 13.6% manakala 11.9% adalah kategori Profesional/Eksekutif/Pemborong/Pemilik Firma Industri.

Jadual 6.8: Pecahan Kutipan Data Mengikut Pekerjaan

Kategori Pekerjaan	KRT (N=4166)		BUKAN KRT (N=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Petani/Kerja kampung/Buruh/Penjaja	681	16.3	35	3.2	716	13.6
Teknikal/Guru/Kerani/ Jurujual/Peruncit	1936	46.5	167	15.1	2103	39.9
Profesional/Eksekutif/Pemborong/Pemilik Firma Industri	457	11.0	166	15.0	623	11.9
Lain-lain	1060	25.4	740	66.7	1800	34.1
Tidak menyatakan	32	0.8	1	0.1	33	0.6

Pecahan pekerjaan lain menunjukkan sebanyak 24.6% responden tidak menyatakan pekerjaan mereka manakala 48.1% merupakan golongan pelajar, diikuti 15.8% suri rumah dan 6.1% pesara. (Jadual 6.9).

Jadual 6.9: Pecahan Kutipan Data Mengikut Pekerjaan Lain-lain

Kategori Pekerjaan Lain-Lain	KRT (N=1060)		BUKAN KRT (N=740)		JUMLAH (n=1800)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tidak Menyatakan	335	31.6	108	14.6	443	24.6
Pelajar	278	26.2	587	79.3	865	48.1
Suri rumah	270	25.5	15	2.0	285	15.8
Pesara	108	10.2	1	0.1	109	6.1
Tidak bekerja	34	3.2	24	3.2	58	3.2
Bekerja sendiri	35	3.3	5	0.7	40	2.2

Secara keseluruhannya, 27.9% responden berpendapatan di bawah RM1,500 manakala 30.7% berpendapatan RM 1,501-RM3,000 (Jadual 6.10).


Jadual 6.10: Pecahan Kutipan Data Mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan Bulanan	KRT (N=4166)		BUKAN KRT (N=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tiada pendapatan	450	10.8	666	60.1	1116	21.2
RM 1,500 dan ke bawah	1311	31.5	160	14.4	1471	27.9
RM 1,501-RM 3,000	1515	36.4	106	9.6	1621	30.7
RM 3,001-RM 4,500	532	12.8	59	5.3	591	11.2
RM 4,501-RM 6,000	189	4.5	50	4.5	239	4.5
RM 6,001 dan ke atas	117	2.8	67	6.0	184	3.5
Tidak menyatakan	52	1.2	1	0.1	53	1.0

Majoriti responden tinggal di kawasan kediaman berbentuk perumahan berkelompok (38.9%). Sebanyak 18.7% responden menetap di kawasan rumah kampung tradisi, diikuti oleh 15.4% rumah kampung moden dan 13.9% di kediaman rumah bertingkat. Hanya 10.2% menetap dibentuk perumahan berkembar dan banglo.

Jadual 6.11: Pecahan Kutipan Data Mengikut Kawasan Kediaman

Kawasan Kediaman	KRT (N=4166)		BUKAN KRT (N=1109)		JUMLAH (n=5275)	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Rumah teres (setingkat/dua tingkat/dua tingkat setengah)	1683	40.4	368	33.2	2051	38.9
Rumah kampung tradisi (kawasan tidak tersusun)	813	19.5	176	15.9	989	18.7
Rumah kampung moden (kawasan tersusun)	628	15.1	184	16.6	812	15.4
Rumah bertingkat (flat/apartment/kondominium)	581	13.9	154	13.9	735	13.9
Rumah berkembar (semi-D)	204	4.9	88	7.9	292	5.5
Rumah banglo	148	3.6	98	8.8	246	4.7
Lain-lain	109	2.6	41	3.7	150	2.8



38.9%

Rumah Teres

(setingkat / dua tingkat / dua tingkat setengah)

18.7%

Rumah Kampung Tradisi

15.4%

Rumah Kampung Modern

13.9%

Rumah Bertingkat

(flat / apartment / kondominium)

5.5%

Rumah Berkembar

(semi-D)

4.7%

Rumah Banglo

01

02

03

04

05

06





Nilai Skor Konstruk IPNas

6

Perpaduan (Diidamkan)

DETIK PERPADUAN (PERBEZAAN SEMANTIK)

Perpaduan sebagai suatu hasrat yang diidamkan adalah sukar diukur, dilihat secara nyata mahupun berkekalan. Perkara ini biasanya hadir mengikut keadaan, keperluan dan detik tertentu secara formal atau tidak formal dalam kehidupan seharian masyarakat.



Perspektif detik perpaduan diteliti daripada empat komponen:

- i. Ekonomi
- ii. Pendidikan
- iii. Politik
- iv. Sosial

Dalam sesi sumbang saran yang dijalankan, pelbagai detik perpaduan disenaraikan dalam pelbagai keadaan seperti berikut:

- | | |
|--------------------------------|--------------------------------------|
| 1. Perkahwinan Jalanan | 14. Jenayah |
| 2. Hospital | 15. Percutian |
| 3. Tender Projek | 16. Diskriminasi Positif (kuota/hak) |
| 4. Sukan | 17. Permainan Komputer |
| 5. Sambutan Perayaan | 18. Wayang Gambar |
| 6. Makan/Makanan | 19. Tempat Kerja |
| 7. Kepenggunaan (Harga barang) | 20. Fesyen |
| 8. Jualan | 21. Pengebumian |
| 9. Krisis Kewangan | 22. Muzik |
| 10. Ancaman Keselamatan | 23. Bencana |
| 11. Cuti Umum | 24. Gotong-royong |
| 12. Pusat Tuisyen | 25. Majlis Amal |
| 13. Aktiviti di Sekolah | |

Komponen detik-detik perpaduan yang sering ditunjukkan ini dibentuk sebagai pernyataan-pernyataan dalam ekonomi, pendidikan, politik dan sosial dengan tujuh pilihan jawapan perbezaan semantik yang dapat menunjukkan kecenderungan positif (7 hingga 5), neutral (4) dan negatif (3 hingga 1) dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Rajah 7.1: Skor Konstruk Detik Perpaduan

1. Ekonomi

Detik-detik perpaduan berkaitan soal ekonomi dilihat dalam beberapa aktiviti berkaitan permohonan permit perniagaan, pinjaman, tender projek, membantu golongan tidak berkemampuan, memilih pekerja dan tunggakan cukai.

Masyarakat Malaysia sebenarnya mempunyai nilai kemanusiaan yang positif dicerminkan oleh hasrat tingkah laku perpaduan melalui pilihan jawapan positif (7 dan 6). Dalam konteks pemilihan pekerja, pilihan rasional (neutral) untuk memberikan ujian kecekapan adalah ciri keadilan yang dinyatakan oleh 37.7% responden. Namun, 35.4% lebih cenderung memilih calon yang boleh dilantik sebagai lambang keprihatinan mengenai peluang pekerjaan kepada generasi muda.

Meneliti konteks perpaduan dari sudut ekonomi ini menunjukkan bahawa budaya dan nilai kemanusiaan masyarakat Malaysia merupakan ciri yang telah difahami dan diterima dengan baik. Namun begitu, kurang daripada 50% peratus pencapaian perpaduan yang dihasrat ini dizahirkan oleh responden. Situasi ini memerlukan penelitian mendalam dan berfokus dalam kajian-kajian seterusnya. Lihat Jadual 7.1.



Jadual 7.1: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Ekonomi

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Anak anda graduan menganggur dan berhasrat untuk berniaga makanan kaum sendiri di medan selera berdekatan. Beliau pergi ke pejabat daerah untuk memohon permit perniagaan tetapi permit kosong hanya ada bagi tapak pencampuran pelbagai kaum. Anda akan...	7. Menerima tapak niaga pelbagai kaum	66.3
	6. Membuat rayuan	18.2
	5. Menukar permohonan ke kawasan lain	10.9
	4. Mengadu kepada wakil rakyat daripada kaum anda	2.4
	3. Berunding di luar pejabat	0.8
	2. Memberikan sogokan	0.8
	1. Membantah keputusan	0.6
Skim bantuan bagi pinjaman perniagaan TEKUN/Amanah Ikhtiar menawarkan pendahuluan RM5000 kepada golongan berpendapatan rendah. Kuota bagi bumiputera telah penuh tetapi kuota bukan bumiputera masih ada kekosongan. Anda mengemukakan permohonan atas kuota pinjaman bukan bumiputera, tetapi tidak diluluskan juga kerana anda daripada bumiputera. Anda akan...	7. Menerima keputusan	42.7
	6. Merayu di kaunter	18.9
	5. Mencadangkan kaedah pengagihan disusun semula	23.7
	4. Meminta kenalan dari jabatan ini membantu	3.7
	3. Menulis surat kepada pengurusan tertinggi	7.8
	2. Mengadu kepada wakil rakyat dari kaum anda	3.0
	1. Memarahi pegawai (dari kaum lain) di kaunter	0.2
Anda ingin memulakan perniagaan. Permohonan skim bantuan bagi pinjaman perniagaan kaum anda telah penuh. Anda akan...	7. Menerima keputusan	34.2
	6. Merayu di kaunter	21.6
	5. Mencadangkan kaedah pengagihan disusun semula	22.9
	4. Meminta kenalan dari jabatan ini membantu	5.4
	3. Menulis surat kepada pengurusan tertinggi	12.1
	2. Mengadu kepada wakil rakyat dari kaum yang sama	3.5
	1. Memarahi pegawai (dari kaum lain) di kaunter	0.2
Sebuah agensi kerajaan menawarkan tender projek pembinaan jambatan kampung kepada kontraktor tempatan kecil yang layak. Keutamaan kuota diberi kepada kontraktor kaum A. Kebetulan anda bukan kaum A. Anda berminat dan mempunyai cukup kelayakan memohon. Anda akan...	7. Berkongsi modal dengan kontraktor kaum A secara usahasama	30.9
	6. Berkongsi pengalaman dengan kontraktor kaum A dan bekerjasama dengannya	40.5
	5. Membimbing kontraktor kaum A untuk bekerjasama	7.0
	4. Menyediakan proposal tender atas kebolehan sendiri	14.4
	3. Menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai kuota tersebut	4.2
	2. Berkomplot dengan kontraktor sebangsa anda untuk sabotaj tender tersebut	0.5
	1. Membatalkan hasrat memohon tender atas rasa berat sebelah	2.5
Anda ternampak seorang warga emas yang berlainan kaum sedang tawar-menawar harga dengan seorang penjual barangan di pasar malam. Warga emas itu berkata dia benar-benar tidak cukup RM5 untuk mendapatkan barang yang dia ingin sangat. Anda akan...	7. Membayar barang warga emas tersebut	47.2
	6. Memberikan RM5 kepada beliau	35.7
	5. Memujuk penjual itu mengurangkan harga	11.8
	4. Buat tidak nampak senario tawar-menawar itu	2.6
	3. Senyum dengan sinis	1.1
	2. Mencadangkan warga emas itu membatalkan pembelian	1.5
	1. Marah kerana mengganggu pembelian	0.1
Sebagai ketua, anda perlu memilih pekerja bagi satu jawatan baru. Anda ada dua pilihan. Calon A baharu tamat pengajian universiti dan sama kaum dengan anda manakala calon B tidak sama kaum dengan anda, tidak belajar di universiti, berusia 50 tahun tetapi berpengalaman luas. Anda akan...	7. Menggaji calon A kerana beliau boleh dilatih	35.4
	6. Menggaji calon A kerana beliau boleh dibayar gaji yang lebih rendah	5.4
	5. Menggaji calon A kerana yakin beliau tidak akan mencabar anda	2.2
	4. Memberi ujian kecekapan kepada kedua-dua calon	37.7
	3. Menggaji calon B kerana yakin dengan pengalaman beliau	16.1
	2. Menggaji calon B kerana kematangan beliau	2.0
	1. Tidak menggaji mana-mana calon	1.3
Tunggakan bil cukai pintu telah sampai dan perlu dibayar dengan segera. Seorang kakitangan yang berlainan kaum telah datang ke rumah anda bagi menuntut tunggakan cukai tersebut. Anda akan...	7. Membayar tunggakan cukai pintu tersebut	60.2
	6. Mengemukakan rayuan kepada majlis daerah untuk melanjutkan tempoh	30.9
	5. Menangguhkan bayaran	4.1
	4. Bertemu dengan pegawai majlis daerah dan menyuarakan ketidakpuasan hati	3.2
	3. Memarahi kakitangan tersebut	0.5
	2. Mengadu kepada pegawai dari kaum yang sama	0.5
	1. Mengabaikan sahaja bil cukai tersebut	0.6

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

2. Pendidikan

Apabila membincangkan tentang nasib generasi masa depan, isu berkaitan etnik tidak menjadi ukuran masyarakat. Kajian ini menunjukkan hampir tiga per empat daripada jumlah responden (73.5%) prihatin dengan soal pendidikan generasi masa depan tanpa mengira kaum. Peluang pendidikan bukanlah untuk sesuatu kelompok atau kaum, tetapi hampir separuh (46.9%) mahu peluang pendidikan Bahasa Inggeris dipertingkatkan dan dirasai oleh semua kaum, dan tidak terhad kepada golongan berkemampuan sahaja. Interaksi antara kaum perlu dipertingkatkan dengan cara yang boleh difahami (33.1%), malah sudah sampai masanya, pembelajaran bahasa kaum berbeza perlu dipelajari bersama (31.5%) oleh semua lapisan masyarakat. Interaksi ini penting bagi memastikan proses kenal mengenal antara kaum dapat berlangsung secara harmoni.

Jadual 7.2: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Pendidikan

Item	Pilihan Jawapan	Peratus
KRT akan mengadakan kelas bimbingan bagi persediaan menduduki SPM yang terbuka kepada semua ahli KRT. Kelas tersebut dianjurkan dan dikendalikan oleh kaum lain. Apakah yang akan anda lakukan?	7. Menggalakkan semua kaum terlibat dalam kelas tersebut	73.5
	6. Membantu penganjur mengendalikan kelas tersebut	17.6
	5. Memeriksa kandungan terperinci bahan pengajaran	5.4
	4. Menganjurkan kelas bimbingan yang berasingan	1.6
	3. Tidak membenarkan anak mengikuti kelas tersebut	0.8
	2. Mempersoal KRT akan kebaikan program ini	0.8
	1. Memulaukan kelas	0.3
Sepasang ibu bapa Melayu ingin menghantar anak mereka ke tadika yang memberi penekanan Bahasa Inggeris. Tadika Kemas berdekatan rumah mereka tidak menyediakan pembelajaran Bahasa Inggeris. Tadika yang menyediakan pendedahan Bahasa Inggeris yang baik dikendalikan oleh Cikgu Silvamani berada lebih jauh dan bayarannya lebih tinggi. Apakah tindakan wajar yang perlu diambil?	7. Menghantar anak ke tadika kemas	18.0
	6. Memilih tadika Silvamani	10.1
	5. Mencadangkan sesi Bahasa Inggeris di Tadika Kemas	46.9
	4. Berusaha mencari tadika yang ada Bahasa Inggeris yang lebih dekat	15.0
	3. Mengambil cikgu Bahasa Inggeris sendiri di rumah	3.1
	2. Melatih anak belajar Bahasa Inggeris melalui rancangan TV yang bersesuaian	4.2
	1. Mencadangkan Silvamani membuka cawangan berdekatan	2.8
Sekiranya anda berada di sekolah dengan majoriti rakan sebaya menggunakan bahasa lain berbanding bahasa ibunda anda dan mereka seringkali berbicara dalam bahasa yang anda tidak faham. Apakah tindakan anda?	7. Tetap berinteraksi dengan mereka dengan cara difahami	33.1
	6. Mempelajari bahasa mereka	31.5
	5. Memerhati dan memberi respon hanya bila perlu	9.1
	4. Meminta rakan menerangkan makna yang disampaikan	22.8
	3. Tidak bergaul dengan rakan sebaya	0.9
	2. Seringkali merungut	0.4
	1. Tersinggung dan meminta mereka bertutur bahasa yang boleh difahami	2.2

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

3. Politik

Masyarakat telah menunjukkan kematangan dalam berpolitik. Responden berani untuk menyuarakan dengan bijak, mengetahui hak mereka dan mengetahui kaedah menggunakan hak pada tempat yang sewajarnya. Hal ini ditunjukkan oleh responden yang berani menyuarakan ketidakpuasan hati kerana dikatakan menyokong pembangkang (37.5%) dan mencadangkan kaum lain juga dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa

untuk dilantik (50.1%). Dalam konteks politik kepartian dan pilihan raya, lebih separuh responden (62.6%) berpandangan menular perkara yang tidak baik dapat mengelak kerosakan kepada majoriti masyarakat. Namun mereka mengetahui situasi yang memerlukan mereka mengundur diri, menterjemahkan pilihan sebenar mereka melalui kuasa undi (34.4%) dan mengetahui bila mereka perlu untuk tidak menunjukkan sebarang reaksi (31.9%).

Jadual 7.3: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Politik

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Senarai pemberian rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada ahli KRT telah dipinda. Beberapa nama yang dipotong dipercayai menyokong parti pembangkang. Nama anda juga termasuk dalam senarai individu yang digugurkan bersama kaum lain. Anda akan...	7. Mendiamkan diri dan menerima keputusan	24.2
	6. Menyuarakan ketidakpuasan	37.5
	5. Mencadangkan agar nama anda dimasukkan	18.5
	4. Mendedahkan isu ini ke media sosial	3.0
	3. Mengadu kepada pihak atasan	15.6
	2. Mengugut untuk membawa kepada tindakan perundangan	1.1
	1. Memarahi agensi yang mengurus	0.2
Anda menerima berita mengenai seorang tokoh politik yang menghasut kepada rusuhan kaum dan menularkan di media sosial tanpa mengetahui berita tersebut palsu. Anda kemudian disiasat di atas Akta AntiBerita Tidak Benar. Anda akan...	7. Mendiamkan diri dan menerima keputusan	12.0
	6. Cuba menjelaskan anda tidak mengetahui berita itu palsu	62.6
	5. Menyuarakan ketidakpuasan	7.7
	4. Mengambil khidmat guaman	6.8
	3. Mengadu kepada pihak atasan	5.4
	2. Menafikan tuduhan tersebut	5.2
	1. Melarikan diri	0.2
Perayu undi singgah di rumah saya dan memujuk untuk mengundi parti A. Beliau mendorong untuk menyokong parti beliau dengan membawa calon yang berlainan kaum. Anda akan...	7. Mengundi parti A dengan senang hati	18.8
	6. Mencadangkan kepada perayu undi untuk menukar calon lain	11.2
	5. Hanya senyum tanda setuju tetapi dengan niat mengundi parti lain	34.4
	4. Tidak memberikan sebarang reaksi	31.9
	3. Menyatakan perayu undi itu tidak setia dengan kaum sendiri	2.7
	2. Memarahi dan menyatakan ini satu kesalahan	0.6
	1. Menghalau perayu tersebut	0.4
Mesyuarat pemilihan jawatankuasa KRT didapati telah menamakan semua ahli dari satu kaum sahaja. Anda merasa kurang senang kerana kaum anda tidak diwakili. Anda akan...	7. Melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti	29.2
	6. Mendiamkan diri dan menerima keputusan	7.5
	5. Mencadangkan agar kaum anda dimasukkan	50.1
	4. Menyuarakan ketidakpuasan	10.3
	3. Mengadu kepada pihak atasan	2.4
	2. Mendedahkan isu ini ke media sosial	0.3
	1. Memarahi jawatankuasa	0.2

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

4. Sosial

Dalam konteks sosial, masyarakat Malaysia mempunyai toleransi antara kaum yang baik. Berdasarkan beberapa situasi sosial berkaitan majlis perkahwinan di kawasan terbuka, kesihatan, sukan, perayaan, makan dan bencana.

Majlis Perkahwinan di Kawasan Terbuka

Majoriti responden mengambil pendekatan berhemah untuk berbincang dengan jiran dalam konteks pertembungan antara majlis perkahwinan yang melibatkan penggunaan jalan untuk pemasangan khemah. Mereka berusaha mencari penyelesaian melalui perbincangan apabila melibatkan keadaan memerlukan mereka mengambil ruang dan menghalang laluan yang melibatkan kediaman jiran berdekatan (78.3%). Keadaan yang sama juga dilakukan apabila berlaku pertembungan di antara majlis perkahwinan yang telah dirancang lebih awal dengan upacara pengebumian (46.4%).

Jadual 7.4: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Sosial: Majlis Perkahwinan di Kawasan Terbuka

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Anggota keluarga anda akan berkahwin esok dan memasang khemah kenduri di atas jalan hadapan rumah. Walau bagaimanapun seorang kakitangan majlis daerah datang dan menasihatkan menukar tempat kerana mendapat aduan daripada jiran berlainan kaum. Keluarga meminta anda menyelesaikan masalah ini. Apa tindakan anda...	7. Memindahkan majlis perkahwinan ke lokasi lain	10.1
	6. Berbincang dengan jiran untuk mendapatkan persetujuan mereka	78.3
	5. Mendapatkan nasihat daripada pihak ketiga yang lebih berpengalaman	7.3
	4. Pergi ke pejabat daerah untuk berbincang	2.7
	3. Meneruskan majlis perkahwinan dan tidak mempedulikan teguran tersebut	1.2
	2. Mengadu kepada pihak polis	0.2
	1. Mencari dan memarahi pengadu	0.2
Anak anda akan berkahwin esok, telah menjemput tetamu dan akan memasang khemah kenduri di hadapan rumah. Walau bagaimanapun, ada jiran anda dari kaum lain sedang mengadakan upacara pengebumian. Bagaimana anda menangani situasi ini?	7. Memindahkan majlis perkahwinan ke lokasi lain	24.1
	6. Berbincang dengan jiran untuk menentukan perjalanan majlis bersama	46.4
	5. Mendapatkan nasihat daripada pihak ketiga yang lebih berpengalaman	14.5
	4. Mengucapkan takziah dan mengundang jiran ke majlis perkahwinan	12.7
	3. Meneruskan majlis perkahwinan dan tidak mempedulikan upacara pengebumian	1.1
	2. Mencadangkan jiran anda menukar upacara pengebumian ke tempat yang lain	1.0
	1. Melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan	0.2

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

Kesihatan

Dalam situasi berkaitan kesihatan, masyarakat adalah rasional mengenai peraturan berkaitan kesihatan yang diperuntukkan. Lebih separuh daripada responden (51.4%) akur untuk mendaftar kelahiran walaupun terlewat kerana sedar implikasi kepada masa depan anak berkenaan. Masyarakat Malaysia juga mempunyai keprihatinan dan rasa hormat kepada warga tua tanpa mengira kaum (57.6%).

Jadual 7.5: Peratusan Pilihan Jawapan Detik Perpaduan - Sosial: Kesihatan

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Setiap kelahiran mesti dilaporkan kepada klinik kesihatan berhampiran tanpa mengira kaum. Anda terlupa melaporkan dan kemudian didatangi oleh jururawat klinik kesihatan daripada kaum lain. Bimbang akan dimarahi, anda akan...	7. Memohon maaf dan menyatakan tidak tahu	37.9
	6. Pergi ke klinik tersebut untuk mendaftar	51.4
	5. Bertanya kepada rakan yang berurusan dengan klinik kesihatan	7.3
	4. Tidak peduli teguran tersebut	1.4
	3. Mengadu kepada ketua kampung	0.8
	2. Mencari orang yang memaklumkan kepada klinik kesihatan	1.0
	1. Memarahi kakitangan kesihatan	0.2
Anda menemani bapa ke hospital untuk pemeriksaan kesihatan. Semasa menunggu giliran untuk diperiksa, salah seorang warga emas kurang upaya berlainan kaum telah dipanggil namanya di kaunter beberapa kali. Anda...	7. Bangun membantu membawa warga emas ke kaunter	57.6
	6. Memaklumkan warga emas tersebut	17.4
	5. Mengulang panggil nama yang disebut	2.2
	4. Memberitahu warga emas tersebut dengan nada yang sopan	21.2
	3. Hanya memerhati warga emas tersebut	0.8
	2. Tidak menghiraukan warga emas tersebut	0.5
	1. Hilang sabar kerana panggilan berulang melambatkan giliran anda	0.3

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

Sukan

Semangat kesukanan dalam kalangan rakyat Malaysia sememangnya tidak berbelah bahagi. Rakyat Malaysia tidak pernah menjadikan isu kaum sebagai asas sokongan kepada peserta negara. Lihatlah bagaimana sokongan padu kepada pemain badminton negara (Datuk Lee Chong Wei), pemain skuasy (Datuk Nicol Ann David) dan pasukan bola sepak negara. Sokongan padu masyarakat kepada pasukan negara (46.2%) juga disertakan dengan rasa menghormati pasukan lawan dengan menenangkan rakan sekeliling yang mencemuh kerana kekalahan pasukan Negara (28.4%).

Jadual 7.6: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Sosial: Sukan

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Anda amat meminati beberapa acara sukan utama tanah air. Anda sering kali pergi ke tempat acara sukan tersebut melihat dengan lebih dekat. Di sekeliling anda mempunyai ramai penyokong pasukan yang sama daripada kaum yang berbeza. Namun begitu pasukan pilihan anda kalah. Anda akan...	7. Mengajak rakan-rakan sekeliling untuk terus menyokong pasukan anda	46.2
	6. Menenangkan rakan-rakan sekeliling yang mula mencemuh	28.4
	5. Menyaksi sendiri dan tidak mengendahkan penyokong sekeliling	11.7
	4. Berdiam diri	8.0
	3. Meninggalkan tempat acara dengan ekspresi kecewa	5.2
	2. Menyalahkan pasukan dan pihak lain	0.3
	1. Memaki hamun rakan sekeliling	0.2

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

Perayaan

Masyarakat Malaysia kini lebih terbuka menerima kepelbagaian perayaan agama kaum lain. Sebanyak 66.8% responden menunjukkan bahawa mereka sangat berminat untuk mengetahui mengenai perayaan agama lain. Masyarakat Malaysia juga memahami keutamaan kerja (37.3%) berbanding cuti dan kesediaan menyusun atur antara rakan (41.2%) supaya kerja hakiki dapat berjalan lancar.

Jadual 7.7: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Sosial: Karnival Jualan Perayaan

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Anda bersiar-siar di pusat membeli belah, tiba-tiba ternampak jualan karnival sempena perayaan kaum lain. Pelbagai juadah, pakaian, barangan dipamerkan. Kebiasaannya apakah yang akan anda lakukan?	7. Anda berminat ingin tahu tentang karnival tersebut	66.8
	6. Anda memaklumkan kawan anda yang beridentiti kaum tersebut	14.9
	5. Anda masuk ke kawasan karnival dan hanya memandang sahaja	10.5
	4. Anda berminat tetapi tidak pergi ke karnival tersebut	4.1
	3. Anda tidak mempedulikan karnival tersebut	2.9
	2. Anda sangsi tentang karnival tersebut	0.3
	1. Anda tidak bersetuju karnival perayaan kaum lain diadakan secara terbuka	0.4
Anda bercadang mengambil cuti awal sempena hari perayaan tetapi majikan anda yang berlainan kaum telah mengarahkan anda menyiapkan kerja yang penting. Anda...	7. Akur dengan rela hati	37.3
	6. Mencari rakan sekerja lain yang sudi membantu	41.2
	5. Merayu kepada majikan minta dicari pengganti	17.4
	4. Tidak terkesan dengan arahan	1.5
	3. Bersungut kerana rakan sekerja tiada yang berkesempatan	1.0
	2. Menghantar surat bantahan kepada majikan	0.9
	1. Melaporkan kepada pejabat buruh	0.7

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

Makan

Suasana makan di luar dapat mencetus detik perpaduan dalam kalangan masyarakat. Berkongsi ruang atau meja makan melambangkan kesediaan masyarakat untuk berpadu tanpa mengira kaum. Lebih tiga per empat (85.4%) daripada majoriti responden sanggup berkongsi meja makan mereka dengan kaum lain. 39.6% responden pula bersedia meraikan bersama suasana keseronokan yang dinikmati oleh kumpulan kaum lain. Selain itu, hamper tiga per empat (74.3%) daripada responden mempunyai keprihatinan dan mengetahui makanan kegemaran rakan sekerja mereka yang berlainan etnik.

Jadual 7.8: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Sosial: Makan

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Anda dan pasangan anda sedang makan di restoran makanan segera dan tempat duduk adalah terhad kerana ramai pengunjung. Ada pasangan yang berlainan kaum ingin tumpang duduk makan di meja anda. Apa reaksi anda?	7. Membenarkan pasangan itu berkongsi meja dan makan bersama	85.4
	6. Meminta pasangan tunggu sehingga anda selesai makan	6.0
	5. Membenarkan pasangan itu menunggu sehingga ada meja kosong	3.6
	4. Meminta pasangan itu mencari bantuan pekerja restoran	3.1
	3. Meminta pasangan itu sabar menunggu di meja lain	0.9
	2. Meminta pasangan itu jangan berdiri menunggu meja kosong	0.6
	1. Tidak membenarkan pasangan itu duduk berkongsi meja	0.5
Anda sedang menjamu selera di restoran mamak sambil menonton perlawanan bola sepak. Segerombolan pelanggan daripada satu kumpulan kaum mula mengunjungi kedai makan itu. Anda...	7. Bersedia bersorak bersama pelanggan-pelanggan itu	39.6
	6. Melapangkan tempat duduk untuk pelanggan-pelanggan	28.6
	5. Makan sambil menonton TV	16.1
	4. Tidak hirau dengan meneruskan makan	11.0
	3. Terus makan dengan hati yang kurang selesa	1.6
	2. Mempercepat untuk habiskan makanan	2.3
	1. Menegur pelanggan memperlahankan suara	0.9
Anda keluar rehat di waktu pejabat dan diminta rakan sekerja membelikan makanan buat mereka yang berlainan kaum. Anda...	7. Prihatin dan tahu jenis makanan kegemaran rakan sekerja	74.3
	6. Membeli tetapi tidak prihatin akan jenis makanan yang dibeli	6.6
	5. Membeli makanan yang serupa dengan pilihan anda	12.6
	4. Membeli apa saja secara rawak mengikut selera anda	3.9
	3. Tidak mengendahkan permintaan rakan sekerja	0.6
	2. Menolak permintaan rakan sekerja	1.1
	1. Meminta rakan beli sendiri	0.9
Anda sedang makan di kafetaria, sepasang kekasih berlainan kaum sedang mencari orang membantu mengambil gambar. Anda...	7. Menawar diri untuk mengambil gambar mereka	54.6
	6. Menyuruh pelayan kafetaria untuk membantu	8.4
	5. Bersedia membantu cuma menunggu mereka meminta bantuan	32.2
	4. Terus menikmati hidangan	2.7
	3. Memandang mereka dengan muka bersahaja	1.1
	2. Menolak permintaan mereka	0.6
	1. Menegur mereka kerana mengganggu	0.5

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

Bencana

Dalam keadaan darurat disebabkan bencana alam, rakyat Malaysia sememangnya amat prihatin dan sedia membantu tanpa memikirkan isu perkauman. Dalam beberapa keadaan kecemasan, responden bertindak segera:

- Satu pertiga responden bertindak memberi bantuan kewangan segera (35.6%) dan lebih separuh (56.4%) memaklumkan kepada pihak berwajib untuk memberi bantuan kepada keluarga mangsa yang meninggal dunia akibat kemalangan. Malahan, lebih separuh responden (57.7%) sanggup turun dan membantu mangsa kemalangan.
- Hampir separuh (43.7%) sanggup menumpangkan mangsa banjir di kediaman mereka sendiri dan 43.5% sedia menjadi sukarelawan.
- Sebanyak 43.9% responden sanggup membantu mangsa kecurian dengan membawa ke balai polis, manakala 21.7% sanggup mengejar pencuri. Ini menunjukkan tindakan rasional berkaitan isu keselamatan masih diutamakan oleh masyarakat Malaysia.



Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membantu mangsa banjir di Kuala Krai, Kelantan 28 Disember 2014 (Foto: Azhar Rahim/European Pressphoto Agency)
Sumber: washingtonpost.com

Jadual 7.9: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Sosial: Bencana

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Seorang jiran berlainan kaum mengalami kemalangan dan koma. Sepanjang pengetahuan anda, isteri beliau tidak bekerja dan mempunyai enam orang anak yang masih bersekolah. Apakah tindakan anda?	7. Memberi bantuan kewangan segera kepada keluarga jiran anda	35.6
	6. Memaklumkan badan kebajikan untuk bantuan	56.4
	5. Meminta jiran menghubungi saudara mara untuk bantuan	6.2
	4. Tidak mempedulikan masalah jiran berkenaan	0.9
	3. Enggan memberi apa-apa bantuan	0.5
	2. Menyalahkan nasib malang jiran	0.3
	1. Menyindir keadaan jiran	0.2
Kawasan kejiranan anda dilanda banjir besar. Beberapa rumah di kawasan sekitar ditenggelami air sehingga beberapa buah keluarga tiada tempat berlindung yang selamat. Walau bagaimanapun, rumah anda terselamat kerana berada di kedudukan yang lebih tinggi. Mangsa terdiri daripada latar kaum berbeza. Dalam situasi tersebut anda akan...	7. Mengajak mangsa banjir menumpang sementara di rumah anda	43.7
	6. Menghantar bekalan makanan dan keperluan asas lain kepada mangsa	23.2
	5. Melaporkan kepada pihak berwajib supaya datang membantu mangsa	31.7
	4. Menasihati jiran supaya lebih bersedia	0.7
	3. Tidak menghiraukan mangsa banjir	0.3
	2. Tidak berkongsi sumber yang ada	0.2
	1. Enggan memberi bantuan	0.2
Sewaktu dalam perjalanan ke tempat kerja, anda melewati sebuah lokasi kemalangan jalanraya yang baru berlaku. Mangsa daripada kaum yang berlainan. Anda...	7. Memberhentikan kenderaan dan turun membantu mangsa	57.7
	6. Mengajak orang ramai membantu mangsa	21.1
	5. Menghubungi pihak polis dan meneruskan perjalanan	14.8
	4. Menonton kejadian dan meneruskan perjalanan	2.1
	3. Memberhentikan kenderaan dan tidak berbuat apa-apa	0.9
	2. Memperlahankan kenderaan untuk memerhati mangsa kemalangan	2.1
	1. Membiarkan dan meneruskan perjalanan ke tempat kerja seperti biasa	1.4
Ketika bersiar di bandar, dompet seseorang berlainan kaum telah dicuri penyalak saku. Beliau panik dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Anda kebetulan berada ditempat kejadian. Anda akan...	7. Berlari mengejar penyalak saku tersebut	21.7
	6. Menghantar dia ke balai polis yang berhampiran	43.9
	5. Menasihati dia untuk pergi ke balai polis berhampiran	31.7
	4. Buat tidak peduli	1.1
	3. Melihat sahaja siapa yang akan membantu	0.8
	2. Segera meninggalkan tempat kejadian	0.5
	1. Menyalahkan sikap cuai beliau	0.4
Berlaku banjir besar di salah sebuah negeri yang mempunyai majoriti penduduk daripada kaum yang berbeza dengan anda. Anda mendapat berita dan gambaran mengenai situasi penderitaan dan kesulitan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir di kawasan negeri tersebut. Dalam situasi tersebut, anda...	7. Mengumpulkan rakan (sukarelawan) dan pergi membantu mangsa	37.5
	6. Melibatkan diri dalam mana-mana NGO untuk ikut serta membantu mangsa	43.5
	5. Menyebarkan berita tersebut dalam rangkaian media sosial	8.6
	4. Melahirkan rasa simpati	8.9
	3. Tidak kisah dengan isu banjir tersebut	0.4
	2. Membiarkan pihak berkuasa bertindak	0.9
	1. Menyalahkan pihak berkuasa	0.2

Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

Beberapa Situasi Lain

Masyarakat Malaysia pada masa kini mempunyai sikap terbuka. Keadaan ini boleh dilihat dalam beberapa situasi berikut:

- 46.3% sanggup menerima teman kembara berlainan kaum.
- Lebih separuh daripada responden (52.1%) masih

dapat menerima teguran jiran berlainan kaum demi keselamatan anak mereka.

- 36.9% sanggup memberi pinjam token permainan di arked video kepada individu berlainan kaum.
- Lebih separuh daripada responden (56.9%) mahu mengajak jiran bersama bergotong royong membersihkan kawasan perumahan mereka.
- Hampir separuh (46.7%) responden akan membantu ahli kelab yang mereka sertai.
- 47.7% akan menikmati hiburan yang diminati tanpa menilai isu kaum.

Jadual 7.10: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan - Sosial: Beberapa Situasi Lain

Item	Pilihan jawapan	Peratus
Anda hendak mencuba menjadi pengembara <i>back packer</i> buat pertama kali. Memandangkan ini kali pertama, anda mencari seorang teman dalam negara. Ada seseorang menjawab iklan anda di laman web <i>back packers</i> , tetapi anda merasakan individu tersebut adalah kaum yang berlainan. Anda akan...	7. Menerima beliau sebagai teman kembara	46.3
	6. Bertanya pengalaman kembara beliau	42.7
	5. Bertanya umur dan jantina	6.2
	4. Bertanya latar belakang pekerjaan	1.9
	3. Bertanya agama	1.2
	2. Bertanya kaum	0.5
	1. Membatalkan niat mengembara	1.2
Anak anda dimarahi jiran berlainan kaum kerana memanjat pagar. Apa reaksi anda?	7. Berterima kasih kerana menegur	52.1
	6. Menyuruh anak segera turun dari pagar	17.5
	5. Menasihati anak	24.8
	4. Tidak mengendahkan apa yang dikatakan oleh jiran	1.8
	3. Menasihati jiran untuk tidak campur tangan	1.0
	2. Memarahi anak anda	2.4
	1. Memarahi jiran anda	0.5
Anda asyik bermain di arked video tiba-tiba datang seorang yang berlainan kaum tidak dikenali mahu meminjam token anda kerana telah kehabisan token. Apa reaksi anda?	7. Memberi sahaja token	23.8
	6. Memberi pinjam token	36.9
	5. Menasihati agar menggantikan token apabila selesai bermain	20.7
	4. Tidak menghiraukan dan meneruskan permainan	3.6
	3. Menjual token anda	10.9
	2. Tidak akan memberi pinjam	3.5
	1. Memandang beliau dan bersungut kerana diganggu	23.8
Kawasan Rukun Tetangga di tempat anda ingin mengadakan satu gotong-royong bagi membersihkan kawasan sekitar perumahan anda. Anda dapati rumah jiran penuh dengan sampah sarap. Apakah tindakan anda setelah nampak keadaan seperti itu?	7. Mengambil inisiatif sendiri membersihkan kawasan rumah jiran	14.9
	6. Mengajak jiran bersama membersihkan kawasan rumah	56.9
	5. Menolong jiran anda tetapi setelah selesai membersihkan kawasan rumah anda	10.1
	4. Tidak mepedulikan keadaan itu	1.4
	3. Mengajak rakan kejiranan bergotong-royong	13.5
	2. Menegur jiran anda kerana tidak menjaga kebersihan kawasan rumah	2.8
	1. Memulau jiran anda	0.3
Andaikan anda telah mendaftar sebagai ahli dalam kelab pemilik kereta. Semasa aktiviti konvoi, salah satu kereta ahli kelab berlainan kaum mengalami kerosakan. Anda...	7. Membantu ahli kelab tersebut	46.7
	6. Membantu mendapatkan perkhidmatan tunda kenderaan ke bengkel berdekatan	42.9
	5. Mencadangkan ahli kelab lain untuk menelefon orang yang berkaitan	6.6
	4. Hanya memerhatikan sahaja kerosakan yang berlaku	1.7
	3. Meneruskan aktiviti konvoi dan meninggalkan ahli kelab itu seorang diri	0.9
	2. Menegur ahli kelab tersebut kerana kurang persediaan	0.8
	1. Memberi amaran ahli kelab tersebut supaya tidak menyusahkan orang lain	0.4
Anda berada di konsert Datuk David Arumugam dari kumpulan Alleycat apabila diajak kawan-kawan. Anda memerhatikan pengunjung terdiri daripada pelbagai kaum. Anda...	7. Menyanyi bersama kawan berlainan kaum sambil berjalan ke arah konsert	47.7
	6. Menikmati dan berhasrat untuk datang lagi	26.2
	5. Menghadiri konsert ini demi meraikan ajakan kawan	20.6
	4. Tidak peduli dan tidak melakukan apa-apa tindakan	3.3
	3. Memerhatikan gelagat pengunjung lain sambil menggelengkan kepala	1.0
	2. Merasa tidak selesa melihat kaum lain menyanyi lagu melayu	0.6
	1. Menyesal hadir	0.6


Positif (7-5), Neutral (4), Negatif (3-1)

DETIK PERPADUAN (SITUASI HIPOTETIKAL)

Detik-detik Perpaduan adalah percikan rasa kekitaan kolektif nasional bersama rakyat Malaysia dalam berhadapan dengan suasana kehidupan yang menjulang maruah negara dan cabaran yang melanda negara ini. Rasa kekitaan kolektif nasional bersama ini lahir dari keterikatan emosi kepada negara yang memotivasikan rakyat Malaysia untuk sukarela menyumbang masa, tenaga, kemahiran, harta dan hatta, mengorbankan nyawa mereka sendiri demi kecintaan kepada negara ini. Penelitian secara hipotetikal menunjukkan masyarakat Malaysia mempunyai sensitiviti detik perpaduan yang tinggi melebihi 90% dan menghampiri 100%.

Kerencaman Politik Organisasi

Detik Perpaduan dalam Kerencaman Politik Organisasi mendapati kajian menunjukkan hampir keseluruhan responden (sekitar 95%), menunjukkan kebanggaan, mendokong nilai, kepimpinan, menarik penglibatan belia dan menjaga kebajikan anggota masyarakat dalam mengurus masyarakat kepelbagaian.



Jadual 7.11: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan: Politik

Item	Pilihan Jawapan	Nilai Skor
Tiga (3) orang anak lelaki Lim Lam Seng bercadang turun menderma darah di program RT tempat tinggal mereka untuk meningkatkan tabung darah sempena balik kampung hari raya Aidilfitri dalam seminggu lagi. Apakah yang difikirkan Lim Lam Seng?	Berbangga dengan tindakan anak-anaknya ini	96.8
	Menolak kehendak mereka	2.3
	Lain-lain	0.9
Shuib, adik Yusof, sering membawa kuih-muih yang dimasak oleh isterinya ke mesyuarat jawatankuasa RT yang dianggotai pelbagai etnik. Apakah reaksi Yusof terhadap Shuib?	Adiknya mendukung nilai perpaduan	95.3
	Adiknya membebaskan isterinya sendiri	3.2
	Lain-lain	1.5
Shuib, adik Yusof berhasrat untuk bertanding jawatan Pengerusi RT. Yusof mencadangkan pasukan kabinet RT dia terdiri daripada Tan Ah Beng, Muniandy, Daud dan Khoo Swee Lim. Apakah yang Yusof akan lakukan?	Menyokong kepimpinan pelbagai etnik	94.6
	Tidak setuju	3.9
	Lain-lain	1.5
Shuib bersama kepimpinan RTnya telah menganjurkan pelbagai program seperti futsal, memancing dan lain-lain aktiviti yang melibatkan warga emas dengan jiran muda yang terdiri daripada kepelbagaian etnik. Apakah pandangan Yusof terhadap program seperti itu?	Program ini akan dapat menarik penglibatan remaja	93.5
	Berpendapat golongan muda tidak akan hadir	5.1
	Lain-lain	1.4
Tan Swee Lin, jiran Lim Lam Seng bersama-sama dengan kepimpinan RT lain telah menziarahi Osman Ali, seorang ahli jawatankuasa kerja RT yang terlantar sakit sebulan di rumahnya. Apakah respon Lim Lam Seng?	Menyokong kegiatan ini	95.9
	Tidak menyokong kegiatan ini	2.9
	Lain-lain	1.2

Jaringan Ekonomi

Detik Perpaduan dalam Jaringan Ekonomi menunjukkan responden bersetuju (sekitar 95%) bahawa mereka daripada pelbagai etnik dan agama berkerjasama untuk mengkomersialkan budaya setempat, membersihkan peninggalan sampah pasar malam, berniaga pakaian *bundle*, pemeliharaan madu kelulut dan mengadakan tuisyen bersama demi manfaat masyarakat mereka.

Jadual 7.12: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan: Ekonomi

Item	Pilihan Jawapan	Peratus
Shuib, adik Yusof sedang bermesyuarat bersama AJK RT untuk mengkomersialkan kepelbagaian budaya kumpulan etnik setempat dan dijadikan salah satu program pelancongan di negeri ini. Apakah pandangan Yusof?	Bangga dengan keputusan RT	95.7
	Curiga dengan kebolehan projek ini	2.6
	Lain-lain	1.7
Longgokkan sampah sarap di hadapan pejabat RT peninggalan kegiatan pasar malam pada setiap malam Sabtu telah menimbulkan masalah kesihatan. Sekumpulan anak-anak muda diketuai Azmi, anak saudara Yusof bersama Tan Ah Meng, Rajendran dan Razak akan mengadakan program gotong-royong membersihkan sampah secara sukarela dahulu bersama peniaga.	Menyokong tindakan anak saudaranya	93.4
	Merasakan itu tugas pihak kerajaan tempatan setempat	5.6
	Lain-lain	1.1
Sekumpulan anak-anak muda diketuai Tan Li Juan, anak saudara Lim Lam Seng bersama Nasir, Devan dan Lam Chao Chen akan berniaga baju bundle di karnival RT untuk menyumbang kepada tabung Tadika Perpaduan. Apakah tindakan Lim Lam Seng?	Menyokong tindakan anak saudaranya	94.0
	Berpendapat itu tugas pihak kerajaan	4.9
	Lain-lain	1.1
Swee Gui Fu, Ketua Biro Ekonomi RT dan dua pupu Lim Lam Seng, telah memutuskan untuk menjalankan projek madu kelulut bagi memberi pendapatan sampingan untuk ahli-ahli jiran muda yang menganggur. Apakah reaksi Lim Lam Seng terhadap projek tersebut?	Menyokong dengan keputusan itu	94.4
	Tidak setuju	4.2
	Lain-lain	1.3
Yeo Min Chu, Ketua Biro Pendidikan RT dan dua pupu Lim Lam Seng telah menjalankan kelas tuisyen malam untuk kecemerlangan akademik anak-anak RT. Apakah reaksi Lim Lam Seng dengan projek ini?	Projek ini disokong	95.5
	Projek ini tidak disokong	3.3
	Lain-lain	1.2

Pendidikan

Sekitar 95% responden bersetuju dengan Detik-detik Perpaduan dalam Pendidikan. Jadual 7.13 menunjukkan responden berpendapat *study group*, perbincangan, membantu sekolah, menjaga disiplin anak dan menghargai jasa guru yang dilakukan merentas etnik menjadi kebanggaan mereka bersama dan disokong.

Jadual 7.13: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan: Pendidikan

Item	Pilihan Jawapan	Peratus
Latif, anak sepupu Yusof akan mengadakan <i>study group</i> secara pusingan dari rumah ke rumah dengan rakan sama tingkatan dengannya - Ah Ming, Mahalingam, Azlina dan Awang Tengah. Apakah yang akan dilakukan oleh ayah Latif?	Membenarkan <i>study group</i> Latif dijalankan	95.5
	Tidak akan menyokong	3.4
	Lain-lain	1.1
Azmi, anak bongsu Yusof suka berbincang dengan Chin Yee Mun, Savaramuttu, Noriah dan Devi tentang Hang Tuah sebagai tokoh negara. Apakah tanggapan Yusof terhadap anak-anak muda ini?	Berbangga dengan perbincangan mereka	94.3
	Perbincangan mereka tidak bermanfaat	4.2
	Lain-lain	1.5
PIBG sekolah di mana Lim Ding Bang, anak Lim Lam Seng belajar telah memutuskan keuntungan daripada Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Makan Amal Sekolah tahun ini diberikan kepada tabung akademik dan prasarana sekolah. Bendahari PIBG memaklumkan ibu bapa dan guru sekolah bahawa sumbangan berjumlah RM230,077.97 diperolehi daripada pemilik industri kecil sederhana dan perniagaan di sekitar sekolah yang bermurah hati menyumbang dana.	Bangga kerana turut memberi sumbangan	94.9
	Berpendapat itu tugas kerajaan	3.2
	Lain-lain	1.9
Anak saudara Yusof, Munir telah diambil tindakan disiplin oleh sekolahnya kerana bergaduh dengan Teo Cheng Hye di sekolah. Apakah reaksi Yusof dengan tindakan disiplin ke atas anaknya?	Menerima keputusan sekolah itu	93.6
	Tidak setuju dengan keputusan itu	4.2
	Lain-lain	2.2
Lim Ding Bang, anak Lim telah membeli sebuah hadiah untuk diberikan kepada Cikgu Aminah, guru Bahasa Inggeris dengan duit saku sekolahnya. Jasa guru ini mendidik dia dengan penuh sabar telah melayakkan dia terpilih untuk mengikuti program pertukaran pelajar ke England.	Memuji tindakan anaknya	96.0
	Tidak setuju dengan tindakan anaknya	2.7
	Lain-lain	1.3

Sosial

Detik Perpaduan dalam Sosial mencecah sekitar 96% persetujuan. Responden kajian merasakan satu kebanggaan, pujian, pemilikan nilai kepimpinan dan perjuangan yang murni dalam mengurus perpaduan dan keharmonian dalam negara ini.

Perpaduan adalah matlamat terakhir negara yang diidamkan. Namun kajian menunjukkan percikan detik-detik perpaduan sudah berlaku dalam negara ini. Rasa kekitaan kolektif nasional dan maruah negara ini telah terbina hasil daripada keterikatan emosi bersama dalam kalangan rakyat Malaysia. Ini dapat diperhatikan daripada lahirnya jiwa insan sukarelawan yang telah membantu semasa kejadian Banjir Besar Kelantan 2014 dan menderma kepada Tabung Harapan Malaysia mencecah hampir RM200 juta pada tahun 2018. Tindakan detik-detik perpaduan seperti ini menandakan kemurnian dan kecintaan mereka kepada negara ini.

Jadual 7.14: Peratusan Pilihan Jawapan Komponen Detik Perpaduan: Sosial

Item	Pilihan Jawapan	Peratus
Shuib, adik Yusof, sebagai Pengerusi RT telah berkongsi pengalaman beliau bersama pasukan mediasi (perantara) RT mengurus salah faham dalam hubungan di antara Alwi dan Murugan yang tinggal di lorong perumahan yang sama. Setelah berbincang selama dua minggu Murugan bersetuju untuk tidak membuang kucingnya yang berak ke rumah Alwi, manakala Alwi memaklumkan anaknya supaya tidak parkir keretanya sehingga menghalang pintu masuk rumah Murugan.	Budaya tolak ansur perlu diamalkan	96.1
	Hak mesti dipertahankan	3.0
	Lain-lain	0.9
Azmi sebagai Ketua Jiran Muda, anak saudara Yusof telah terlibat bersama dengan Tan Ah Meng, Rajendran dan Razak dalam perbincangan dengan RT sekitar untuk mendapatkan penglibatan anak-anak Tadika Perpaduan dan anggota masyarakat setempat dalam festival citra warna. Festival ini telah mendapat pujian penduduk setempat kerana pelbagai persembahan budaya, pakaian, tarian dan juga jualan makanan pelbagai etnik diadakan.	Yusof memberi pujian	97.2
	Yusof tidak suka	1.5
	Lain-lain	1.3
Azmi sebagai Ketua Jiran Muda, anak saudara Yusof, bersama dengan Tan Ah Meng, Rajendran dan Razak ditugaskan memantau pemasangan bendera Malaysia sempena hari kemerdekaan negara. Apakah pendapat Yusof terhadap pemasangan bendera ini?	Memberi sokongan	95.6
	Tidak memberi sokongan	3.4
	Lain-lain	1.0
Kumpulan Warga Mas telah dibantu oleh AJK RT Ah Meng, Rajendran dan Razak untuk membina wau bulan secara bergotong royong sempena kedatangan hari raya Aidilfitri tahun ini. Apakah pendapat Yusof terhadap kegiatan ini?	Menyokong kegiatan seperti ini merapatkan hubungan.	96.4
	Tidak setuju untuk membantu.	2.5
	Lain-lain.	1.1
Khaw Wee Ming, anak menantu Lim Lam Seng sebagai Timbalan Pengerusi RT bersama AJK pertandingan RT Samy, Adil, Shamsiah dan Swee Lin Lin ditugaskan melaksanakan pelbagai program kecantikan taman, kempen kebersihan, kegiatan keselamatan, derma darah dan ceramah. Pelbagai bengkel, latihan dan perbincangan kumpulan-kumpulan kecil dijalankan dalam menggembelng penduduk setempat. Apakah pendapat Lim Lam Seng terhadap usaha AJK ini?	Perjuangan anak menantunya amat membanggakan	96.3
	Tidak menyokong	1.8
	Lain-lain	2.0
Shuib, Pengerusi RT, adik Yusof telah dipilih oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk membentangkan syarahan "Peranan Rukun Tetangga Mengurus Perpaduan Nasional di Malaysia" di Persidangan Kedamaian Dunia Sydney, Australia. Apakah pandangan Yusof terhadap program seperti itu?	Pengiktirafan tertinggi negara atas usaha RT mereka	96.1
	Tidak setuju dengan pemilihan itu	2.3
	Lain-lain	1.6
Dalam perjalanan dengan bas ke Singapura, anak-anak muda di kawasan RT, Teo Chao Chen, Velu, Alwi dan Nasir menyanyikan pelbagai lagu Melayu, Inggeris, Tamil dan juga Cina. Shuib, selaku Pengerusi RT dan adik Yusof sangat bangga dengan pergaulan anak-anak muda Malaysia ini. Apakah pandangan Yusof dengan anak-anak muda ini?	Sangat bangga	96.9
	Tidak bangga	2.1
	Lain-lain	1.1

Kesepaduan (Dicapai)

KESEPADUAN NASIONAL

Kesepaduan nasional ditakrifkan sebagai tahap kesepaduan yang dicapai pada peringkat nasional apabila konsep etos bangsa bercantum bersama dengan konsep kesepaduan sosial. Oleh itu kesepaduan nasional merupakan konsep terbitan yang mengandungi dua konsep penting, iaitu kesepaduan sosial dan etos bangsa. Apabila etos bangsa mempengaruhi kesepaduan sosial maka kesepaduan nasional akan muncul sebagai konsep yang menjelaskan kesepaduan masyarakat pada peringkat negara. Kesepaduan sosial dan etos bangsa menggabungkan perkongsian nilai hidup bersama, persamaan pandangan hidup, hubungan horizontal yang merentas pelbagai identiti dalam kehidupan harian.

Proses ini akan membina mikro-solidariti sesama mereka berteraskan kesetiaan dan kecintaan kepada negara. Etos bangsa sangat penting dalam mengukuh kesepaduan sosial. Dengan penggabungan etos bangsa dan kesepaduan sosial di Malaysia, integrasi nasional menjadi lebih mantap sehingga rakyat mampu mengutamakan kepentingan negara mengatasi kepentingan diri.

KESEPADUAN SOSIAL

Kesepaduan sosial mempunyai sejarah perbincangan yang panjang berfokus kepada persoalan berkenaan sepersetujuan pendapat dan konflik dalam kehidupan seharian masyarakat. Sejak pertengahan 1990-an, usaha membentuk konsep dan membina kerangka konseptual bersepadu yang dapat menggabungkan jalinan sosial, kesepaduan sosial dan perpaduan telah digerakkan di seluruh dunia khususnya di Kanada, United Kingdom, New Zealand dan Australia. Usaha ini disebabkan oleh kebimbangan terhadap impak globalisasi, perubahan ekonomi dunia, peperangan melawan keganasan dan kesetiaan populasi masyarakat Islam yang tinggal di negara Barat.

Definisi Kesepaduan Sosial

Maxwell (1996) mendefinisikan kesepaduan sosial sebagai pembangunan nilai dan interpretasi masyarakat yang dikongsi bersama, mengurangkan perbezaan kekayaan dan pendapatan, dan secara umumnya membolehkan seseorang individu merasakan bahawa mereka terikat dalam suatu daya usaha, menghadapi cabaran bersama dan menjadi ahli dalam suatu komuniti yang sama.

Definisi oleh Maxwell ini masih relevan diterima dan menjadi rujukan hingga kini. Ia menyediakan suatu ruang intervensi dalam pembangunan polisi sosial seperti mewujudkan nilai dan matlamat yang dikongsi bersama dalam usaha membasmi ketidakadilan. Kerajaan Perancis pada masa yang sama turut mengemukakan definisi mereka yang menekankan kepada kewujudan proses yang dapat membantu membangun dan mengekalkan nilai bersama (Commisariat General du Plan, 1997). Kesepaduan sosial dilihat sebagai proses sosial yang dapat membantu menanam dan mengekalkan seseorang individu dengan rasa kepunyaan dan kekitaan dalam komuniti dan merasakan bahawa mereka diiktiraf serta diterima dalam komuniti berkenaan.



Kesepaduan Sosial di Kanada Sebagai Asas Pengkonsepan Kesepaduan Sosial Dunia

Kerajaan Kanada adalah negara pertama yang mewujudkan Jawatankuasa Kecil Kajian Polisi antara Jabatan mengenai kesepaduan sosial yang melibatkan 20 jabatan dan agensi. Dalam bulan Mac 1997, mereka telah melakarkan satu pelan kerja penyelidikan mengenai kesepaduan sosial berdasarkan definisi mereka sendiri mengenai kesepaduan sosial dengan menekankan kepada nilai dikongsi bersama dan kepercayaan yang diperlukan untuk mencapai kesepaduan dalam masyarakat. Kesepaduan sosial adalah proses berterusan untuk membangunkan komuniti dengan nilai dikongsi bersama dan kesamaan peluang di Kanada berdasarkan kepercayaan, harapan dan timbal balik antara satu sama lain dalam kalangan rakyat Kanada.

Dalam laporan Interim 18 bulan kemudiannya, Jawatankuasa Kecil ini telah mengenal pasti lompang kelemahan yang dianggap wujud dalam masyarakat Kanada. Ia dikaitkan dengan (1) populasi menua, (2) perubahan etnik dan komposisi budaya, (3) perkembangan struktur keluarga. Tiga perkara ini menunjukkan skop isu yang dianggap perlu diberi perhatian dalam agenda kesepaduan sosial Kanada. Hakikatnya, isu kesepaduan sosial perlu digambarkan dalam konteks lebih luas yang bukan sahaja melibatkan secara eksklusif perbezaan berdasarkan etnik atau latar belakang budaya, tetapi merangkumi status ekonomi, ketidaksamaan gender, kumpulan umur, isu luar bandar dan struktur keluarga.



Seorang sarjana tersohor Kanada bernama Jenson yang merupakan bekas pengarah di *Canadian Policy Research Networks* (CPRN) telah menerbitkan satu ulasan komprehensif kajian di Kanada yang dinamakan sebagai *Mapping Social Cohesion* (1998). Beliau turut mengemukakan definisi yang selari dengan pelan kerja terdahulu dalam konteks penekanan yang lebih utama kepada proses yang perlu dilakukan berbanding hasil yang diinginkan. Istilah “kesepaduan sosial” digunakan untuk menerangkan proses kesepaduan sosial itu sendiri melebihi daripada hanya membincangkan kedudukan kesepaduan sosial itu. Peristilahan ini kelihatan melibatkan rasa komitmen dan keinginan dalam kapasiti untuk tinggal dan hidup bersama dalam suasana harmoni. Jenson (1998) telah mengemukakan pendekatan meneliti kesepaduan sosial menerusi lima komponen dimensi.

Bernard (1999) pula telah menambah komponen keenam. Semua dimensi ini adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.15:

Jadual 7.15: Dimensi Kesepaduan Sosial Jenson (1998) dan Bernard (1999)

Dimensi Kesepaduan Sosial (Jenson, 1998)
1. Rasa Kekitaan (<i>Belonging</i>) ↔ Rasa Keterasingan (<i>Isolation</i>)
2. Keterangkuman (<i>Inclusion</i>) ↔ Pengetepian (<i>Exclusion</i>)
3. Penyertaan (<i>Participation</i>) ↔ Ketakterlibatan (<i>Non-involvement</i>)
4. Pengiktirafan (<i>Recognition</i>) ↔ Penolakan (<i>Rejection</i>)
5. Legitimasi (<i>Legitimacy</i>) ↔ Ketaklegitimasi (<i>Illegitimacy</i>)
Tambahan Dimensi oleh Bernard (1999)
6. Kesamarataan (<i>Equality</i>) ↔ Ketaksaksamaan (<i>Inequality</i>)

Bernard turut mengemukakan tipologi yang membezakan aspek formal dan sepadan mengenai kesepaduan sosial dalam tiga lingkungan aktiviti manusia, iaitu ekonomi, politik dan sosio-budaya (Jadual 7.16).



Jane Jenson
bekas pengarah di *Canadian Policy Research Networks* (CPRN)

Jadual 7.16: Tipologi Formal dan Sepadan Bernard (1999)

Ciri Hubungan	Formal	Sepadan
Ekonomi	Pemasukan/ Pengetepian	Kesamaan/Ketaksamaan
Politik	Keesahan/ Ketakesahan	Penyertaan/Kepasifan
Sosio-Budaya	Penghargaan/ Penolakan	Rasa Kekitaan/Rasa Keterasingan

Dalam tahun 2001, Forrest dan Kearns turut mengemukakan pandangan yang lebih komprehensif kepada domain kesepaduan sosial seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.17:

Jadual 7.17: Domain Kesepaduan Sosial (Forrest dan Kearns, 2001)

Domain	Penjelasan
Nilai umum dan budaya sivik	Matlamat umum dan objektif; prinsip moral umum dan kod tingkah laku; sokongan kepada institusi politik dan penyertaan dalam politik
Susunan dan kawalan sosial	Ketiadaan konflik umum dan ancaman kepada peraturan sedia ada, ketiadaan ketidaksopanan; kawalan sosial tak rasmi yang efektif; toleransi; menghormati perbezaan; kerjasama antara kumpulan
Perpaduan sosial dan pengurangan perbezaan kekayaan	Pembangunan sosial dan ekonomi yang harmoni dalam standard umum; pengagihan semula pinjaman dan peluang; kesamaan akses kepada perkhidmatan dan manfaat kebajikan; perakuan mengenai obligasi sosial dan kesediaan membantu orang lain
Jaringan dan modal sosial	Tahap interaksi sosial yang tinggi dalam keluarga dan komuniti; Penglibatan sivik; aktiviti bersama; penyelesaian mudah dalam tindakan penyelesaian masalah secara kolektif
Penempatan kawasan dan identiti	Keterlibatan kuat dalam kawasan tempat tinggal; mempunyai kaitan kuat identiti diri dengan kawasan tempat tinggal.

Terdapat penyelidik lain yang turut mengutarakan definisi untuk meneroka kepelbagaian sistem nilai yang mendasari kesepaduan sosial. *Council of Europe* (1999, disebut dalam Beauvais & Jenson, 2002) telah mencadangkan definisi berikut:

“*Kesepaduan sosial mengandungi rasa kekitaan: kepada keluarga, kumpulan sosial, kejiwaan, tempat kerja, negara khususnya Eropah. Rasa kekitaan ini sepatutnya tidak eksklusif, tetapi perlu mempertimbangkan pelbagai identiti di mana rasa kekitaan perlu digalakkan seluasnya.*”

Di Kanada, muncul perdebatan bahawa konsep kesepaduan sosial hanya mengelilingi konsep keharmonian sosial yang disifatkan sebagai terlalu umum. Kerangka konsep baharu sebagai asas definisi dalam dokumen polisi kerajaan Kanada kemudiannya diperkemas dengan memasukkan liputan mengenai kewarganegaraan dikongsi bersama,

kepelbagaian budaya, pembangunan sosial mapan dan nilai kewarganegaraan. Sungguhpun begitu, kerangka baharu ini masih bersifat pendekatan umum kepada permasalahan sosial dan wujud kecenderungan untuk memandang remeh isu berkaitan hubungan antara etnik dan integrasi imigran ke dalam masyarakat sedia ada.

Kesepaduan Sosial di New Zealand


Imigran dan Kesepaduan Sosial menjadi fokus di New Zealand dalam tahun 2005, apabila kertas Kabinet disediakan oleh Robin Peace, Paul Spoonley, Andrew Butcher dan Damian O'Neill telah dikemukakan dan dibentang oleh Kementerian Pembangunan Sosial. Walau bagaimanapun, kertas berkenaan tidak diterima sebagai satu fokus dalam dasar negara pada masa itu.

Penelitian terhadap idea kesepaduan sosial di New Zealand memperlihatkan bahawa konsep ini diorientasikan berasaskan definisi antarabangsa mengenai Kesepaduan Sosial oleh ahli teori sosial Jenson (1998). New Zealand memfokus kepada pembentukan "*socially cohesive society*" sebagai usaha mewujudkan ahli masyarakat yang mempunyai rasa "*belonging, participation, inclusion, recognition dan legitimacy*".

Data kajian mengenai kesepaduan sosial telah dikeluarkan buat kali pertama daripada kajian *New Zealand General Social Survey 2008* berdasarkan beberapa aspek berikut: *people's sense of belonging to New Zealand, their ability to express their own identity, their experience of discrimination dan tolerance of diversity*.

Bertitik tolak daripada pelaporan tersebut, kajian di New Zealand kemudiannya memfokuskan kepada *Social Well-Being*, iaitu akibat setelah berlakunya kesepaduan sosial (Beauvais & Jenson, 2002).

Kini, New Zealand mempunyai program *Diversity Dividend* yang memberi ruang dan peluang setara kepada golongan imigran menyumbang kepada pembangunan sosial, ekonomi dan politik.



Kesepaduan Sosial Di United Kingdom

Polisi Kesepaduan Sosial di United Kingdom (UK) memfokuskan definisi Kesepaduan Sosial dalam konteks isu etnik dan kepelbagaian budaya. Istilah yang sering digunakan dalam kebanyakan perbincangan ialah “Kesepaduan Komuniti” yang dilihat sebagai istilah lebih spesifik untuk menjelaskan mengenai kesepaduan berdasarkan komuniti yang wujud atas asas agama dan etnik berbanding kelas sosial dan status ekonomi. Istilah kesepaduan komuniti diambil daripada konteks British berdasarkan kekacauan etnik di bandar-bandar utara England dalam tahun 2001. Ted Cantle (2001) menjelaskan bahawa “adalah lebih mudah untuk memfokuskan kepada sistem, proses dan institusi berbanding melihat kesepaduan komuniti berasaskan nilai masyarakat”.

The Community Cohesion Review Team ditubuhkan di UK untuk menyiasat punca kekacauan awam dalam tahun 2001. Mereka menggunakan istilah Kesepaduan Komuniti sebagai tajuk laporan bertujuan untuk mengetengahkan peranan nilai komuniti dan sikap masyarakat untuk memperbaiki hubungan etnik. Mereka mengemukakan komuniti bersepadu sebagai komuniti dimana:

- Wujud visi bersama dan rasa kekitaan dalam semua komuniti;
- Kepelbagaian latar belakang ahli masyarakat dan asal keturunan dihargai berasaskan nilai positif;
- Sesiapa sahaja dari latar belakang berbeza mempunyai peluang yang sama untuk menjalani kehidupan;
- Hubungan yang positif dan kuat dibangunkan di antara ahli masyarakat daripada latar belakang berbeza di tempat kerja, sekolah dan kejiranan.

Cantle (2005) seterusnya membangunkan pembahagian secara konseptual di antara “Kesepaduan Sosial” dan “Kesepaduan Komuniti” berdasarkan panduan berikut:

- Kesepaduan sosial adalah berasaskan faktor kelas sosial dan ekonomi yang diperteguh oleh teori modal sosial berkaitan ikatan di antara ahli masyarakat dan kehadiran kepercayaan bersama. Ia kelihatan dijejaskan oleh pengeneapan pengalaman sosial oleh individu atau kumpulan berdasarkan kelas sosial dan kedudukan ekonomi.

- Kesepaduan Komuniti adalah berasaskan pengenalpastian komuniti yang berasaskan perbezaan kepercayaan agama atau etnik. Ia diperteguh oleh teori modal sosial yang menghubungkan di antara komuniti berbeza. Ia dijejaskan oleh kekurangan, diskriminasi dan kesan pengalaman yang dialami oleh kelompok komuniti berbeza sebagai keseluruhannya.

Pengalaman UK ini telah menggerakkan fokus yang lebih spesifik mengenai Kesepaduan Sosial yang menjadi kekurangan utama dalam fabrikasi sosial komuniti, etnik dan identiti budaya.



Kesepaduan Sosial Di Australia

Australia merupakan salah satu kisah kejayaan sebuah negara yang dibangunkan berasaskan kuasa imigran. Pengambilan imigran sebagai *settler* bertujuan meningkatkan ekonomi berasaskan pekerjaan bertaraf tinggi khususnya dalam situasi dimana kebanyakan rakyat Australia yang menetap sejak sekian lama berhijrah untuk bekerja di luar negara. Dengan jangkaan peningkatan kedatangan imigran ke Australia, potensi dan sumber ketegangan dalam masyarakat perlu dikenali pada peringkat nasional dan setempat.

Australia memiliki kajian tinjauan yang sangat kaya. Dalam konteks sosial, kajian-kajian di Australia dalam beberapa dekad yang lalu berkisar kepada isu imigran. Antara kajian tersebut ialah:


- *Longitudinal Survey of Immigrants to Australia* (1993-2005)
- *Living Diversity: Australia's Multicultural Future* (2002)
- *Australian Survey of Social Attitudes* (2003, 2005, 2007)
- *The Racism Project* (2001, 2006, 2007)
- *Victorian Community Indicators Project* (2006, 2007)
- *The Australian Unity Well-Being Index* (2008)

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada peringkat nasional dan beberapa kajian turut memfokuskan kepada keadaan setempat kerana sikap individu dan komuniti boleh menjelaskan situasi di sesuatu kawasan.

Social Cohesion Index dimulakan sebagai projek untuk memetakan kesepaduan sosial (*Mapping the Social Cohesion*) dalam tahun 2007. Indeks ini diusahakan secara berterusan oleh Scanlon Foundation melalui tinjauan selama 10 tahun (2007, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016, dan 2017). Penggerak utama projek ini ialah Profesor Andrew Markus dari Monash University. Kejayaan projek ini adalah hasil kerjasama erat di antara Scanlon Foundation, Monash Institute for the Study of Global Movements dan Australian Multicultural Foundation.

Kajian Kesepaduan Sosial yang digerakkan ini bertujuan memberi perspektif umum pada peringkat nasional. Penelitian mengenai kesepaduan sosial tidak berdasarkan pengukuran fizikal berdasarkan saiz pencapaian kesepaduan sosial semata-mata tetapi mengadaptasi pendekatan yang lebih luas berdasarkan lima dimensi yang dikemukakan oleh Jenson (1998) untuk melambangkan sikap yang dilaporkan berdasarkan pengalaman dan tingkah laku.

Laporan yang telah dihasilkan menerusi indeks ini merupakan pengalaman, dan acuan pelbagai faktor yang dilihat secara berbeza-beza bersesuaian dengan isu pada tahun kajian. Inilah keunikan kisah Kesepaduan Sosial Australia.



Memahami Perbezaan Konsep dan Pendefinisian

Penelitian dan perbincangan mengenai definisi Kesepaduan Sosial daripada beberapa Negara yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa adalah sukar untuk mencapai kesepakatan bersama dalam mendefinisikan konsep Kesepaduan Sosial.

Perlu difahami bahawa perbezaan definisi secara ilmiah adalah satu senario biasa dalam mencari titik pertemuan untuk menghurai sesuatu makna dalam konteks lebih meluas. Ia menggambarkan perletakan ideologi asas untuk menggerakkan pemahaman yang kompleks mengenai sesuatu perkara. Definisi ke atas sesuatu konsep akan membuka ruang untuk menentukan soalan-soalan yang akan dibina untuk merefleksi konsep yang diperkatakan. Tidak seharusnya soalan-soalan yang dikemukakan berkenaan sesuatu konsep akan mencerminkan secara langsung makna yang diperkatakan, tetapi perwakilan soalan terhadap makna sesuatu konsep akan memberi manfaat yang lebih umum kepada ahli masyarakat.

Akhirnya, perlu diakui bahawa definisi yang dibentuk dari satu tempat ke tempat lain atau antara satu negara dengan negara lain akan berbeza bergantung kepada fokus konsep itu dibuat.

Penelitian terhadap konsep dan definisi berkenaan Kesepaduan Sosial di Kanada, New Zealand dan Australia menunjukkan bahawa fokus kesemua negara berkenaan adalah terhadap kesepaduan sosial kerana mereka perlu menjelaskan kesepaduan sosial dalam kalangan imigran yang telah menjadi *settler* dan *host*.


Malahan, Australia telah mengambil langkah berani untuk meneliti konsep kepelbagaian budaya. Kesimpulannya, pembangunan konsep Kesepaduan Sosial di Kanada dan New Zealand serta indeks Kesepaduan Sosial di Australia memfokus kepada Kesepaduan Sosial sebagai konstruk utama yang diteliti berdasarkan lima atau enam dimensi yang dikemukakan oleh Jenson (1998) dan Bernard (1999).



Kesepaduan Sosial Di Malaysia

Kesepaduan Sosial merujuk kepada keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat berbilang etnik (Shamsul, 2012). Kesepaduan Sosial di Malaysia adalah berasaskan konsep kepelbagaian budaya yang tersulam dalam sebuah negara tamu dan berasaskan etnik di mana corak pembinaan negara ini mempunyai sejarah, struktur dan biografi yang unik.

Kesepaduan sosial dapat difahami sebagai satu tahap atau pencapaian dalam proses menuju matlamat akhir perpaduan negara dan integrasi nasional yang diidamkan. Di tahap Kesepaduan Sosial ini rakyat pelbagai etnik, agama dan wilayah didapati telah berkongsi nilai hidup bersama, mempunyai pandangan hidup persamaan daripada jurang perbezaan dan bentuk perhubungan berdasar horizontal yang merentas dan melangkau batas etnik, agama dan wilayah. Kumpulan-kumpulan etnik di Malaysia didapati memiliki tahap keetnikan dan batas etnik sekunder sebagai pendorong ke atas pilihan tindakan sosial mereka.



Penerokaan konsep Kesepaduan Sosial di Malaysia masih berasaskan enam dimensi konsep yang dikemukakan oleh Jenson (1998) dan Bernard (1999). Sungguh pun menggunakan enam dimensi yang sama, asas penelitian telah disesuaikan dengan konteks Malaysia seperti berikut:

Rasa Kekitaan (*Belonging*): nilai bersama, identifikasi bercirikan Malaysia, nilai kemanusiaan.

Keterangkuman (*Inclusion*): hak diliputi dalam mendapat pengagihan kekayaan seperti bantuan, pemilikan rumah, pekerjaan dan pendidikan.


Penyertaan (*Participation*): penglibatan dalam persatuan/badan kebajikan, *NGO*, mengundi calon/parti dalam pilihanraya dan berbincang perihal politik.

Pengiktirafan (*Recognition*): menerima perbezaan pendapat, memberi penghargaan kepada rakyat berjasa dan mengiktiraf kepelbagaian agama.



Legitimasi (*Legitimacy*): ketidakadilan dalam layanan, usaha memburukkan pemerintah, perbezaan undang-undang berkaitan agama dan janji politik.

Kesamarataan (*Equality*): mendapat peluang dan ruang yang sama dari segi keselamatan, ekonomi, pendidikan dan pekerjaan.

Hasil analisis tahap persetujuan ke atas kesemua dimensi kesepaduan sosial ditunjukkan menerusi Rajah 7.2 dan Rajah 7.3.



Rajah 7.2: Skor Konstruk Kesepaduan Sosial



Rajah 7.3: Peratusan Persetujuan Konstruk Kesepaduan Sosial

Rasa Kekitaan (*Belonging*)


Malaysia telah merdeka selama 62 tahun. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum hari ini, kebanyakan etnik Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina, India dan etnik lain telah lahir di sini. Dapatan kajian lepas (Mansor, 2012) telah menunjukkan mereka telah mempunyai Hubungan Sosial Rentas Etnik yang baik. Oleh itu, rasa kekitaan dalam kalangan warga Malaysia dijangka berada pada tahap yang tinggi. Rajah 7.3 menunjukkan:

- 93.2% responden bersetuju bahawa kepelbagaian asal usul rakyat negara ini merupakan aset negara yang penting.
- 92.2% bersetuju bahawa program sosio-budaya kerajaan adalah diterima dan disambut baik oleh rakyat.
- 88.4% responden melihat peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menggalakkan pemaju membina perumahan yang bercampur antara etnik.
- 86.4% responden mempunyai rasa simpati antara etnik berlainan dalam hal kematian.

Dapatan-dapatan ini menjelaskan bahawa perbezaan etnik bukan halangan kepada terbina rasa kekitaan dalam masyarakat.

Rasa kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia dijangka berada pada tahap

tinggi




Rajah 7.4: Peratusan Persetujuan Komponen Rasa Kekitaan

Keterangkuman (*Inclusion*)

Pembangunan negara ini dilihat sebagai merangkumi pelbagai aspek kehidupan sosial masyarakat. Beberapa perkara utama yang dianggap penting seperti peluang mendapat pendidikan, pemilikan kediaman, bantuan kerajaan dan peluang pekerjaan di sektor awam seringkali menjadi pokok perbincangan. Perkara-perkara ini digunakan untuk meneliti persepsi masyarakat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.5:

- 83.9% responden berpandangan bahawa peluang pengajian tinggi di Universiti Awam adalah terbuka luas kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira etnik.
- 80.0% responden juga melihat rakyat negara ini tidak dipinggir daripada memiliki kediaman sendiri.
- 71.7% responden menyatakan bahawa peluang pekerjaan di sektor awam amat terbuka luas kepada setiap rakyat di negara ini.
- 68.4% responden meyakini bahawa bantuan dari pihak kerajaan adalah mudah diperolehi.




Rajah 7.5: Peratusan Persetujuan Komponen Keterangkuman

Penyertaan (*Participation*)

Penyertaan dalam politik dan pertubuhan *NGO* merupakan salah satu perkara yang menjadi komponen penting Kesepaduan Sosial di Malaysia. Berdasarkan pandangan masyarakat:

- Hampir keseluruhan responden (92.9%) menyatakan bahawa mereka mempunyai hak kebebasan mengundi calon atau parti politik yang mereka suka.
- Lebih 80% responden menyatakan bahawa penyertaan dalam aktiviti berpersatuan, kebajikan (88.9%) dan *NGO* (86.2%) terbuka untuk disertai oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.
- 79.8% rasa bebas berbincang hal politik dengan rakan sekerja.




Rajah 7.6: Peratusan Persetujuan Komponen Penyertaan

Pengiktirafan (*Recognition*)

Masyarakat Malaysia melihat soal pengiktirafan dalam hal agama, penghargaan kepada rakyat yang berjasa dan usaha tadbir urus negara adalah baik. Pandangan berkenaan hal pengiktirafan ini boleh dilihat berdasarkan:

- 86.1% berpandangan bahawa perbezaan antara agama adalah amalan sihat di negara ini.
- pihak pemerintah mengiktiraf dan menghargai rakyat berjasa melalui penganugerahan pingat (85.0%).
- 77.8% responden berpandangan bahawa pemerintah negara ini berjaya mengukuh tadbir urus dan pembangunan negara.
- 72.5% responden bersetuju bahawa mereka boleh menerima simbol agama lain.




Rajah 7.7: Peratusan Persetujuan Komponen Pengiktirafan

Legitimasi (*Legitimacy*)

Masyarakat Malaysia menyedari pelbagai isu berkaitan undang-undang di negara ini.

- 87.9% daripada responden kini lebih berwaspada apabila menerima maklumat berkaitan kepincangan tadbir urus kerajaan.
- 85.1% mengakui dan menyedari wujudnya pelbagai undang-undang berbeza berkaitan agama di negara ini.
- Sebanyak 63.1% merasakan bahawa layanan oleh kerajaan kepada *NGO* boleh dipertingkatkan lagi
- Janji-janji politik dilihat sukar dipegang dengan baik (72.9%).




Rajah 7.8: Peratusan Persetujuan Komponen Legitimasi

Kesamarataan (*Equality*)

Kesamarataan untuk mendapat ruang dan peluang dilihat berada pada tahap yang baik. Lebih tiga per empat daripada keseluruhan responden cenderung bersetuju bahawa negara Malaysia telah menyediakan ruang dan peluang kesamarataan kepada seluruh masyarakat dalam aspek pendidikan dan bantuan.

Dapatan ini meliputi beberapa perkara penting, iaitu:

- Jurang kemiskinan masyarakat pelbagai kaum masih dianggap penting untuk diselesaikan (83.4%)
- Peluang mendapat biasiswa bagi pelajar pandai ke pengajian tinggi adalah terbuka (82.3%).
- Anggota masyarakat juga mudah mendapat bantuan dari pihak berkuasa seperti Polis semasa kecemasan (81.1%).
- 81.0% berpendapat pekerja asing merampas pekerjaan rakyat tempatan.



Rajah 7.9: Peratusan Persetujuan Komponen Kesamarataan


Kesepaduan Sosial Mengikut Etnik

Penelitian Kesepaduan Sosial Mengikut Etnik menunjukkan bahawa lebih tiga per empat responden kajian cenderung bersetuju bahawa Malaysia telah mempunyai Kesepaduan Sosial yang tinggi dalam kesemua aspek, iaitu kekitaan (90.6%), penyertaan (86.4%), pengiktirafan (83.5%), kesamarataan (81.7%), legitimasi (77.9%) dan keterangkuman (75.8%).

Namun begitu, hasil penelitian menunjukkan komuniti Melayu, Cina dan Bumiputera Sarawak secara relatif berbanding dengan etnik-etnik lain masih merasakan usaha keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan, legitimasi dan kesamarataan masih belum mencukupi. Hal ini berkait rapat dengan soal pengagihan peluang ekonomi dan kekayaan negara, isu pendidikan berkaitan peluang, pengiktirafan dan standard.

Jadual 7.18: Perbandingan Persetujuan Konstruk Kesepaduan Sosial Mengikut Etnik

Komponen	Purata	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain
Kekitaan	90.6	91.3	91.5	90.6	88.0	91.0	91.1
Keterangkuman	75.8	77.3	68.3	77.8	73.2	76.8	81.4
Penyertaan	86.4	87.3	81.5	87.5	84.2	90.5	87.5
Pengiktirafan	83.5	78.4	80.6	85.9	80.8	87.1	88.1
Legitimasi	77.9	77.0	74.3	80.9	73.9	81.1	80.4
Kesamarataan	81.7	83.5	73.1	83.8	80.2	84.0	85.3





Rajah 7.10: Perbandingan Persetujuan Konstruk Kesepaduan Sosial Mengikut Etnik


ETOS BANGSA

Etos Bangsa adalah konsep yang menjelaskan mengenai Etos Nasional Bangsa Malaysia. Konsep ini berkaitan dengan keterikatan emosi kolektif nasional dengan sejarah sosial dikongsi, menerima pasak dan pelantar integrasi dalam perlembagaan, dan mendokong Tadbir Urus Dan Pembangunan yang menjamin kesepaduan, kestabilan dan kesejahteraan hidup rakyat. Keterikatan emosi kolektif nasional ini membina kesetiaan dan kecintaan kepada negara hingga lahir semangat patriotisme dan nasionalisme yang melangkaui batas etnik, agama dan wilayah.

Hasil analisis menunjukkan bahawa lebih daripada 80%-90% daripada keseluruhan responden cenderung berpendapat bahawa nilai Etos Bangsa telah terbina dalam diri masing-masing. Keadaan ini menunjukkan bahawa semua etnik yang suatu masa dahulu dianggap sebagai terpisah dan terasing oleh kemajmukan mereka, kini telah memiliki ciri diri kolektif nasional sebagai bangsa Malaysia. Inilah ciri warganegara yang ingin disemat dalam diri semua etnik yang telah lahir dan tinggal bersama di negara ini.



Rajah 7.11: Skor Konstruk Etos Bangsa



Rajah 7.12: Peratusan Persetujuan Konstruk Etos Bangsa

Hasil analisis menunjukkan bahawa lebih daripada 80%-90% daripada keseluruhan responden cenderung menunjukkan telah terbina nilai Etos Bangsa dalam diri masing-masing. Keadaan ini menunjukkan bahawa semua etnik yang suatu masa dahulu dianggap sebagai terpisah dan terasing oleh kemajmukan mereka kini telah memiliki ciri diri kolektif nasional sebagai bangsa Malaysia. Inilah ciri warganegara yang ingin disemat dalam diri semua etnik yang telah lahir dan tinggal bersama di negara ini.

Jadual 7.19: Peratusan Kecenderungan Persetujuan Komponen Etos Bangsa

Komponen	Item	Cenderung Bersetuju	Cenderung Tidak Bersetuju
Perkongsian Sejarah	Saya perakui peristiwa rusuhan kaum seperti 13 Mei 1969 mesti dielak.	91.0%	9.0%
	Pergerakan reformasi pada akhir tahun 90-an menjadi pencetus perubahan politik pada tahun 2018.	72.7%	27.3%
Perkongsian Nilai	Saya menerima amalan sistem demokrasi dalam pemerintahan negara ini.	87.9%	12.1%
	Saya yakin perkongsian kuasa di antara kaum telah memastikan kestabilan politik di negara ini.	81.8%	18.2%
Perasaan Kekitaan Bersama	Saya bangga negara ini terdiri dari pelbagai kaum, budaya dan agama.	92.4%	7.6%
	Saya menerima agama Islam sebagai agama rasmi negara ini.	91.3%	8.7%
Perkongsian Masa depan	Saya tidak akan berhijrah ke negara lain walau apa jua perkara yang berlaku dalam negara ini.	85.3%	14.7%
	Saya yakin negara ini akan memastikan kesejahteraan keluarga saya.	89.9%	10.1%
	Saya mungkin kritikal terhadap kerajaan sedia ada, tetapi apa jua masalah negara akan saya tangani secara bersama.	87.5%	12.5%
	Saya sedia berkorban jika negara diancam pencerobohan asing.	87.5%	12.5%
Kesetiaan	Saya sentiasa membayar cukai yang ditetapkan oleh kerajaan.	87.2%	12.8%
	Saya menerima sepenuhnya perubahan yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri semasa ini.	79.6%	20.4%
Komitmen	Saya mengutamakan membeli barangan buatan Malaysia.	84.6%	15.4%
	Saya menyokong Program Khidmat Negara anjuran negara wajib dilaksanakan.	79.7%	20.3%
Keterikatan Emosi Negara	Saya berasa amat bangga apabila rakyat kita diperakui cemerlang di arena antarabangsa.	92.7%	7.3%
	Saya sungguh tersinggung jika negara diremehkan.	91.0%	9.0%

Kesepaduan Etos Bangsa Mengikut Etnik


Penelitian berdasarkan etos bangsa menunjukkan responden kajian mengikut etnik cenderung bersetuju bahawa Malaysia telah mempunyai kesepakatan yang sangat tinggi dalam kesemua aspek. Etnik Cina menunjukkan nilai peratusan yang tinggi dalam aspek perkongsian sejarah dan komitmen. Manakala Bumiputera Sarawak menunjukkan nilai peratusan yang tinggi dalam aspek perkongsian sejarah.

Jadual 7.20 menunjukkan bahawa 91.0% responden bersetuju peristiwa 13 Mei 1969 mesti dielakkan. Sebanyak 92.4% responden pula berbangga kerana Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama manakala 91.3% menerima Islam sebagai agama rasmi. Majoriti responden (92.7%) berasa bangga apabila rakyat Malaysia diperakui cemerlang di arena antarabangsa. Manakala 91.0% masyarakat berasa tersinggung jika negara diremehkan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai pencapaian Etos Bangsa yang tinggi yang dilambangkan oleh keterikatan emosi negara, perasaan kekitaan bersama dan perkongsian sejarah. Responden juga menunjukkan persetujuan yang tinggi iaitu melebihi 80% bagi kebanyakan komponen lain konstruk Etos Bangsa.

Jadual 7.20: Perbandingan Persetujuan Konstruk Etos Bangsa Mengikut Etnik

	Purata	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain
Perkongsian Sejarah	82.0	82.5	76.1	85.1	79.4	84.2	85.0
Perkongsian Nilai	86.1	84.3	82.5	87.7	85.4	88.7	88.1
Perasaan Kekitaan Bersama	90.4	93.7	85.4	90.5	91.7	90.9	90.2
Perkongsian Masa Depan	87.3	90.2	80.3	87.5	88.4	88.5	89.1
Kesetiaan	84.4	83.2	81.4	87.2	84.5	84.1	85.8
Komitmen	80.8	84.7	72.0	83.2	80.1	80.3	84.5
Keterikatan Emosi Negara	90.6	93.5	85.1	91.5	91.1	92.3	89.8



Rajah 7.13: Perbandingan Persetujuan Konstruk Etos Bangsa Mengikut Etnik

Penyatupaduan (Diusahakan)


Penyatupaduan diperlukan kerana Kesepaduan Sosial mempunyai apa yang dikatakan Penyatupaduan (Diusahakan) sebagai Defisit Sosial (*Social Deficit*). Ia bermaksud, masih terdapat beberapa persoalan besar dan kecil yang belum terurus berkait dengan etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, generasi tua-muda, gender, politik federalisme, ruang bandar-desa, dan media.

Untuk menguruskan hal-hal berkenaan, tindakan Penyatupaduan perlu diusahakan melalui Tadbir Urus dan Pembangunan negara secara adil dan terangkum, dan memberi fokus utama kepada isu-isu tertentu dari masa ke semasa. Usaha Penyatupaduan ini pastinya akan melibatkan proses Tawar-menawar (*bargaining*), Perundingan (*negotiation*), dan Pengantaraan (*mediation*).

Tiga konstruk penting yang disusun dalam model IPNas, iaitu Tahap Keetnikan, Batas Etnik dan Hubungan Sosial Rentas Etnik merupakan penelitian dalam kehidupan harian yang mampu mengungkap isu Defisit Sosial dan proses Penyatupaduan yang berlaku.

TAHAP KEETNIKAN

Hampir keseluruhan masyarakat Malaysia memperlihatkan kecenderungan besar kepada keterikatan dengan identiti dan kumpulan etnik masing-masing. Dapatan ini menunjukkan bahawa hal etnik perlu dilihat dengan serius. Hal etnik perlu ditadbir urus dan memerlukan pembangunan yang seimbang dalam semua perkara berkaitan dengan etnik.




Rajah 7.14: Skor Konstruk Tahap Keetnikan

Pembangunan, perindustrian, kosmopolitan dan kelas menengah di Malaysia kini telah melahirkan budaya modeniti dan penerimaan kepada kepelbagaian kehidupan sebagai satu budaya hidup yang dikongsi sama oleh majoriti masyarakat. Nilai-nilai moden dan sejagat ini membina pilihan tindakan rasional termasuk dalam mereka menilai agama dan budaya tradisional setempat. Hampir keseluruhan responden jelas dengan pilihan tindakan dan matlamat hidup mereka. Kemodenan juga menjadikan 60.4% merasa tidak terikat dengan pemikiran dan pantang larang orang tua semata-mata, namun turut memfokuskan kepada perkiraan rasional dan keuntungan.


Masyarakat Malaysia mahukan kestabilan dalam negara. Hampir keseluruhan responden mahu semua rakyat bersatu hati untuk membina negara dan bangsa Malaysia (94.9%). Rakyat juga diharap menolak perjuangan berteraskan keganasan (92.2%) dan mengutamakan kemajuan negara (94.3%). Majoriti mahukan perlembagaan negara dipatuhi (94.7%) dan mengelakkan tuduhan liar terhadap etnik lain. Lebih tiga per empat responden melihat prinsip pengasingan kuasa sebagai langkah yang baik untuk terus diperkukuhkan (85.9%). Sebanyak 72.4% responden pula berpendapat demonstrasi jalanan bakal mengundang ketidakstabilan dalam negara.

Berdasarkan ketiga-tiga komponen yang diteliti, kepentingan keetnikan merupakan suatu perkara yang kekal dalam diri setiap individu dalam masyarakat Malaysia. Namun, keinginan setiap individu lebih terbina mahukan kestabilan negara menjadi agenda setiap rakyat yang lahir dan hidup di negara ini daripada kepentingan keetnikan mereka. Mereka berpegang dengan identiti keetnikan mereka tetapi dalam kehidupan keetnikan bersifat sekunder berbanding agenda kestabilan negara.



Jadual 7.21: Peratusan Kecenderungan Persetujuan Komponen Tahap Keetnikan

Tahap Keetnikan	Kecenderungan Bersetuju	Kecenderungan Tidak Bersetuju
Keetnikan		
Saya akan pertahankan kesucian agama saya.	95.7%	4.3%
Kita perlu sentiasa belajar mata pelajaran agama.	94.6%	5.4%
Kita perlu rujuk kepada tokoh agama kita dalam mengatur hidup.	89.6%	10.4%
Saya sering melibatkan diri dalam kegiatan kebudayaan etnik saya.	85.7%	14.3%
Bahasa ibunda kita mesti dikuasai oleh setiap ahli.	93.9%	6.1%
Jati diri etnik penentu maruah diri saya.	91.3%	8.7%
Saya berbangga menyambut setiap hari perayaan agama saya.	93.9%	6.1%
Kemodenan		
Saya juga tidak ketinggalan menyambut Hari Valentine.	31.8%	68.2%
Filem-filem Hollywood lebih menarik untuk ditonton.	55.2%	44.8%
Saya suka menukar stail potongan rambut saya.	51.9%	48.1%
Setiap tindakan saya bermatlamat.	90.2%	9.8%
Pemikiran saya tidak terikat dengan pantang larang orang tua saya.	73.0%	27.0%
Kestabilan		
Kita perlu menolak perjuangan yang berteraskan keganasan.	92.2%	7.8%
Kemajuan negara mesti diutamakan.	94.3%	5.7%
Demonstrasi jalanan adalah agenda untuk melahir ketidakstabilan dalam negara.	72.4%	27.6%
Kita perlu mengelak dari membuat tuduhan liar terhadap etnik lain.	92.0%	8.0%
Saya akan mematuhi perlembagaan negara.	94.7%	5.3%
Pengasingan kuasa di antara parlimen, kerajaan, pentadbir dan kehakiman kunci kerajaan yang baik.	85.9%	14.1%
Rakyat pelbagai etnik mesti bersatu hati untuk membina bangsa Malaysia.	94.9%	5.1%




Rajah 7.15: Peratusan Persetujuan Konstruk Tahap Keetnikan

Perbandingan di antara etnik memperlihatkan bahawa etnik Cina dan Etnik Bumiputera Sarawak agak berbeza pandangan berbanding etnik lain secara relatif, kedua-dua etnik ini menunjukkan kecenderungan ciri dan nilai kebaratan. Mereka selesa menerima nilai-nilai barat dalam kehidupan mereka. Faktor sejarah berkemungkinan banyak membentuk biografi kedua-dua kelompok etnik ini.

Jadual 7.22: Perbandingan Persetujuan Konstruk Tahap Keetnikan Mengikut Etnik

Tahap Keetnikan	Purata	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain
Keetnikan	90.6	91.3	91.5	90.6	88.0	91.0	91.1
Kemodenan	75.8	77.3	68.3	77.8	73.2	76.8	81.4
Stabiliti	86.4	87.3	81.5	87.5	84.2	90.5	87.5





Rajah 7.16: Perbandingan Persetujuan Konstruk Tahap Keetnikan Mengikut Etnik

BATAS ETNIK

Masyarakat Malaysia hari ini membuat pilihan rasional berdasar nilai sejagat, iaitu material, status, tuntutan sosial dan tindakan gantian sebagai pendorong tingkah laku dalam kehidupan mereka secara relatif berbanding perkiraan etnik.

Secara perbandingan dalam Jadual 7.23 dan Rajah 7.17, pilihan normal sejagat adalah lebih besar berbanding pilihan etnik.



Rajah 7.17: Skor Konstruk Batas Etnik

Jadual 7.23: Peratusan Persetujuan Pilihan Norma Sejagat Berbanding Pilihan Etnik

	Norma Sejagat	Etnik
Material	71.0	29.0
Status	61.4	38.6
Tuntutan Sosial	67.1	32.9
Tindakan Gantian	58.7	41.3
Keseluruhan Skor	64.5	35.5

Pilihan Material Berbanding Pilihan Etnik

Dalam kes pilihan material, semua etnik sanggup menyewakan rumah kepada etnik berlainan asalkan mendapat pulangan wang yang lebih besar (80%-90%). Harga barang keperluan harian dibeli dengan harga berpatutan menjadi asas pemilihan Kedai Runcit iaitu melebihi 70%. Lebih 80% responden memilih untuk memberikan Pinjaman Bank kepada permohonan yang meyakinkan berbanding etnik sendiri.

Manakala dalam konteks mencari Rakan Kongsi, melebihi separuh daripada responden (56.2%) mempercayai pengalaman perniagaan seseorang berbanding etnik. Dalam konteks pilihan material berbanding etnik, masyarakat Malaysia telah menunjukkan kematangan berdasar norma sejagat dalam pilihan mereka. Etnik bukanlah segalanya dalam kehidupan tetapi pilihan tindakan rasional mencerminkan tingkah laku masyarakat Malaysia pada hari ini.

Jadual 7.24: Perbandingan Persetujuan Pilihan Material berbanding Pilihan Etnik Mengikut Etnik

Item Tinjauan	Pilihan Jawapan	Purata	M	C	I	BSWK	BSBH	LL
Lim Lam Seng membeli barang keperluan hariannya daripada kedai runcit Samad, terkenal dengan harga barangannya yang murah. Dari edaran yang diterima petang itu melalui jirannya, Lim Lam Seng diberitahu yang Chua Ah Boon akan membuka satu kedai runcit baru di kawasan perumahan itu dalam seminggu lagi. Ke kedai manakah Lim Lam Seng akan membeli seterusnya?	Kedai Samad	77.8	74.0	74.5	75.7	80.5	80.5	81.3
	Kedai Chua Ah Boon	22.2	26.0	25.5	24.3	19.5	19.5	18.8
Chan Chee Eng, seorang akauntan, bersama isteri dan dua orang anak kecil ingin menyewa rumah Yusof Ahmad. Penyewa rumah itu sekarang akan keluar pada hujung minggu ini. Bagaimana jawapan Yusof Ahmad?	Ya, akan menyewa	90.4	86.5	87.5	92.1	90.5	89.4	96.4
	Tidak akan menyewa	9.6	13.5	12.5	7.9	9.5	10.6	3.6
Salah seorang sepupu Yusof Ahmad, Razi mempunyai sebuah kilang papan. Esok dia akan mengadakan dua pertemuan dalam mencari seorang rakan kongsi untuk membesarkan lagi perusahaan kilang papannya. Siapakah yang akan dipilih oleh sepupu Yusof Ahmad?	Hasan, baru mendapat permit pembalakan seluas 5000 ekar dan akan memulakan pengeluaran dari kilangnya pada bulan hadapan	43.8	43.3	36.8	43.8	42.3	39.6	57.0
	Yong Teck Ghee, sudah 12 tahun pengalaman dalam perkilangan papan, lebih daripada separuh hasilnya dieksport dan dia sedang menunggu dipilih untuk kelulusan kawasan pembalakan seluas 5000 ekar lagi dari sebuah negeri.	56.2	56.7	63.2	56.2	57.7	60.4	43.0
Abang Lim Lam Seng, Lim Kok Wah adalah Pengurus Bahagian Pinjaman sebuah bank swasta. Dia dikehendaki meluluskan hanya satu permohonan pinjaman perniagaan di antara dua calon ini. Yang mana satukah akan dipilih oleh abang Lim Lam Seng?	Zaki, seorang lulusan universiti luar negara dalam bidang perniagaan ingin meminjam RM500,000 untuk salah satu projek perniagaannya dan kertas kerja itu telah disokong oleh bank.	80.4	79.4	73.4	73.7	89.3	82.9	83.6
	Chua Hock Tee, seorang lulusan luar negara dalam bidang perniagaan ingin meminjam RM500,000 untuk membiayai satu projek perniagaan yang menarik perhatiannya semasa belajar di luar negeri itu.	19.6	20.6	26.6	26.3	10.7	17.1	16.4

M=Melayu, C=Cina, I-India, BSWK=Bumiputera Sarawak, BSBH=Bumiputera Sabah, LL=Lain-Lain

Pilihan Status Berbanding Pilihan Etnik

Status menjadi pilihan utama berbanding etnik dalam kehidupan (Jadual 7.25).

Dapatan ini menunjukkan pola pilihan masyarakat berkaitan:

- Jemputan perkahwinan berstatus tinggi lebih diutamakan dari perkiraan etnik (61.2%) kecuali Bumiputera Sabah secara relatif terendah (54.4%).
- Pemilihan anak angkat di mana warna kulit putih berstatus tinggi kurang diutamakan (40.1%). Melayu secara relatif tertinggi dalam pilihan terhadap warna kulit dan etnik (72.2%)

- Menghadiri jemputan hari jadi orang kenamaan secara relatif berbanding dengan menunaikan janji dengan rakan kongsi seetniknya. Melayu didapati secara relatif terendah (66.5%) berbanding dengan etnik-etnik lain.
- Kesemua etnik dikaji menolak keuntungan status dalam kes memilih kawan anak ke zoo. Dalam kes ini perkiraan siapa patut dipilih dan bukan status menjadi pertembungan yang dirasakan mereka.

Dalam dimensi status, komuniti Melayu lebih mengutamakan perkiraan agama dan etnik dalam pemilihan tindakan mereka (berbanding dengan kumpulan etnik-etnik lain).

Jadual 7.25: Perbandingan Persetujuan Pilihan Status berbanding Pilihan Etnik Mengikut Etnik

Item Tinjauan	Pilihan Jawapan	Purata	M	C	I	BSWK	BSBH	LL
Lim Lam Seng menerima dua jemputan perkahwinan yang akan diadakan pada masa dan hari yang sama.	Datuk Ismail, seorang Pengurus Besar sebuah syarikat	61.2	61.5	57.9	63.6	63.8	54.4	65.7
	Encik Leong seorang penjaja	38.8	38.5	42.1	36.4	36.2	45.6	34.3
Jemputan perkahwinan anak siapakah yang akan didahulukan oleh Lim Lam Seng?								
Yusof Ahmad ingin mengambil seorang anak angkat. Jabatan kebajikan memberikan kepadanya borang untuk diisikan dan dua keping gambar; satu gambar anak seorang Cina yang berwarna kulit putih dan satu lagi gambar anak seorang Melayu yang berwarna kulit hitam.	Anak Cina berwarna kulit putih	40.1	27.8	43.9	35.3	38.3	45.1	50.5
	Anak Melayu berwarna kulit hitam	59.9	72.2	56.1	64.7	61.7	54.9	49.5
Yang manakah akan menjadi pilihan Yusof Ahmad?								
Lim Lam Seng dijemput menghadiri kenduri sempena harijadi Tan Sri Kamal Yusof, yang akan diadakan di kediamannya. Pada malam itu Lim Lam Seng sepatutnya hadir pertemuan dengan rakan kongsinya.	Setuju pergi	70.3	66.5	69.0	73.2	72.7	65.4	75.2
	Tidak setuju pergi	29.7	33.5	31.0	26.8	27.3	34.6	24.8
Apakah tindakan Lim Lam Seng?								
Yusof Ahmad merancang untuk membawa keluarganya ke Zoo Negara pada hujung minggu ini. Anak lelakinya ingin membawa seorang temannya bersama.	Munawar, anak seorang pekerja kilang	82.3	87.4	75.5	86.9	80.9	76.7	86.2
	Lee Ah Ming, anak seorang Menteri	17.7	12.6	24.5	13.1	19.1	23.3	13.8
Siapakah yang akan dicadang oleh Yusof Ahmad pada anaknya?								

M=Melayu, C=Cina, I-India, BSWK=Bumiputera Sarawak, BSBH=Bumiputera Sabah, LL=Lain-Lain

Pilihan Tuntutan Sosial Berbanding Pilihan Etnik

Dalam konteks tuntutan sosial, majoriti responden cenderung memilih pilihan tuntutan keterikatan sosial di antara mereka berbanding memenuhi perkiraan etnik masing-masing.

Dapatan kajian menunjukkan:

- Hampir 90% responden berpendapat bahawa masyarakat Malaysia akan saling bantu membantu rakan sekerja mereka tanpa menilai perbezaan etnik.

- Keterikatan kejiiran membuktikan situasi anak bermain dengan jiran berbeza etnik adalah satu tuntutan sosial yang dapat diperhatikan berlaku (90.7%).
- Meninggalkan kunci (75.4%) rumah kepada jiran merupakan pilihan terbaik dalam konteks tuntutan sosial dengan kejiiran, termasuk apabila berlaku kecemasan.
- Hampir 70% masyarakat Malaysia akan mementingkan ikatan dengan ketua di pejabat yang dapat berperanan dengan baik dan bukan perkiraan etnik.

Jadual 7.26: Perbandingan Persetujuan Pilihan Tuntutan Sosial berbanding Pilihan Etnik Mengikut Etnik

Item Tinjauan	Pilihan Jawapan	Purata	M	C	I	BSWK	BSBH	LL
Zaini, lulusan dalam bidang pengurusan pemasaran dari sebuah universiti terkenal di Amerika Syarikat, adalah ketua jabatan di industri tempat Lim Lam Seng bekerja. Satu kumpulan Cina di dalam jabatan itu ingin mencari jalan agar ketuanya itu digantikan dengan seorang calon dari bangsa mereka. Adakah Lim Lam Seng akan menyokong ketuanya?	Ya	68.4	63.7	67.7	69.5	72.6	67.2	70.0
	Tidak	31.6	36.3	32.3	30.5	27.4	32.8	30.0
Zulkifli anak saudara Yusof Ahmad, sedang berbincang dengan Wong See Min, kawan sekerja di pejabatnya. Wong See Min sangat mengharapkan Zulkifli agar dapat menggantinya esok ke mesyuarat jabatan mereka. Dia akan datang lewat sedikit ke pejabat kerana menjemput isterinya yang baru balik dari kampung di stesen kereta api. Apakah yang akan dijawab oleh anak saudara Yusof?	Ya	93.3	94.2	88.5	91.5	95.6	95.7	94.6
	Tidak	6.7	5.8	11.5	8.5	4.4	4.3	5.4
Lim Lam Seng terpaksa meninggalkan rumahnya dengan segera untuk menghantar isterinya ke hospital. Dia sudah lama menunggu adik perempuannya yang sudah lama dijangka tiba. Lim Lam Seng menimbang-nimbang patutkah dia meninggalkan rumahnya tanpa dikunci atau menyerahkan kunci kepada Ahmadi, jirannya. Apakah yang akan dilakukan oleh Lim Lam Seng?	Tinggal rumah tanpa berkunci	24.6	15.3	25.7	27.5	19.1	24.7	35.1
	Tinggal kunci dengan Ahmadi	75.4	84.7	74.3	72.5	80.9	75.3	64.9
Chan Chee Eng, jiran sebelah rumah Yusof Ahmad ingin menjemput ke rumahnya anak perempuan Yusof iaitu Siti yang berumur tiga tahun untuk bermain dengan anak perempuannya pada petang itu. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Yusof Ahmad?	Bersetuju	90.7	90.9	90.3	92.3	94.0	86.3	90.3
	Tidak Bersetuju	9.3	9.1	9.7	7.7	6.0	13.7	9.7

M=Melayu, C=Cina, I-India, BSWK=Bumiputera Sarawak, BSBH=Bumiputera Sabah, LL=Lain-Lain

Pilihan Tindakan Gantian Berbanding Perkiraan Agama

Pilihan tindakan gantian dibandingkan dengan perkiraan berhubung hal berkaitan agama yang dianggap sensitif.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa:

- Dalam Jawatan Ketua Chef India secara relatif tidak memberi gantian agama berbanding material sekitar 63.0%.
- Dalam kes pelayan sementara etnik Melayu dan India kurang memilih untuk menerima perkerjaan itu berbanding perkiraan agama (kurang daripada 50%). Etnik lain membuat pilihan gantian tetapi dengan peratusan sekitar 50-60%.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa etnik Melayu dan India lebih dipengaruhi nilai agama berbanding dengan etnik lain.

Jadual 7.27: Perbandingan Persetujuan Pilihan Tindakan Gantian berbanding Pilihan Etnik Mengikut Etnik

Item Tinjauan	Pilihan Jawapan	Purata	M	C	I	BSWK	BSBH	LL
Kawan Lim Lam Seng, Mohan Kumar berkerja sebagai Penolong Chef di Hotel Globetrotters. Dia ditawarkan jawatan Ketua Chef untuk mengendalikan masakan termasuk daging lembu dengan diberi kenaikan gaji sebanyak 30 peratus daripada gajinya sedia ada. Jika dia menerima tawaran kerja ini, beliau perlu memastikan masakan daging itu dimasak dengan baik.	Ya	76.7	72.5	74.5	63.0	80.5	86.0	83.9
	Tidak	23.3	27.5	25.5	37.0	19.5	14.0	16.1
Adakah kawan Lim Lam Seng, Mohan Kumar akan menerima jawatan itu?								
Khalid, anak Yusof Ahmad adalah seorang Pelayan Sementara di Hotel Globetrotters. Dia telah ditawarkan jawatan sebagai seorang pelayan bergaji dengan tugas termasuk menghidangkan arak kepada tetamu hotel itu dengan kenaikan gaji sebanyak 30 peratus.	Ya	51.7	37.1	55.8	49.9	52.3	54.6	60.4
	Tidak	48.3	62.9	44.2	50.1	47.7	45.4	39.6
Adakah Khalid, anak Yusof Ahmad akan menerima jawatan baru itu?								

M=Melayu, C=Cina, I-India, BSWK=Bumiputera Sarawak, BSBH=Bumiputera Sabah, LL=Lain-Lain


Analisis lebih terperinci dilakukan untuk menentukan sama ada setiap etnik benar-benar meletakkan pilihan norma sejagat (Material, Status, Tuntutan Sosial Atau Tindakan Gantian) atau pilihan etnik. Hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan kesemua etnik di Malaysia dipengaruhi oleh norma sejagat dan bukan dominansi perkiraan etnik semata-mata. Namun, terdapat beberapa perbezaan etnik dalam pemilihan norma sejagat dan perbandingan dengan perkiraan etnik.

- Perkiraan etnik sekitar 30% mempengaruhi setiap etnik dalam pilihan material. Etnik Cina secara relatif tertinggi yang merasakan risiko etnik ini iaitu sebanyak 32%.

- Dalam pemilihan status, 36.5% pengaruh etnik dapat diperhatikan. Etnik Melayu sebanyak 39.2% dan etnik Bumiputera Sabah 39.6% berbanding dengan etnik lain yang lebih merasakan risiko etnik.
- Etnik Melayu dan Cina yang paling merasakan risiko etnik dalam dimensi pilihan tuntutan sosial. Dalam pilihan tuntutan sosial, 30.7% pengaruh etnik dapat diperhatikan.
- Dalam tindakan gantian, 35.8% dipengaruhi perkiraan etnik dalam tindakan mereka. Etnik Melayu dan India paling dipengaruhi risiko agama dalam tindakan gantian ini, masing-masing 45.2% dan 43.6%.

Jadual 7.28: Perbandingan Persetujuan Kecenderungan Pilihan Sejagat Berbanding Pilihan Etnik Mengikut Etnik

Aspek	Asas Pertimbangan Pembuatan Keputusan	Purata	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain
1	Cenderung Material	73.1	70.8	68.0	71.3	75.7	73.1	79.6
	Cenderung Etnik	26.9	29.2	32.0	28.7	24.3	26.9	20.4
2	Cenderung Status	63.5	60.8	61.6	64.8	63.9	60.4	69.4
	Cenderung Etnik	36.5	39.2	38.4	35.2	36.1	39.6	30.6
3	Cenderung Tuntutan Sosial	69.3	66.0	68.0	70.2	70.3	68.5	72.5
	Cenderung Etnik	30.7	34.0	32.0	29.8	29.7	31.5	27.5
4	Cenderung Tindakan Gantian	64.2	54.8	65.1	56.4	66.4	70.3	72.1
	Cenderung Etnik	35.8	45.2	34.9	43.6	33.6	29.7	27.9



Rajah 7.18: Peratusan Persetujuan Pilihan Sejagat Berbanding Pilihan Etnik

HUBUNGAN SOSIAL RENTAS ETNIK

Individu



Majoriti responden kajian ini menunjukkan membina hubungan yang tinggi bagi komponen individu. Dapatan ini menunjukkan bahawa setiap rakyat Malaysia mampu bertindak dengan baik dalam membina hubungan sosial antara individu.

Komuniti

Dalam konteks komuniti, majoriti merasakan bahawa aktiviti berkaitan keagamaan, kebudayaan dan kemudahan awam yang wujud dalam komuniti sebagai penggerak kepada membina Hubungan Rentas Sosial yang baik. Namun, isu masalah sosial, pergaduhan, masih dibimbangi oleh komuniti.

Penyertaan Berpersatuan

Umumnya, masyarakat Malaysia diperhatikan semakin meningkat penyertaan mereka dalam aktiviti berpersatuan sebanyak 59.9%.




Rajah 7.19: Skor Konstruk Hubungan Sosial Rentas Etnik

Namun begitu, langkah pengukuhan Hubungan Sosial Rentas Etnik di peringkat Individu dan Komuniti, terutamanya, di peringkat Institusi perlu dilakukan dengan perancangan yang tetap. Ini bagi memastikan keterikatan sosial melangkaui Batas Etnik boleh menjadi satu kekuatan dalam berhadapan dengan masalah dan cabaran mendatang hingga salah faham dan ketegangan sosial tidak menghasut semangat perkauman hingga terbakar negara dengan rusuhan etnik.

Jadual 7.29: Peratusan Kecenderungan Persetujuan Komponen Hubungan Sosial Rentas Etnik

Komponen	Item	Cenderung Bersetuju	Cenderung Tidak Bersetuju
Individu	Saya bertanya khabar dan berbual dengan etnik lain.	91.0%	9.0%
	Saya menderma wang/barangan untuk aktiviti kebudayaan lain.	81.5%	18.5%
	Saya ikut serta aktiviti kebajikan anjuran etnik lain.	83.8%	16.2%
	Saya berinteraksi di laman sosial di internet (contoh: facebook, blog, twitter dll.) dengan etnik lain.	86.7%	13.3%
	Saya bersetuju menjemput etnik lain dalam setiap aktiviti sosial etnik saya.	76.9%	23.1%
	Saya menziarah rumah rakan etnik lain yang ditimpa musibah.	91.3%	8.7%
	Saya keluar makan bersama rakan etnik lain.	90.2%	9.8%
	Saya ada menerima kawan-kawan berbeza etnik datang ke rumah saya.	90.6%	9.4%
Komuniti	Aktiviti pelbagai persatuan agama sering dijalankan di kawasan komuniti saya.	81.3%	18.7%
	Aktiviti kebudayaan dan kesenian dapat dijalankan dengan bebas di kawasan ini.	86.7%	13.3%
	Kemudahan awam digunakan bersama dalam komuniti saya.	91.2%	8.8%
	Aktiviti ekonomi berjalan dengan baik di kawasan komuniti saya.	88.1%	11.9%
	Masalah sosial semakin berkurang dalam komuniti saya.	74.8%	25.2%
	Peristiwa pergaduhan di tempat lain tidak mempengaruhi kehidupan di kawasan ini.	81.4%	18.6%
	Pergaduhan yang berlaku di kawasan ini tidak dipengaruhi perbezaan etnik.	82.2%	17.8%
	Keamanan dan keharmonian kawasan ini adalah baik.	89.9%	10.1%
Penyertaan	Penyertaan anda dalam organisasi mengurus kematian...	52.7%	47.3%
	Penyertaan anda dalam organisasi kenduri/karnival...	66.9%	33.1%
	Penyertaan anda dalam organisasi belia/wanita...	61.2%	38.8%
	Penyertaan anda dalam organisasi koperasi...	52.2%	47.8%
	Penyertaan anda dalam organisasi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)...	59.8%	40.2%
	Penyertaan anda dalam organisasi sukarela/kebajikan/NGO...	63.0%	37.0%
	Penyertaan anda dalam organisasi Kawasan Rukun Tetangga (KRT)...	66.9%	33.1%
	Penyertaan anda dalam organisasi Sukan dan Rekreasi...	63.6%	36.4%
	Penyertaan anda dalam organisasi Kegiatan Ekonomi...	54.5%	45.5%
	Penyertaan anda dalam organisasi Parti Politik...	48.0%	52.0%
	Penyertaan anda dalam organisasi Keagamaan...	67.3%	32.7%
	Penyertaan anda dalam organisasi Persatuan Penduduk...	62.6%	37.4%
Penyertaan anda dalam organisasi Persatuan bela diri	48.6%	51.4%	




Rajah 7.20: Peratusan Persetujuan Konstruk Hubungan Sosial Rentas Etnik

Perbandingan hubungan sosial rentas etnik mengikut etnik (Jadual 7.30) menunjukkan purata hubungan etnik di antara individu (sekitar 90%), penyertaan berpersatuan (sekitar 80%) dan sekitar 75% dalam hubungan etnik dalam komuniti Hubungan Sosial Rentas Etnik dapat diperhatikan berlaku dalam negara ini.

Jadual 7.30: Perbandingan Persetujuan Konstruk Hubungan Sosial Rentas Etnik Mengikut Etnik

	Purata	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain
Hubungan Etnik antara Individu	90.6	91.3	91.5	90.6	88.0	91.0	91.1
Hubungan Etnik dalam Komuniti	75.8	77.3	68.3	77.8	73.2	76.8	81.4
Keaktifan Penyertaan	86.4	87.3	81.5	87.5	84.2	90.5	87.5



Rajah 7.21: Perbandingan Persetujuan Konstruk Hubungan Sosial Rentas Etnik Mengikut Etnik

Ciri Keahlian Organisasi (Persatuan)

Ciri keahlian dalam organisasi tertumpu kepada isu kebajikan, khidmat kemasyarakatan, kemahiran diri dan keuntungan yang boleh diperolehi daripadanya.

Dapatan menunjukkan responden yang dikaji sudah terlibat dalam persatuan yang ahli-ahlinya daripada pelbagai etnik sekitar 80%.

Kumpulan etnik-etnik Cina, India, Bumiputera Sarawak dan Sabah sering melibatkan diri dalam persatuan antara etnik yang boleh memberi keuntungan melalui peluang dan jaringan perniagaan atau ekonomi. Kumpulan Melayu banyak melibatkan diri dalam persatuan keagamaan sesama etnik mereka.

Jadual 7.31: Ciri Keahlian Dalam Organisasi Mengikut Etnik

Instrumen Tinjauan	Ciri keahlian	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain	Keseluruhan
Anda menyertai organisasi mengurus kematian...	Sesama Etnik	81.4	56.9	61.9	48.8	45.4	47.2	55.0%
	Pelbagai Etnik	18.6	43.1	38.1	51.2	54.6	52.8	22.0%
Anda menyertai organisasi kenduri/karnival...	Sesama Etnik	37.6	24.6	27.3	17.0	14.4	20.6	28.0%
	Pelbagai Etnik	62.4	75.4	72.7	83.0	85.6	79.4	59.9%
Anda menyertai organisasi belia/wanita...	Sesama Etnik	23.5	19.7	16.8	13.8	11.6	16.2	17.3%
	Pelbagai Etnik	76.5	80.3	83.2	86.2	88.4	83.8	65.7%
Anda menyertai organisasi koperasi...	Sesama Etnik	24.2	19.8	18.4	9.8	11.5	13.6	16.0%
	Pelbagai Etnik	75.8	80.2	81.6	90.2	88.5	86.4	59.1%
Anda menyertai organisasi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)...	Sesama Etnik	12.7	15.4	15.2	7.1	7.9	10.8	10.2%
	Pelbagai Etnik	87.3	84.6	84.8	92.9	92.1	89.2	71.4%
Anda menyertai organisasi sukarela/kebajikan/NGO...	Sesama Etnik	12.6	12.7	14.6	6.1	7.0	13.0	10.0%
	Pelbagai Etnik	87.4	87.3	85.4	93.9	93.0	87.0	73.8%
Anda menyertai organisasi kawasan Rukun Tetangga...	Sesama Etnik	14.7	10.2	13.1	8.0	6.3	9.9	11.3%
	Pelbagai Etnik	85.3	89.8	86.9	92.0	93.7	90.1	76.3%
Anda menyertai organisasi sukan dan rekreasi...	Sesama Etnik	13.0	12.9	16.0	7.9	7.1	8.9	10.3%
	Pelbagai Etnik	87.0	87.1	84.0	92.1	92.9	91.1	72.8%
Anda menyertai organisasi kegiatan ekonomi...	Sesama Etnik	15.4	14.9	14.0	8.4	10.1	5.4	10.8%
	Pelbagai Etnik	84.6	85.1	86.0	91.6	89.9	94.6	65.2%
Anda menyertai organisasi parti politik...	Sesama Etnik	21.8	19.7	18.8	10.8	10.3	11.1	13.9%
	Pelbagai Etnik	78.2	80.3	81.2	89.2	89.7	88.9	57.0%
Anda menyertai organisasi Keagamaan...	Sesama Etnik	73.0	56.2	51.0	45.5	34.8	31.6	53.5%
	Pelbagai Etnik	27.0	43.8	49.0	54.5	65.2	68.4	30.8%
Anda menyertai organisasi persatuan penduduk...	Sesama Etnik	18.8	16.1	17.0	8.3	13.3	11.5	14.1%
	Pelbagai Etnik	81.2	83.9	83.0	91.7	86.7	88.5	67.4%
Anda menyertai organisasi seni bela diri...	Sesama Etnik	26.5	20.4	17.3	12.1	10.2	9.0	15.6%
	Pelbagai Etnik	73.5	79.6	82.7	87.9	89.8	91.0	53.6%

TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN


Fokus Tadbir Urus dan Pembangunan negara adalah berkaitan soal bagaimana kerajaan sedia ada berkeupayaan mengurus berkaitan hal ekonomi, politik, jenayah dan rasuah, perkhidmatan awam, kemudahan awam dan pengurusan masyarakat.

Dari enam dimensi Tadbir Urus dan Pembangunan, tiga dimensi, Perkhidmatan Awam, Pengurusan Masyarakat dan Politik, dikenal pasti oleh responden sebagai yang di antara terbaik dengan sekitar 70% persetujuan. Urutan ini diikuti oleh dimensi Kemudahan Awam sekitar 60% dan kemampuan kerajaan menguruskan ekonomi secara relatif terendah sekitar lebih 50%.

Perincian analisis menunjukkan responden pada hari ini tidak bergantung kepada maklumat dari media cetak arus perdana. Mereka juga berpendapat masalah sosial dan jenayah tidak berkurangan. Kerajaan juga masih tidak begitu peka untuk memperbanyakkan kawasan permainan di kawasan perumahan mereka.

Keseluruhannya, Tadbir Urus dan Pembangunan yang dijalankan di negara ini telah mencerminkan kejayaan kerajaan dalam menguruskan kebijakan rakyat dan kemajuan negara. Dapatan ini menggambarkan bahawa jentera pentadbiran kerajaan berperanan dengan baik selama ini untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

Namun begitu, dimensi Tadbir Urus dan Pembangunan ini dapat dipertingkatkan dengan melakukan pelbagai penambahbaikan secara berterusan kerana kajian menunjukkan ruang ini masih wujud untuk diuruskan lagi dengan baik.



Rajah 7.22: Skor Konstruk Tadbir Urus dan Pembangunan


Jadual 7.32: Peratusan Kecenderungan Persetujuan Komponen Tadbir Urus dan Pembangunan

Item	Kecenderungan Bersetuju	Kecenderungan Tidak Bersetuju
Ekonomi		
Saya dapati harga barangan runcit di pasaran telah berjaya dikawal oleh kerajaan.	56.2%	43.8%
Pengangguran dalam kalangan keluarga saya sudah berjaya ditangani kerajaan.	56.7%	43.3%
Masalah ekonomi di negara ini telah berjaya dipulih oleh kerajaan.	54.3%	45.7%
Kekayaan negara telah berjaya diagih secara adil melalui dasar pembangunan negara.	55.6%	44.4%
Politik		
Saya membeli surat khabar arus perdana pada hari ini.	55.2%	44.8%
Saya dapati media sosial bebas melapor berita tentang masalah tadbir urus kerajaan di negara ini.	70.6%	29.4%
Wakil rakyat dari parti politik pemerintahan negara gigih memberi khidmat kepada rakyat.	68.6%	31.4%
Amalan demokrasi di Malaysia berjalan amat baik sekali.	73.3%	26.7%
Jenayah dan rasuah		
Masalah sosial semakin berkurangan di kawasan saya ini.	57.0%	43.0%
Bilangan jenayah telah menurun dengan banyak di kawasan saya.	57.5%	42.5%
Kerjasama masyarakat pelbagai etnik dengan polis semakin meningkat.	72.6%	27.4%
Gejala rasuah sedang giat dibanteras oleh kerajaan.	73.9%	26.1%
Perkhidmatan Awam		
Pelbagai kemudahan latihan pekerjaan telah dilaksanakan oleh kerajaan.	73.3%	26.7%
Kualiti pendidikan anak saya telah berjaya ditingkat oleh kerajaan.	73.4%	26.6%
Saya sentiasa menerima perkhidmatan yang baik daripada pejabat-pejabat kerajaan.	73.5%	26.5%
Kerajaan mewujudkan pelbagai program bantuan untuk keperluan peniaga.	75.0%	25.0%
Kemudahan Awam		
Masalah tempat permainan kanak-kanak di kawasan perumahan saya berjaya diselesaikan oleh kerajaan dengan segera.	58.2%	41.8%
Kerajaan telah membina pelbagai prasarana di kawasan perumahan saya.	65.6%	34.4%
Kerajaan telah menyediakan sistem pengangkutan awam di kawasan saya.	67.8%	32.2%
Pengurusan Masyarakat		
Saya sentiasa diberi layanan yang adil oleh kerajaan.	69.2%	30.8%
Rakyat pelbagai kaum telah berjaya diuruskan oleh kerajaan.	70.1%	29.9%
Kerajaan memastikan kakitangan kerajaan mestilah seimbang mengikut komposisi kaum di negara ini.	70.7%	29.3%
Kepimpinan politik dan NGO tidak suka membuat kenyataan berbaur sensitif kaum dan agama.	69.7%	30.3%

Sekitar 60% responden dikaji berpandangan bahawa Tadbir Urus dan Pembangunan Malaysia berada dalam landasan yang baik. Pelaksanaan perkhidmatan awam kepada masyarakat adalah terbaik manakala pengurusan ekonomi masih perlu dipertingkatkan (Rajah 7.23).

Penelitian berdasarkan etnik menunjukkan bahawa masyarakat Cina mempunyai pandangan di bawah nilai purata bagi keseluruhan etnik. Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai kebimbangan dalam kesemua aspek Tadbir Urus dan Pembangunan negara.


Etnik Melayu dan Cina berpendapat dimensi Jenayah dan Rasuah perlu ditangani; India mendapati pengurusan masyarakat perlu ditingkatkan; Bumiputera Sarawak mahu perkhidmatan awam ditingkatkan; dan Bumiputera Sabah mahu kemudahan awam diperbanyakkan.



Rajah 7.23: Peratusan Persetujuan Konstruk Tadbir Urus dan Pembangunan


Jadual 7.33: Perbandingan Persetujuan Konstruk Tadbir Urus dan Pembangunan Mengikut Etnik

	Purata	Melayu	Cina	India	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Lain-lain
Ekonomi	57.2	55.0	54.6	58.6	56.0	58.9	60.2
Politik	67.3	67.0	64.8	67.3	66.3	68.5	69.9
Jenayah dan Rasuah	66.8	64.8	63.2	65.9	68.1	69.2	69.7
Perkhidmatan Awam	73.3	74.8	67.5	74.4	72.8	76.9	73.1
Kemudahan Awam	66.0	66.8	61.7	67.6	66.6	63.7	69.6
Pengurusan Masyarakat	70.1	70.8	64.3	69.9	71.1	71.9	72.6



Rajah 7.23: Pebandingan Persetujuan Konstruk Tadbir Urus Tadbir Urus dan Pembangunan Mengikut Etnik





Model Struktur IPNas



Model Struktur IPNas

Model struktur IPNas menunjukkan jalinan konstruk Tahap Keetnik, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan, Etos Bangsa, Kesepaduan Sosial dan Detik Perpaduan dalam satu model.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEPADUAN NASIONAL

Dapatan kajian ini menunjukkan pengaruh utama dalam membina hubungan etnik dan Kesepaduan Nasional adalah Tadbir Urus dan Pembangunan, dan juga Hubungan Sosial Rentas Etnik. Batas Etnik dan Etos Bangsa juga boleh, masing-masing, mempengaruhi Detik Perpaduan (Perbezaan Semantik) dan Kesepaduan Sosial.

Pola penganalisan ini menunjukkan bahawa faktor Tadbir Urus dan Pembangunan adalah jentera penting dalam menentukan Perpaduan Malaysia. Penemuan ini menyokong tesis bahawa dalam masyarakat pasca-kolonial seperti Malaysia, Leo Kuper (1974) mengambil pendekatan berbeza dari Marx dengan memberi penekanan kepada hubungan politik dan bukan kelas dalam menjamin keharmonian, kestabilan dan kemajuan negara. Dalam sebuah negara merdeka, dimensi politik iaitu persaingan untuk menguasai sumber material masyarakat dan kedudukan sosial dikaitkan dengan tadbir urus dan pembangunan sesebuah negara.


Faktor Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) didapati signifikan dalam mempengaruhi secara langsung faktor Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) ($\beta = 0.379$, $p < 0.05$), Kesepaduan Sosial ($\beta = 0.121$, $p < 0.05$) dan Etos Bangsa ($\beta = 0.119$, $p < 0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa Tadbir Urus dan Pembangunan telah membuktikan berlaku perubahan sosial melalui proses penghijrahan, perbandaran dan pembinaan kelas menengah sehingga terbina Hubungan Sosial Rentas Etnik yang menyebabkan berlaku pergaulan di antara etnik yang berbeza seperti di taman, tempat kerja, kompleks membeli-belah, gelanggang sukan, di pasar malam, bazar Ramadhan dan sebagainya sehingga terbina Etos Bangsa dan Kesepaduan Sosial.

Faktor Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) didapati signifikan dalam mempengaruhi Etos Bangsa (EB) ($\beta = 0.315, p < 0.05$) dan Kesepaduan Sosial (KS) ($\beta = 0.308, p < 0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa dengan terbinanya Hubungan Sosial Rentas Etnik dapat menjelaskan telah berlakunya pergaulan di antara etnik dan agama hingga telah mengukuhkan lagi Kesepaduan Sosial dan Etos Bangsa.

Faktor Batas Etnik (BE) didapati signifikan dalam mempengaruhi Detik Perpaduan Situasi Hipotetikal (DPH) ($\beta = 0.322, p < 0.05$). Situasi ini menunjukkan bahawa Batas Etnik yang nipis telah membuktikan detik-detik perpaduan boleh berlaku dalam pelbagai suasana sosial dan suasana malapetaka seperti banjir, kebakaran, kemalangan dan juga di kedai-kedai makan, pasar malam, bazar Ramadhan, gelanggang sukan dan sebagainya.

Faktor Tahap Keetnikan (TK) didapati signifikan dalam mempengaruhi Etos Bangsa (EB) ($\beta = 0.356, p < 0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa perlembagaan dan pembinaan negara bangsa berdasarkan integrasi di mana setiap identiti etnik diperakui, diterima, dikongsi dan diraikan. Dalam kepelbagaian ini, kestabilan negara diutamakan oleh setiap kumpulan etnik demi menjamin kemakmuran negara.

Faktor Etos Bangsa (EB) merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi Kesepaduan Sosial ($\beta = 0.412, p < 0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa pembentukan etos nasional bangsa Malaysia adalah penting supaya semua warga Malaysia akan mempunyai nilai bangsa Malaysia yang akan memacu usaha berterusan dalam mencapai Kesepaduan Nasional.



Rajah 8.1: Model Struktur IPNas

INDEKS PERPADUAN NASIONAL (IPNas) 2018

Berapakah nilai IPNas Malaysia? Inilah soalan yang ingin diketahui oleh kebanyakan individu berdasarkan kajian ini.

Sebagaimana dimaklumkan di awal perbincangan, analisis dan dapatan kajian IPNas 2018 tidak menggunakan pendekatan Scanlon-Monash Indeks (SMI) of Social Cohesion di mana mereka membincangkan tahap pencapaian Kesepaduan Sosial berdasarkan nilai purata setiap komponen.

IPNas bukanlah juga berdasarkan nilai varian perubahan kepada Detik Perpaduan kerana Detik Perpaduan hanya muncul secara sementara.


Nilai IPNas adalah berdasarkan nilai varian keseluruhan yang terkumpul dalam konstruk Kesepaduan Sosial yang disebabkan oleh pengaruh faktor Tahap Keetnikan, Batas Etnik, Hubungan Sosial Rentas Etnik, Tadbir Urus dan Pembangunan, dan Etos Bangsa. Nilai ini juga boleh dipanggil sebagai nilai **Kesepaduan Nasional** kerana perubahan nilai Kesepaduan Sosial adalah hasil pengaruh Etos Bangsa.

Oleh itu, Nilai IPNas Malaysia 2018 ialah 0.567. Nilai indeks ini adalah tinggi berdasarkan skala di antara 0 hingga 1 yang dinyatakan oleh Cohen (1988) sebagai petunjuk yang sesuai bagi kajian sains tingkah laku manusia. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan yang diperolehi melalui IPNas adalah kuat dan kukuh walaupun defisit sosial masih berterusan dan muncul sekali sekala.

Jadual 8.1: Skala Pengukuran Cohen

Nilai	Ukuran
0.26-1.00	Tinggi
0.13-0.25	Sederhana
0.02-0.12	Rendah

Sumber: Cohen (1988)



Rajah 8.2: Model Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)


BAGAIMANA IPNas MEMPENGARUHI POLISI MALAYSIA

Analisis Pemetaan *Importance-Performance* menunjukkan bahawa tiga faktor penting yang perlu difokuskan bagi meningkatkan Kesepaduan Sosial ialah Etos Bangsa, Hubungan Sosial Rentas Etnik dan Tadbir Urus dan Pembangunan.

Tindakan utama yang perlu dilakukan untuk mencapai prestasi Kesepaduan Sosial yang baik ialah dengan mempertingkatkan Etos Bangsa. Usaha ini perlu dilaksanakan dengan memberi kefahaman dan penghayatan berterusan kepada semua rakyat Malaysia mengenai kepentingan memahami sejarah negara yang telah membentuk biografi diri mereka. Rakyat juga perlu difahamkan tentang stuktur sosial meliputi negara, masyarakat dan pasaran.

Seterusnya, Hubungan Sosial Rentas Etnik perlu disemarakkan dan disegarkan sentiasa melalui pelbagai aktiviti peringkat individu, keluarga dan komuniti. Kesemua ini mesti menjadi agenda formal institusi berkaitan perpaduan dan usaha berterusan secara tidak formal melalui teladan pemimpin masyarakat.

Terakhir, Tadbir Urus dan Pembangunan Negara juga perlu dilaksanakan dengan baik untuk kesejahteraan rakyat. Masyarakat hanya mahu masalah kehidupan mereka diselesaikan dengan segera baik khususnya yang melibatkan kos sara hidup harian.




Rajah 8.3: Analisis Pemetaan *Importance Performance* Konstruk Kajian

Analisis Pemetaan *Importance-Performance*

Penelitian lebih terperinci berdasarkan Analisis Pemetaan *Importance-Performance* menunjukkan bagi setiap komponen dalam setiap konstruk yang digunakan dalam model IPNas ini menunjukkan bahawa:

1. Tahap Keetnikan melihat ciri dan diri etnik masing-masing tidak dapat dipisah daripada pemikiran masyarakat Malaysia. Hal ini perlu ditadbir urus dengan baik. Setiap etnik juga memerlukan pembangunan yang khusus demi menjaga keperluan dan kebajikan setiap etnik masing-masing. Jika usaha ini dibuat dengan baik, Kesepaduan Sosial sudah pasti akan kekal dan meningkat.

2. Semua etnik mahu kestabilan negara diperkukuh dan dipertahankan oleh setiaparganya. Kestabilan negara bermakna setiap etnik tidak merasa terganggu dan tertekan untuk hidup bersama dengan etnik-etnik lain.
3. Hubungan Sosial Rentas Etnik pada tahap individu perlu diasuh dalam pelbagai peringkat secara berterusan sama ada secara formal atau tidak formal.
4. Etos Bangsa mesti dibangunkan melalui kefahaman sejarah, struktur dan biografi. Dengan itu identiti dan jati diri rakyat akan menjadi bekal menjaga maruah negara pada setiap masa.
5. Hubungan Sosial Rentas Etnik pada tahap komuniti juga perlu diasuh secara berterusan. Proses perundingan, tawar-menawar dan mediasi perlu dirancang dalam setiap aspek Defisit Sosial diurus dengan baik supaya Kesepaduan Nasional akan dapat menunjang dengan kukuh.



Rajah 8.4: Analisis Pemetaan *Importance Performance* Komponen Konstruk Kajian





Cadangan Pelan Tindakan IPNas



Cadangan Pelan Tindakan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2018

Bil.	Asas Penemuan	Inisiatif	Strategi	Tindakan yang Diperlukan	Kementerian/ Agensi	Tempoh Masa
1	Etos Bangsa	Peningkatan kualiti jati diri (kekuatan dalaman), identiti (sahsiah kebangsaan)	Menubuhkan Unit Etos Bangsa (UEB)	Mewajibkan latihan jati diri dan identiti diikuti oleh semua rakyat Malaysia di pelbagai peringkat merentas generasi	Agensi Peneraju: Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (PERPADUAN) Agensi Pelaksana: Agensi berkaitan	2020 hingga 2025
2	Hubungan Sosial Rentas Etnik	Menggalakkan aktiviti kolektif dan pembangunan individu dan komuniti	Menggunakan institusi sedia ada (KRT) untuk meluaskan aktiviti terarah dan menggembelng pusat sosial sedia ada (masjid, gurdwara, kuil, gereja) untuk kegiatan umum yang informal dengan matlamat akhir mengurus sosial defisit	Pengukuhan struktur hubungan organisasi antara berbilang agama dan etnik di setiap peringkat masyarakat	Agensi Peneraju: Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (PERPADUAN) Agensi Pelaksana: Agensi berkaitan	2020 hingga 2025
3	Tadbir Urus dan Pembangunan	Mewujudkan badan koordinasi rentas kementerian dan jabatan untuk melicinkan tadbir urus dan pembangunan	Menubuhkan hub-komuniti di seluruh negara bagi menyelaraskan dan memantau intervensi tadbir urus dan pembangunan	Menyediakan tapak pertemuan dan kemudahan untuk rekreasi dan aktiviti masyarakat bagi menambahbaik kualiti hidup bermasyarakat	Agensi Peneraju: Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (PERPADUAN) Agensi Pelaksana: Agensi berkaitan	2020 hingga 2025
4	Tahap Keetnikan	Penubuhan rasmi Pusat Mediasi sebagai tapak integrasi	Menyenarai dan meneliti perbezaan dan cabaran antara komuniti untuk diselesaikan	Memeta dan memprofil kerencaman komuniti setempat	Agensi Peneraju: Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (PERPADUAN) Agensi Pelaksana: Agensi berkaitan	2020 hingga 2025

*Cadangan Pelan Tindakan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) ini perlu diperhalusi dalam beberapa siri bengkel bersama agensi berkaitan bagi memastikan pelan ini dapat dilaksanakan.



Rumusan



Rumusan

Perpaduan merupakan suatu perkara yang amat penting dalam hidup kita di Malaysia. Semenjak berlakunya peristiwa berdarah 13 Mei 1969, negara dan rakyat tidak berhenti membincangkan dan mencari jalan untuk mencapai perpaduan. Selama 50 tahun, kita masih belum tahu dengan pasti apakah perpaduan itu telah tercapai atau masih diidamkan?

Namun Malaysia menikmati suatu bentuk perpaduan kerana kita telah berjaya menghindari keganasan dan pertumpahan darah selama ini. Malah kita berjaya mengeratkan hubungan antara etnik biarpun terdapat penyuaran terbuka tentang perbezaan kita. Tegang kendurnya hubungan antara kaum dan beberapa perkara yang menyebabkan ianya berlaku sedemikian rupa masih menjadi teka-teki.

Usaha pembentukan IPNas adalah berasaskan buah fikiran dalam bentuk teori dan konsep dan juga indeks lain yang pernah dibentuk dan diasaskan di dalam dan di luar negeri. Keluasan dan keluasan yang diperlukan untuk membina IPNas ini melibatkan konsep-konsep berikut yang diuraikan dalam glosari indeks ini.

Gabungan beberapa konsep ini telah membolehkan kita mendekati usaha ini dari segi makro dan mikro. Maksudnya, apakah yang mendasari perpaduan di Malaysia? Sudah dicapai atau tidak? Dan kefahaman umum terhadapnya perlu diperjelas dan ini dilakukan dalam Laporan IPNas. Perkara mikro berkait dengan pandangan peribadi menurut gender, pekerjaan, usia dan faktor demografi lain telah diambil kira bagi melengkapkan pandangan makro itu tadi.

Dari segi metodologi, IPNas menggunakan beberapa pendekatan termasuk soal selidik yang telah dianalisis menggunakan *Partial Least Square Structural Equation Modelling* (SmartPLS) dan Analisis Pemetaan *Importance-Performance* untuk mengenalpasti tahap kesepaduan yang telah dicapai serta langkah intervensi yang diperlukan bagi mengukuhkan usaha ke arah perpaduan. Salah satu penemuan penting IPNas ialah rasa keterikatan emosi terhadap negara yang tinggi (91.8%); rasa kekitaan bersama (91.9%); perkongsian masa depan bersama (87.5%); perkongsian nilai (84.8%); kesetiaan (83.4%), komitmen (82.2%); dan perkongsian sejarah (81.9%).

Namun demikian kita juga mengenalpasti 10 defisit sosial yang senantiasa diperkatakan secara terbuka atau tidak langsung oleh semua yang ditemui semenjak *Blueprint Perpaduan Nasional* (2015) dan semasa sesi pendampingan awam (2018). Defisit sosial tersebut ialah 1) etnisiti; 2) agama; 3) kelas sosial; 4) pendidikan; 5) bahasa; 6) Jurang generasi; 7) gender; 8) politik federalisme; 9) ruang bandar-desa; 10) media. Perkara-perkara ini terus menimbulkan persoalan, tanda-tanya, kritikan, komentar dan juga lontaran pandangan daripada rakyat. Maka kita terus mencari penyelesaian terhadap perkara tersebut dengan rasional, penuh kesedaran, penyelesaian secara aman dan menemukan jalan keluar yang menguntungkan semua pihak.

Kematangan rakyat Malaysia yang celik politik dan ekonomi membolehkan sebarang pertentangan yang berlaku dalam negara kita boleh diselesaikan tanpa menjejaskan kestabilan sosial negara dan mempertahankan kesepaduan nasional.

Akhir kata, perpaduan akan terus diidamkan, kesepaduan dicapai dan dilanjutkan, usaha penyatupaduan dilakukan terus menerus atas prinsip tawar menawar, perundingan dan mediasi.

Rujukan

- Beauvais, C., & Jenson J. (2002). *Social Cohesion: Updating the state of the research*, CPRN Discussion paper, n° F/22
- Bernard, P. (1999) Social Cohesion: Critique of a Quasi-Concept, Social Link and Policies – RIAC, 41, 47-59
- Cohen J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, 2nd Ed. Hillsdale, NJ: Laurence Erlbaum Associates
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling*. 2nd Ed. Thousand Oaks: Sage.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2015). *Indeks Belia Malaysia 2015*.
<http://www.iyres.gov.my/index.php/ms/indeks-belia-malaysia>
- Institute for Economics & Peace. (2018). Global Peace Index 2018: Measuring Peace in a Complex World, Sydney, June 2018. <http://visionofhumanity.org/reports>.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2018). *Indeks Ketegangan Masyarakat 2018*.
- Jenson, J. (1998). *Mapping social cohesion: The state of Canadian research* (pp. 109-28). Family Network, CPRN.
- Kuper, L. R. (1974). *Class and Power: Ideology and Revolutionary Change in Plural Societies*. London: Duckworth.
- Kirkpatrick, N. (2014). 24 dead, 160,000 homeless in flooding in Malaysia and Thailand. Washingtonpost. 29 Disember 2014. www.washingtonpost.com/news/morning-mix/wp/2014/12/29/24-dead-160000-homeless-in-flooding-in-malaysia-and-thailand/?noredirect=on&utm_term=.3d037c1e5a28
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2016). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016. http://www.lppkn.gov.my/Laporan_Indeks_Kesejahteraan_Keluarga_Malasia_2016.pdf
- Mahathir Mohamed. (1992) "Bangsa Malaysia yang bersepadu menjelang tahun 2020." Teks ucapan di Majlis Makan Malam anjuran Kelab Harvard Malaysia di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 31 Januari.
- Mansor Mohd Noor. (2012). Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Markus, A. (2016). *Mapping Social Cohesion: The Scanlon Foundation Surveys 2016*. ACJC, Faculty of Arts, Monash University.
- Markus, A. (2018). *Mapping Social Cohesion: The Scanlon Foundation Surveys 2018*. ACJC, Faculty of Arts, Monash University.
- Markus, A., & Dharmalingam, A. (2008). *Mapping Social Cohesion: The 2007 Scanlon Foundation Surveys*. Monash Institute for the Study of Global Movements.
- Markus, A., & Dharmalingam, A. (2014). Mapping Social Cohesion. *The Scanlon Foundation Surveys*, 1-54.
- Mills, C. W. (1959). *The Sociological Imagination*. New York: Oxford University Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2018). 'Perpaduan Kunci Masa Depan'. *Mingguan Malaysia*. 30 Disember
<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/perpaduan-kunci-masa-depan-1.812568>
- Shamsul Amri Baharuddin (2012). *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

